

**MESYUARAT PENUH MAJLIS  
BIL.07/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 31 JULAI 2013  
MASA : 9.30 PAGI  
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,  
TINGKAT 16, MPAJ**

**MESYUARAT PENUH MAJLIS  
BIL.07/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH** : 31 JULAI 2013  
**MASA** : 9.30 PAGI  
**TEMPAT** : BILIK MESYUARAT 1,  
TINGKAT 16, MPAJ

**AGENDA**

1. Bacaan Doa.
2. Ucapan Pengerusi.
3. Mengesahan Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.06/2013 bertarikh 28 Jun 2013.
4. Kertas Makluman Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk Local Agenda 21 (LA 21) Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.1/2013.
5. Kertas Makluman Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.2/2013.
6. Kertas Makluman Rumusan Mesyuarat Khas Kewangan Bajet 2014/2015 Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.1/2013.
7. Pembentangan laporan-laporan seperti berikut :-
  - 7.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.07/2013 .
  - 7.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.07/2013.
  - 7.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.07/2013.
  - 7.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.07/2013.
  - 7.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.7/2013.
  - 7.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.13/2013.

- 7.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.14/2013.
8. Ucapan Penangguhan oleh Tn. Jafrien Bin Muhammad.
9. Penutup.

**SULIT**

**MESYUARAT PENUH MAJLIS  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.07/2013**

---

**KANDUNGAN**

1. Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.06/2013.
2. Kertas Makluman Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk Local Agenda 21 (LA 21) Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.1/2013.
3. Kertas Makluman Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.2/2013.
4. Kertas Makluman Rumusan Mesyuarat Khas Kewangan Bajet 2014/2015 Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.1/2013.
5. Lampiran-lampiran :-
  - 7.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.07/2013 .
  - 7.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.07/2013.
  - 7.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.07/2013.
  - 7.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.07/2013.
  - 7.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.7/2013.
  - 7.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.13/2013.
  - 7.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.14/2013.

**MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BIL. 6/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 28 JUN 2013**  
**MASA : 9.30 PAGI**  
**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1  
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

**KEHADIRAN**

- |     |  |   |             |
|-----|--|---|-------------|
| 1.  | Tn. Abd Hamid bin Hussain<br>Timbalan Yang DiPertua Majlis | - | Pengerusi   |
| 2.  | Tn. Razali bin Ramly                                       | - | Ahli Majlis |
| 3.  | Tn. Jafrien bin Muhammad                                   | - | "           |
| 4.  | Tn. Abdul Latif bin Shaari                                 | - | "           |
| 5.  | Tn. Hamsah bin Djabir                                      | - | "           |
| 6.  | Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis                             | - | "           |
| 7.  | Tn. Fong Teck Keong  | - | "           |
| 8.  | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar                              | - | "           |
| 9.  | Pn. Sian Keng Eng  | - | "           |
| 10. | Tn. Wong Khai Pun  | - | "           |
| 11. | Tn. Lim Fong Len   | - | "           |
| 12. | Tn. Hj. Abdul Jalil bin Hasan                              | - | "           |
| 13. | Tn. Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said                      | - | "           |
| 14. | Pn. Wan Hasrina binti Wan Hassan                           | - | "           |
| 15. | Tn. Hj. Ali bin Ismail                                     | - | "           |

- |     |                               |   |             |
|-----|-------------------------------|---|-------------|
| 16. | Tn. Hj. Mat Jusoh bin Dollah  | - | ”           |
| 17. | Tn. Abdul Aziz bin Ahmad      | - | Ahli Majlis |
| 18. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | ”           |
| 19. | Tn. Ho Ah Ngoh                | - | “           |
| 20. | Tn. Mohamad bin Samat         | - | ”           |

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

1. Y. Bhg. Dato' Mohammad bin Yacob  
Yang DiPertua Majlis
2. Tn. Hj. A. Yazid bin Alias  
Ahli Majlis, MPAJ

**TURUT HADIR (DALAMAN)**

1. Drs. Sarodin bin Hj. Shahri  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
2. En. Johari bin Atli  
Jabatan Undang-Undang
3. En. Yazid bin Sarkom  
Jabatan Bangunan dan Senibina
4. En. Hasrolnizam bin Shaari  
Jabatan Kejuruteraan
5. En. Khairilazhar bin Ismail  
Jabatan Belia dan Masyarakat
6. En. Addy Hissham bin Elias  
Jabatan Penguatkuasa
7. Pn. Maizatul Hanisa binti M. Isa  
Jabatan Perbendaharaan

8. En. Mohd Fazrin bin Rahman  
Bahagian Audit Dalam
9. Pn. Marlina binti Mohamad  
Jabatan Pelesenan
10. En. Muhamad Noor Isman bin Ismail  
Bahagian COB
11. Pn. Norhayati binti Ahmad  
Jabatan Percangan Korporat (PRO)
12. Pn. Mastura binti Ishak  
Bahagian Ukur Bahan
13. Pn. Rozita binti Razak  
Bahagian OSC
14. En. Kamil bin Amir  
Jabatan Khidmat Pengurusan
15. Pn. Norlela binti Kamsi - Urusetia  
Bahagian Urusetia
16. Pn. Noryani binti Roslan - Urusetia  
Bahagian Urusetia

**1. BACAAN DOA**

Bacaan doa oleh Tuan Haji Abdul Jalil bin Hasan.

**2. UCAPAN Pengerusi**

Tuan Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Timbalan Yang Di Pertua selaku Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, pengarah-pengarah Jabatan dan pihak media yang hadir ke Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2013. Beliau memaklumkan Dato' Yang DiPertua tidak dapat mempengerusikan Mesyuarat Majlis pada hari ini kerana menghadiri Majlis Perasmian Dewan Undangan Negeri di Shah Alam.

Tuan Pengerusi seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:-

2.1.1. Penyata Kewangan Majlis yang berakhir pada 31 Disember 2012 telah disemak dan diaudit oleh Jabatan Audit Negeri Selangor. Pihak Audit berpendapat bahawa Penyata Kewangan Majlis telah memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis, hasil operasi dan aliran tunai adalah berdasarkan perakaunan yang telah diluluskan. Sehubungan itu, MPAJ telah diperakukan Sijil Bersih iaitu Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran bagi kali yang kesepuluh. Tuan Pengerusi mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Jabatan Perbendaharaan dan semua pihak yang terlibat yang menguruskan perbelanjaan dengan baik dengan harapan usaha ini dapat diteruskan.



2.1.2. Sempena kedatangan Bulan Ramadhan, sebanyak 27 lokasi Pasar Juadah dibuka dengan sebanyak 1,656 petak telah disediakan di kawasan pentadbiran MPAJ. Daripada jumlah tersebut, 1,478 petak telah ditempah oleh penjaja-penjaja yang telah membayar lesen manakala 178 petak daripadanya masih kosong dan dibuka untuk permohonan peniaga yang berminat. Senarai kekosongan tapak adalah seperti berikut:

✚	Kampung Melayu Jalan Jati	:	9 tapak
✚	Lembah Maju	:	7 tapak
✚	Pandan Perdana 3/10	:	20 tapak
✚	Taman Angsana Hilir	:	6 tapak
✚	Taman Melawati	:	39 tapak
✚	Taman Melawati Jalan E1	:	7 tapak
✚	Taman Nirwana	:	3 tapak
✚	Ampang Jaya	:	8 tapak
✚	Bukit Antarabangsa	:	8 tapak
✚	Cheras Indah	:	4 tapak
✚	Kg Pandan	:	6 tapak
✚	Taman Melor	:	16 tapak
✚	Ampang Waterfront	:	15 tapak
✚	Jalan Medan Bukit Permai 1	:	20 tapak
✚	Taman Bukit Segar Jaya	:	10 tapak

2.1.3. Fenomena Denggi didapati semakin meningkat bukan sekadar di Ampang Jaya, malah di seluruh Malaysia. Antara punca berlakunya peningkatan ini semasa musim cuti sekolah. Ini kerana penghuni didapati cuai dan lalai ketika

meninggalkan rumah dan terdapat takungan air yang menyebabkan punca pembaikan jentik-jentik.

Sehubungan itu, semua pemilik kediaman diminta agar lebih berhati-hati ketika meninggalkan kediaman bagi mengelakkan gejala ini daripada berleluasa.

2.1.4. Majlis dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) akan mengadakan satu Seminar Integriti Warga Pihak Berkuasa Tempatan (SIW PBT) Peringkat MPAJ yang akan diadakan pada 4 Julai 2013 di Auditorium MPAJ jam 8.00 pagi – 5.00 petang dengan anggaran seramai 300 orang peserta yang melibatkan peserta-peserta daripada beberapa PBT di Malaysia. Program ini diharap dapat meningkatkan tahap integriti di khususnya penjawat awam di Pihakberkuasa Tempatan.

2.1.5. MPAJ akan menjalankan Program Kebersihan secara berperingkat bermula di lima buah kawasan pusat Bandar iaitu di Ampang Point, Bandar Baru Ampang, Taman Melawati, Pandan Indah, dan Bukit Indah.

Program akan dijalankan dengan memberikan perhatian kepada 4 fokus utama iaitu:

- Penyeliaan dan pemantauan Perkhidmatan Pembersihan Awam (PPA)
- Penyeliaan dan pemantauan Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal (PPSP)
- Penyelarasan isu-isu kebersihan antara jabatan teknikal
- Tindakan aktiviti penguatkuasaan atas kesalahan semua pihak.

Tumpuan isu kebersihan ini berpunca daripada aktiviti restoren, kedai runcit/ pasar mini dan bengkel yang menggunakan kaki lima atau lorong belakang untuk aktiviti perniagaan masing-masing.

2.1.6. Majlis akan menjalankan tindakan penguatkuasaan ke atas pemilik rumah kediaman dan premis perniagaan yang menutup longkang sehingga menghalang kerja-kerja pembersihan oleh pihak kontraktor. Notis akan dikeluarkan kepada yang terlibat supaya segera memperbetulkan keadaan di tapak dan tindakan penguatkuasaan akan diambil selepas Hari Raya nanti.

2.1.7. Pada 1 Julai 2013, genaplah 21 tahun usia penubuhan MPAJ. Sepanjang 21 tahun usia MPAJ, pelbagai pencapaian, anugerah, penambahbaikan, ragam dan cabaran telah dilalui oleh MPAJ. Mudah-mudahan dengan doa terutama daripada warga kerja dan penduduk Ampang sendiri akan lebih memberi keberkatan selama wujudnya MPAJ ini.

Sehubungan itu, pihak MPAJ telah mengatur pelbagai program untuk penduduk Ampang Jaya khususnya. Antara program yang diatur adalah Program Jom Baca 'Dunia Buku Dunia Kita' yang akan berlangsung pada 29 – 30 Jun 2013 di Menara MPAJ yang bermula dari jam 10.00 pagi hingga 8.00 malam. Program ini mendapat kerjasama daripada pihak Karangraf, Kaki Novel, Pustaka Syuhada, Farhana Bookstore dan Sinergi Ilmu. Selain itu, turut diadakan pertandingan 'Spelling Contest' dan pidato peringkat sekolah, Bengkel 'Jewelery Making', Jahitan Manik dan

Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak di samping beberapa program yang telah dirancang.

2.1.8. Majlis akan melaksanakan projek MARRIS untuk siri kedua tahun 2013 yang melibatkan 20 projek dengan melibatkan kos sebanyak RM 4 Juta. Projek ini dijangka bermula pada minggu hadapan dan dijangka siap sebelum Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

2.1.9. Akhir sekali Tuan Pengerusi mengambil kesempatan merakamkan ucapan Selamat Berpuasa kepada seluruh umat Islam yang dijangka bermula pada 10 Julai 2013. Semoga ibadah puasa ini diberkati dan mendatangkan lebih kebaikan dan keinsafan kepada kita sebagai umat manusia.

Tuan Pengerusi turut memaklumkan keadaan jerebu yang berlaku telah hampir pulih dan orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa berhati-hati dan mengurangkan aktiviti fizikal di luar rumah sekiranya jerebu berlaku lagi. Orang ramai juga diingatkan menjaga kebersihan dan tidak membuat pembakaran terbuka yang membawa kepada pencemaran udara. Pihak pemaju juga dinasihatkan supaya tapak pembinaan mereka tidak mendatangkan habuk.

### **3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 5/2013**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2013 bertarikh 31 Mei 2013 disahkan tanpa pindaan. Minit mesyuarat dicadangkan disahkan oleh Tuan Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis dan disokong oleh Tuan Hj. Abdul Jalil bin Hasan.

**4. PERKARA BERBANGKIT**

Tiada

**5. KERTAS MAKLUMAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT (JKAPK) MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL. 2/2013**

Mesyuarat Penuh Majlis menerima dan mengambil maklum Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat (JKAPK) Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil. 2/2013 bertarikh 20 Jun 2013.

Makluman

**6. PERTIMBANGAN LAPORAN****6.1. LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2013 bertarikh 28 Jun 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil. 6/2013 yang telah diadakan pada 12 Jun 2013 dengan tambahan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hamsah bin Djabir dan disokong oleh Tuan Supiramany a/l Sinnapayal.

**6.1.1. Perkara 3.1.4. di muka surat 33 - Operasi Menangkap Anjing Liar**

Ahli Mesyuarat Penuh Majlis mencadangkan Majlis meningkatkan usaha operasi menangkap anjing seperti mengadakan perangkap seperti perangkap musang, mengadakan kempen menangkap anjing liar dengan memberi bayaran sebanyak RM 37.00 kepada individu yang berjaya menangkap anjing seperti kempen menangkap tikus dan menambahkan bilangan kontraktor perkhidmatan menangkap anjing. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan dikehendaki mengkaji cadangan-cadangan tersebut untuk dilaksanakan.

**6.1.2. Perkara 3.2.5. di muka surat 35 - Pembersihan Kawasan Di Kawasan Pemaju Taman Mestika**

Tuan Supiramany a/l Sinnapayal meminta supaya pemaju Taman Mestika diberi tempoh masa untuk membersihkan kawasan mereka yang telah menjadi semak samun. Kegagalan mereka menyelenggara kawasan mengikut tempoh yang diberikan, Majlis dikehendaki mengambil tindakan dengan mengenakan kompaun mengikut undang-undang yang terpakai.

**MAKLUMAN**

## **6.2. LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2013 bertarikh 28 Jun 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 6/2013 yang telah diadakan pada 10 Jun 2013 dengan tambahan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hamsah bin Djabir dan disokong oleh Tuan Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis dan Tuan Supiramany a/l Sinnapayal.

### **6.2.1. Perkara 3.82 di muka surat 81 – Pembinaan Tangki Air Di Taman Pandan Utama**

Tuan Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis memaklumkan bahawa penduduk di Taman Pandan Utama, Kg Pandan Fasa 2 telah menerima 2 bil air daripada pihak Syabas dan pemaju dan meminta perkara ini disemak oleh pihak COB.

**MAKLUMAN**

## **6.3. LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2013 bertarikh 28 Jun 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil. 6/2013 yang telah diadakan pada 19 Jun 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said dan disokong oleh Tuan Hj. Abdul Jalil bin Hasan.

**MAKLUMAN**

**SULIT**

#### **6.4. LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2013 bertarikh 28 Jun 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil. 6/2013 yang telah diadakan pada 21 Jun 2013 dengan pindaan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Puan Sian Keng Eng dan disokong oleh Tuan Hamsah bin Djabir.

##### **6.4.1. Pindaan Perkara 2.20 di muka surat 145 – Sambungan Bumbung Di Jalan Bunga Tanjung 8 A, 8B Dan Jalan Bunga Tanjung 9**

Operasi perobohan sambungan bumbung di Jalan Bunga Tanjung 8A , 8B dan 9 terutama di belakang 7 Eleven belum dilaksanakan.

**MAKLUMAN**

#### **6.5. LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2013 bertarikh 28 Jun 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 6/2013 yang telah diadakan pada 20 Jun 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Abd. Aziz bin Ahmad dan disokong oleh Tuan Supiramany a/l Sinnapayal.

**MAKLUMAN**

**SULIT**



**6.6. LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2013 bertarikh 28 Jun 2013 telah mengambil maklum dan menerima laporan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 11/2013 dan bil. 12/2013 bertarikh 17 Jun 2013 dan 25 Jun 2013.

**MAKLUMAN****7. UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN WAN HASRINA BINTI WAN HASSAN**

Puan Wan Hasrina binti Wan Hassan mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2013. Beliau berjanji untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi memenuhi kehendak Kerajaan Negeri dan pembayar-pembayar cukai untuk menjadikan MPAJ sebuah perbandaran yang aman, bersih, indah, makmur dan selamat ke arah bertaraf antarabangsa. Dalam ucapan penangguhan beliau menyampaikan perkara berikut:

- 7.1. Mengucapkan tahniah kepada MPAJ kerana berjaya mengekalkan Sijil Bersih untuk kali yang kesepuluh. Beliau berharap ianya dapat dikekalkan hingga selama-lamanya.
- 7.2. Syabas dan tahniah kepada MPAJ kerana dapat menjimatkan perbelanjaan Majlis dengan penamatan perkhidmatan Alam Flora Sdn Bhd. Beliau mengambil kesempatan mengingatkan bahawa lebih kewangan tidak dapat diterjemahkan kepada peningkatan mutu perkhidmatan. Dalam kata lain, wang diijmatkan haruslah disalurkan kepada penambahbaikan perkhidmatan MPAJ.

- 7.3. Meningkatkan perkhidmatan berkualiti dengan menekankan 'response time' di mana tindak balas terhadap aduan dan pertanyaan pelanggan dalam masa yang singkat.
- 7.4. Membudayakan kualiti dan inovasi dalam menjalankan setiap aktiviti dalam Majlis daripada perkara yang paling kecil kepada isu-isu yang besar. Pembudayaan ini bermakna menjadikan kualiti dan inovasi sebagai satu kebiasaan dalam kerja-kerja harian.
- 7.5. Program Local Agenda 21 dijadikan suatu program di setiap zon dengan peruntukan yang dapat disediakan oleh pihak Majlis dan agensi-agensi yang terlibat. Dengan adanya kerjasama dari pihak Majlis, penduduk dan agensi-agensi swasta ini, hasrat untuk menjadikan Ampang Jaya ini aman, bersih, indah, makmur, selamat dan bertaraf antarabangsa akan dapat dicapai dalam masa yang singkat.
- 7.6. Dalam majlis-majlis dialog dengan penduduk, isu-isu yang sering dibangkitkan adalah isu sampah, infrastruktur dan keselamatan. Kes-kes jenayah ragut, rompak dan pecah rumah semakin meningkat di Ampang Jaya. Beliau memohon supaya diambil perhatian yang serius terhadap isu-isu keselamatan ini. Kekerapan rondaan oleh pihak keselamatan perlu dipertingkatkan dengan menambahkan anggota keselamatan. Pencahayaan lampu-lampu jalan ditambah di tempat yang sering berlaku kes-kes jenayah. Memandangkan musim perayaan semakin hampir yang mengundang bertambahnya berlaku kes pecah rumah semasa penghuni pulang ke kampung, beliau

mencadangkan MPAJ mengadakan kempen `rumah jiranku adalah rumah ku' untuk mewujudkan kepedulian antara jiran tertangga di dalam kawasan MPAJ.

7.7. Akhir sekali beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga MPAJ dan semoga muafakat pada tahun ini akan menjadikan Ampang Jaya Perbandaran yang paling unggul di Malaysia.

## 8. PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas ucapan penangguhan tersebut dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.36 pagi.

**Disediakan oleh:-**

Urusetia Mesyuarat  
Bahagian Urusetia  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Minit Mesyuarat telah disyorkan untuk disahkan oleh

..... dan disokong oleh .....

**(ABD. HAMID BIN HUSSAIN)**  
Pengerusi Mesyuarat  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

4.0.

**KERTAS MAKLUMAN MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA INDUK LOCAL AGENDA 21 (LA 21)  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.1/2013**

**KERTAS UNTUK MAKLUMAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS  
BIL 7/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

---

**MAKLUMAN MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA INDUK LOCAL AGENDA 21 (LA 21)  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BIL. 1/2013**

---

**JABATAN PERANCANG BANDAR**

**1.0 TUJUAN**

Kertas ini bertujuan memaklumkan kepada Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil. 7/2013 berhubung minit mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat yang telah diadakan pada 26/6/2013.

**2.0 LATAR BELAKANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Induk **Local Agenda 21** (LA 21) Bil. 1/2013 telah diadakan selaras dengan teguran yang diterima dalam sesi pengauditan star rating pada awal tahun 2013 yang mengkehendaki pihak Majlis membentuk Jawatankuasa Induk dan mengadakan mesyuarat bagi tujuan menyelaraskan semua Program LA 21 .

Seterusnya Jawatankuasa Induk ini berfungsi memantau progres program yang dirancang dan dilaksanakan oleh setiap Jawatankuasa Kerja dan membuat pelaporan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar , Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

3.0 PENUTUP

Kertas ini dikemukakan kepada Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Ampang Jaya untuk makluman selanjutnya.

Disediakan oleh : .....  
**(NORLIZA BT MASRI )**  
Penolong Pegawai Perancang Bandar  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Disemak oleh : .....  
**(ZURAINA BT SAID )**  
Pegawai Perancang Bandar  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Disahkan oleh : .....  
**(TN. HJ ABD HAMID BIN HUSSAIN)**  
Timb. Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
Merangkap Pengerusi  
Jawatankuasa Local Agenda (LA 21)  
23/7/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK LOCAL AGENDA  
(LA 21) MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BIL. 1/2013**

**Tarikh : 26 Jun 2013**  
**Masa : 2.30 Petang**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Tingkat 16 , Mpaj**

**KEHADIRAN**

1. Tuan Hj. Abdul Hamid Bin Hussain  
Timbalan Yang Dipertua - Pengerusi
2. Tn. Razali bin Ramly - Ahli Majlis
3. Tn. Hamsah Bin Djabir - Ahli Majlis
3. Tn. Supiramany A/L Sinnapayal - Ahli Majlis
4. Tn. Meor Rithuan Mohamed Said - Ahli Majlis
5. Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis - Ahli Majlis
6. Tn. Fong Teck Keong - Ahli Majlis
7. Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar - Ahli Majlis
8. Tn. Lim Fong Len - Ahli Majlis
9. Tn. Abdul Jalil Bin Hasan - Ahli Majlis
10. Pn. Wan Hasrina Bt Wan Hassan - Ahli Majlis
11. Tn. Hj. Ali Bin Ismail - Ahli Majlis
12. Tn. Abdul Aziz Bin Ahmad - Ahli Majlis
13. Tn. Mohamad Bin Samat - Ahli Majlis
14. Tn. Ho Ah Ngoh - Ahli Majlis

15. En. Mohd Azam Bin Toiman - Kem. Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
16. En. Najib Endone - Pejabat Belia Hulu Langat
17. En. Mohd Shahrul - Pejabat Belia Gombak
18. En. Nur Aizuddin - PDRM, IPD Ampang
19. Pn. Zuriani Zulkifli - AADK, Ampang
20. En. Ahmad Tarmidi Bin Nawawi - Jabatan Kebajikan Masyarakat Gombak
21. Pn. Hasnina Bt Ibrahim - AADK, Ampang
22. En. Khairil Azhar Bin Ismail - Jabatan Belia Masyarakat, MPAJ
23. En. Ismail Bin Talib - Jabatan Perkhidmatan perbandaran & Kesihatan, MPAJ
24. En. Mohd Khairulnizam Bin Mohd Kamil - Jabatan Kejuteraan, MPAJ
25. Pn. Murshidah Bt Mohd Nor - Jabatan Korparat, MPAJ
26. Pn. Rohani bt Abdul Rahim - Jabatan Bangunan Senibina
27. Cik Izzati Husna Bt Ismail - Jabatan Pelesenan, MPAJ
28. En. Shafie Patt Bt Abdullah - Pejabat Agama Islam Daerah Gombak
29. En. Zulkifly Bin Sharif - COB, MPAJ
30. Cik Akma - JKP Zon 12
31. En. Wu Fwu Seah - JKP Zon 2
32. En. Shamsul Norzaen Nordin - Sime Darby melawati Dev. Sdn Bhd



33. Pn. Norashikin Bt Abd Rashid - Mitraland Melawati Sdn Bhd
34. En. Aaron Lim - Aman Kemensah Sdn Bhd
35. En. Cham Khoo Joo - Venus Capital corp.Sdn. Bhd
36. En. Abd. Rahman - Ketapang Reality Sdn Bhd
37. En. Megat Mohd Zulkarnain - Jaya Ternak Sdn Bhd
38. Pn. Zuraina Bt Said - Setiausaha Mesyuarat  
Jabatan Perancang Bandar
39. Pn. Norliza Bt Masri - Pencatat Minit  
Jabatan Perancang Bandar
40. En. Mohd Al Asad Bin Idris - Jabatan Perancang Bandar

## 1.0 PERUTUSAN Pengerusi

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan salam dan kata-kata aluan daripada Yg. Berbahagia Tuan Pengerusi kepada Ahli Majlis, wakil dari jabatan luaran, jabatan dalaman terlibat dan wakil penduduk. Untuk memberkati mesyuarat ahli mesyuarat dijemput untuk membaca surat Al Fatehah bagi yang beragama Islam manakala yang beragama selain Islam boleh mengikut cara masing-masing.

- 1.1 Tn. Pengerusi memaklumkan, mesyuarat ini adalah yang pertama diadakan dan merupakan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Local Agenda 21 (LA 21) Bil. 1 / 2013.
- 1.2 Untuk makluman semua, dalam sesi pengauditan **star rating** di awal tahun, pihak Majlis telah ditegur dan diminta untuk

mewujudkan Jawatankuasa Induk LA 21 bagi tujuan menyelaraskan semula semua program LA 21.

1.3 LA21 merupakan program perkongsian melibatkan 3 pihak iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), masyarakat setempat dan sektor swasta melalui pendekatan "**bottom up**" bagi merancang pembangunan yang mampan di peringkat tempatan.

1.4 Program LA 21 MPAJ ditubuhkan sejak tahun 2006 dan diuruskan oleh Jabatan Belia Masyarakat. Empat Jawatankuasa kerja telah ditubuhkan bagi merancang dan melaksanakan program LA 21 MPAJ iaitu;

1) Jawatankuasa Kerja Sosial

2) Jawatankuasa Kerja Alam Sekitar

3) Jawatankuasa Kerja Ekonomi

4) Jawatankuasa Kerja kemudahan Awam & Infrastruktur

1.5 Bagi memberi kefahaman mengenai "Program Local Agenda 21" (LA 21) Ketua Pen. Pengarah, En. Mohd Azam Toiman dari Jab. Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), telah dijemput untuk memberi taklimat.

1.6 Seterusnya diharap dengan pembentukan Jawatankuasa ini, akan dapat mencapai matlamat dan wawasan masyarakat sepertimana terkandung dalam strategi LA 21.

**Tindakan : Makluman**

## 2.0 PEMBENTANGAN LOCAL AGENDA 21 DARI EN. MOHD AZAM BIN TOIMAN, KETUA PEN. PENGARAH, BAHAGIAN DASAR DAN PEMBANGUNAN, BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN, KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KBKT)

Perkara-perkara yang diterangkan adalah seperti berikut;

### 2.1 Definisi pembangunan mampan.

Antara takrifan pembangunan mampan adalah "***Sustainable development refers to a mode of human development in which resource use aims to meet human needs while ensuring the sustainability of natural systems and the environment, so that these needs can be met not only in the present, but also for generations to come***".

2.2 Keperluan pembangunan mampan dalam kehidupan dan bidang strategik seperti perhutanan, pertanian, pengangkutan, sektor tenaga, pengurusan sisa pepejal dan lain-lain.

2.3 Seterusnya penerangan mengenai Local Agenda 21 iaitu suatu program tindakan pembangunan mampan selaras dengan Deklarasi Earth Summit di Rio De Janeiro yang diadakan pada Jun 1992 iaitu "Pengisytiharan Rio mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (The Rio Declaration on Environment and Development) .

2.4 Local Agenda 21 mengandungi 4 Seksyen iaitu:

- “ Dimensi Ekonomi dan Sosial;
- “ Pemulihan dan Pengurusan Sumber untuk Pembangunan;
- “ Kumpulan Utama yang Perlu Dilibatkan; dan
- “ Cara Melaksanakan Agenda 21

- 2.5 Antara objektif LA 21 adalah meningkatkan kerjasama antara PBT, pihak swasta dan masyarakat dalam mencapai matlamat yang disasarkan.
- 2.6 Antara aktiviti setiap PBT adalah mengadakan dialog dengan komuniti dan pihak swasta untuk mengenal pasti isu dalam melaksanakan LA 21.
- 2.7 Seterusnya beliau menerangkan prinsip LA 21 yang mengandungi perkara berikut;
- Mengenalpasti wawasan masyarakat
  - Menganalisa isu berteraskan masyarakat.
  - Menyediakan Pelan Tindakan.
  - Pelaksanaan dan Pemantauan
  - Penilaian dan maklumbalas
- 2.8 Beliau memaklumkan taklimat yang dijalankan ini juga salah satu aktiviti Local Agenda 21. Ahli mesyuarat perlu turut melibatkan pihak NGO dan swasta.
- 2.9 Contoh program LA 21 adalah seperti pengindahan sungai yang melibatkan pihak JPS dan pemaju yang memajukan kawasan disepanjang kawasan Sungai Kelang di kawasan DBKL. Program lain adalah seperti pengkomposan dan penglibatan kelab kitar semula di sekolah.

**Tindakan : Makluman**

### 3.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK LA 21 MPAJ 2013, OLEH PUAN ZURAINA BT SAID, PEGAWAI PERANCANG BANDAR

- 3.1 Pn.Zuraina Bt Said menerangkan tujuan mesyuarat ini diadakan untuk memaklumkan pembentukan Jawatankuasa Induk LA21 MPAJ 2013. Seterusnya beliau menerangkan struktur dan fungsi Jawatankuasa iaitu menyelaras program yang dirancang berdasarkan pelan tindakan yang telah dibentuk mengikut Jawatankuasa Kerja yang diwujudkan.
- 3.2 Seterusnya Pn. Zuraina Bt Said menerangkan objektif Jawatankuasa Induk LA 21 antaranya adalah:
- i. Untuk mendedahkan masyarakat dan sektor swasta kepada isu-isu pembangunan mampan dan Local Agenda 21.
  - ii. Menjelaskan bahawa tanggungjawab pembangunan mampan adalah tanggungjawab bersama .
  - iii. Merumuskan strategi dan Pelan Tindakan Local Agenda 21.
  - iv. Melaksanakan Pelan Tindakan **Local Agenda 21** dalam bentuk projek pembangunan mampan supaya faedahnya dapat dilihat oleh masyarakat dan PBT meliputi isu pencemaran,kebersihan,kitar semula,integrasi sosial dan lain-lain.
- 3.3 Pn. Zuraina Bt. Said memaklumkan perlunya kerjasama yang baik antara pihak Majlis, swasta dan masyarakat dalam merancang kearah pembangunan mampan seterusnya untuk kesejahteraan generasi akan datang.

3.4 Seterusnya Pn. Zuraina Bt. Said memaklumkan struktur organisasi Jawatankuasa Induk LA 21 MPAJ sepertimana berikut;

- Pengerusi : Yang Dipertua Majlis
- Timbalan Pengerusi : Timbalan Yang Dipertua/Setiausaha Majlis
- Setiausaha : Pengarah Jabatan Perancang Bandar
- Ahli Jawatankuasa :
  - 1) Ahli Majlis 1:
  - 2) Ahli Majlis 2 :
  - 3) Ahli Majlis 3:
  - 4) Ahli Majlis 4:
  - 5) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
  - 6) Ketua Polis IPD Ampang Jaya
  - 7) Jabatan Kerja Rakyat Daerah Gombak dan Hulu Langat
  - 8) Jabatan Kebajikan Masyarakat
  - 9) Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional
  - 10) Jabatan Belia dan Sukan Daerah Gombak dan Hulu Langat
  - 11) Jabatan Pelajaran Daerah Gombak dan Hulu Langat
  - 12) Agensi Anti Dadah Kebangsaan Gombak dan Hulu Langat
  - 13) Jabatan Agama Islam Daerah Gombak dan Hulu Langat
  - 14) Jabatan Imigresen
  - 15) Ikatan Relawan Rakyat Malaysia

- 16) Jabatan Kejuruteraan
- 17) Jabatan Belia dan Masyarakat
- 18) Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
- 19) Jabatan Perlesenan
- 20) Jabatan Penguatkuasa
- 21) Jabatan Bangunan dan Senibina
- 22) Jabatan Perlesenan
- 23) Jabatan Perancangan Korporat
- 24) Wakil swasta
- 25) Wakil penduduk

3.5 Terdapat 5 Jawatankuasa Kerja yang akan membentuk pelan tindakan untuk dilaksanakan iaitu:

- a) Jawatankuasa Kerja Sosial diketuai Pengarah Jabatan Belia Masyarakat.
- b) Jawatankuasa Kerja Alam Sekitar diketuai Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan.
- c) Jawatankuasa Kerja Kemudahan awam & Infra diketuai Pengarah Jabatan Kejuruteraan.
- d) Jawatankuasa Kerja Ekonomi diketuai Pengarah Jabatan Pelesenan.
- e) Jawatankuasa Bandar Selamat diketuai Pengarah Jabatan Perancang Bandar.

3.6 Semua Jawatankuasa Kerja yang telah dibentuk hendaklah mengadakan mesyuarat berkala dan melaporkan aktiviti kepada Jawatankuasa Induk.

3.7 Jawatankuasa Induk ini berfungsi memantau progres program yang dirancang dan dilaksanakan oleh setiap Jawatankuasa Kerja seterusnya melaporkan kepada KPKT.

**Tindakan : Makluman**

#### 4.0 PERBINCANGAN

- 4.1 Tn. Meor Rithuan Bin Mohamed mencadangkan penglibatan semua Ahli Majlis sebagai Ahli Jawatankuasa Induk LA 21.
- 4.2 Tn. Pengerusi memaklumkan kehadiran 7 wakil pihak pemaju daripada 12 pemaju yang dijemput. Terdapat juga wakil pemaju yang turut mewakili badan bukan kerajaan 'NGO'. Diharap sekiranya dilibatkan dalam Jawatankuasa Kerja pihak ini dapat memberi komitmen.
- 4.3 Pn. Rohani Bt Abdul Rahim dari Jabatan Bangunan Senibina meminta agar program IPMC iaitu berkaitan pembangunan kilang/industri dimasukkan sebagai salah satu Program LA 21 dibawah Jawatankuasa Kerja Ekonomi.
- 4.4 Untuk makluman taklimat **refreshment LA 21** ini juga merupakan sebahagian daripada Program LA 21 yang melibatkan pihak MPAJ, pihak swasta dan penduduk. Komunikasi antara pemaju dan penduduk adalah sangat dialu-alukan.
- 4.5 Mesyuarat Jawatankuasa Induk perlu diadakan minima 2 kali setahun.

Tindakan : Makluman



## 5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 Wakil Kg. Lembah Jaya Selatan memaklumkan masalah longkang sediada di Kg. Lembah Jaya Selatan tidak dapat menampung kapasiti air dari kawasan pembangunan di sekitar hingga mengakibatkan masalah banjir kilat. Beliau meminta MPAJ memeriksa semula perkara ini.

### Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

5.2 Tn. Pengerusi memaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Induk akan memfokuskan program Local Agenda 21. Perkara berkaitan aduan awam tidak dibincang di mesyuarat ini.

5.3 Tn. Pengerusi meminta semua pihak terlibat dalam pelaksanaan LA 21 di Ampang Jaya, meningkatkan kerjasama antara satu sama lain serta menjalin hubungan baik dengan masyarakat.

### Tindakan : Makluman

## 6.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.00 petang dengan ucapan terima kasih daripada Y.Bhg. Tn. Pengerusi kepada semua yang hadir.

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

Disahkan oleh:

.....  
Nama : Norliza Bt Masri  
Jawatan : Pen. Peg. Perancang  
Bandar Jabatan : Perancang  
Bandar.

.....  
Nama : Pn. Zuraina Bt Said  
Jawatan : Pegawai Perancang  
Bandar merangkap Setiausaha  
Mesyuarat J/K Induk LA 21

.....  
Tn. Hj Abdul Hamid Bin. Hussain  
: Timb. Yang Dipertua Majlis  
Perbandaran Ampang Jaya

SULIT

5.0.  
**KERTAS MAKLUMAN MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT  
MAJIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.2/2013**

**KERTAS UNTUK MAKLUMAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS  
BIL. 7/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

---

**MAKLUMAN MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BIL. 2/2013**

---

**JABATAN PERANCANG BANDAR**

**1.0 TUJUAN**

Kertas ini bertujuan memaklumkan kepada Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil. 7/2013 berhubung minit mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat yang telah diadakan pada 27 Jun 2013.

**2.0 LATAR BELAKANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat dikehendaki dibentangkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis untuk mendapat persetujuan Ahli Mesyuarat sebelum dikemukakan kepada Urusetia NKRA Bandar Selamat (JPBD Semenanjung Malaysia) selaras dengan arahan dan juga keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Bandar Selamat Bil. 2/2010 bertarikh 1 Disember 2010.

3.0 PENUTUP

Kertas ini dikemukakan kepada Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Ampang Jaya untuk persetujuan dan makluman sebelum dikemukakan ke Unit NKRA Bandar Selamat, JPBD Semenanjung Malaysia.

Disediakan oleh :

.....  
**(NORLIZA BT MASRI )**  
Penolong Pegawai Perancang Bandar  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Disemak oleh :

.....  
**(ZURAINA BT SAID )**  
Pegawai Perancang Bandar  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Disahkan oleh :

.....  
**(TN. HJ ABD HAMID BIN HUSSAIN)**  
Timb. Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
Merangkap Pengerusi Mesyuarat  
Jawatankuasa Bandar Selamat

**MESYUARAT JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL. 1/2013**

Tarikh : 27 Jun 2013 (Khamis)  
Masa : 9.30 Pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat Tingkat 16 , Mpaj

**KEHADIRAN**

1. Tuan Hj. Abdul Hamid Bin Hussain  
Timbalan Yang Dipertua - Pengerusi
2. Tn. Meor Rithuan Mohamed Said - Ahli Majlis
3. Pn.Umi Kalthom Bt Ghazali - Agensi Anti Dadah  
Kebangsaan , Ampang
4. Insp.Khairul Azmani Bin Mohd Zain - PDRM, IPD Ampang
5. Insp. Edzuan Bin Ambia - PDRM, IPK Shah Alam,  
Selangor
6. SM. Latif Bin Kasim - PDRM Balai Ampang
7. Mohd Kamis Bin Mat Kasa - PDRM, Balai Pandan Indah
8. Peter Valentine Amandus JR - Jab. Perancang Bandar  
dan Desa Semenanjung  
Malaysia.
9. En. Muhd. Ikhwan Bin Zainal - PPD Gombak
10. Pn.Prema Letha Nair - Jabatan Perangkaan  
Negara
11. En. Yusuff Bin Mohamad - Syabas
12. Tn. Hj. Shafie Patt Bin Abdullah - Pejabat Agama Islam  
Daerah Gombak

13. En. Mohd Faizal Bin Mohd Ismail - Pejabat Belia & Sukan
14. Norliza Bt Yen - Jab. Alam Sekitar
15. En. Johari Bin Atli - Jabatan Undang –  
Undang,MPAJ
16. Pn. Maizatul Hanisa Bt M. Isa - Jabatan Perbendaharaan  
MPAJ
17. En. Radmil Azlie Bin Ridzwan - Jabatan Kejuruteraan,  
MPAJ
18. En. Mohd Arif Bin Jaafar - Jabatan Korporat, MPAJ
19. En. Khairulazmi Bin Abdul - Jabatan Penilaian &  
Rahman Pengurusan Harta,MPAJ
20. Cik Norain Bt Sidek - Jabatan Perlesenan, MPAJ
21. En. Azam Husni Bin Mustafa - Jabatan Penguatkuasa  
,MPAJ
22. En. Mohd Rizal Amry - Jabatan Korporat, MPAJ
23. Pn. Zuraina Bt Said - Setiausaha Mesyuarat  
Jabatan Perancang Bandar
24. Pn. Norliza Bt Masri - Pencatat Minit  
Jabatan Perancang Bandar
25. Pn. Mohd. Al Asad Bin Idris - Jabatan Perancang Bandar

#### 1.0 PERUTUSAN Pengerusi

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan salam dan kata-kata aluan daripada Yg. Berbahagia Tuan Pengerusi Majlis kepada Ahli Majlis, wakil dari jabatan luaran dan jabatan dalaman terlibat. Untuk memberkati mesyuarat ahli mesyuarat dijemput untuk membaca surat Al Fatehah bagi yang beragama islam manakala yang beragama selain islam boleh mengikut cara masing-masing.

- 1.1 Tn. Pengerusi memaklumkan, mesyuarat pada kali ini adalah bilangan 2/2013. Mesyuarat terdahulu iaitu bilangan 1/2013 telah diadakan pada 30/1/2013 dan minit mesyuarat telah disahkan dalam Mesyuarat Penuh Bil. 2/2013.
- 1.2 Dimaklumkan Program Inisiatif Pemutihan Blackspot telah diberi peruntukan RM 2.4 juta oleh pihak KDN bagi melaksanakan program di kawasan yang telah dipersetujui iaitu "Kawasan Pandan Indah, Pandan Mewah, Taman Putra dan Pandan Indah Bussiness Park".
- 1.3 Untuk makluman semua, 5 langkah segera yang dilaksanakan sepertimana arahan daripada Unit NKRA, JPBD Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:
- Pencahayaan
  - Pengasingan laluan pejalan kaki dengan laluan bermotor
  - Cermin keselamatan.
  - Papan tanda amaran/peringatan
  - Tempat letak motor berkunci
- Seterusnya pembentangan mengenai progres pelaksanaan kerja di tapak akan diterangkan oleh Pengarah Jabatan Kejuruteraan.
- 1.4 Untuk makluman bagi tahun 2013 – 2015, Projek Bandar Selamat adalah memberi tumpuan kepada inisiatif pemutihan blackspot yang bertujuan memutihkan atau membersihkan kawasan dengan kerjasama pelbagai agensi untuk mengurangkan rasa bimbang menjadi mangsa jenayah.
- 1.5 Diharap program yang dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi dan penduduk dapat mencapai sasaran iaitu mengurangkan rasa bimbang penduduk dan menurunkan indeks kejadian jenayah.

**Tindakan : Makluman**



## 2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 1/2013

Minit mesyuarat Bil. 1/2012 bertarikh 30/1/2013, disahkan sepertimana dicadangkan oleh Tn. Pengerusi mesyuarat Tn. Hj. Abdul Hamid Bin Hussain tanpa pindaan.

## 3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Tn. Meor Rithuan Bin Mohamed mengucapkan terimakasih kepada MPAJ kerana telah mengambil tindakan terhadap aduan dan masalah penduduk dengan menaiktaraf lampu di kawasan padang Jalan Persiaran 1, Pandan Jaya dan sekitar blok 19A hingga 32 (Fasa 2) Pandan Jaya.

*Tindakan : Makluman*

## 4.0 PELAPORAN PROGRES PROGRAM BANDAR SELAMAT OLEH EN. RADMIL AZLIE BIN RIDZWAN ,JABATAN KEJURUTERAAN

4.1 En. Radmil Azlie Bin Ridzwan memaklumkan projek bandar selamat melibatkan 7 tajuk kerja iaitu 5 kerja pencahayaan dan 2 kerja-kerja awam. Peincian pojek adalah sepertimana berikut;

- 1) Cadangan kerja-kerja menaiktaraf lampu jalan di padang permainan , sekitar flat Jalan Mewah 3/1 dan Jalan Mewah 4, Pandan Mewah dan flat 610, Pandan Indah.
- 2) Cadangan kerja-kerja menaiktaraf lampu jalan di Jalan Mewah 3, 3/2, 3/3, 3/4, 3/5 Pandan Mewah.

- 3) Cadangan kerja-kerja menaiktaraf lampu jalan di Jalan 6/1, 6/2, 6/3, 6/4, 6/5, 6/6, 6/7, 6/8, 6/9, 6/10 dan 6/11, Pandan Indah Komersial Park.
  - 4) Cadangan kerja-kerja menaiktaraf lampu jalan di Jalan Industri 1, 2, 3 dan 4, Pandan Indah Industri.
  - 5) Cadangan kerja-kerja menaiktaraf lampu jalan di Jalan Pandan Utama berhampiran flat 610, Pandan Indah.
  - 6) Cadangan membekal dan memasang laluan pejalan kaki, penghadang keselamatan dan papan tanda amaran serta kerja lain-lain yang berkaitan di Jalan Pandan Mewah 1, Jalan mewah 3/1 dan Jalan Mewah 4, Pandan Mewah.
  - 7) Cadangan membekal dan memasang laluan pejalan kaki, penghadang keselamatan dan lain-lain kerja yang berkaitan di Jalan Pandan Mewah 1, Pandan Mewah dan Jalan Teratai 1/2, Jalan Bunga Mawar 4, Taman Putra.
- 4.2 Untuk makluman progress kerja-kerja pencahayaan ditapak adalah 10% manakala kerja awam yang lain adalah 15%. Dijangka pada pertengahan bulan Julai semua kerja dapat disiapkan sepertimana diminta oleh Pejabat Pembangunan Negeri Selangor (ICU).
- 4.3 Untuk makluman kos kerja pencahayaan adalah RM 1,026,445.00 manakala kerja awam adalah RM664 037.90.

*Tindakan: Jab. Kejuruteraan*

## 5.0 PELAPORAN STATISTIK JENAYAH AMPANG JAYA

- 5.1 Insp.Khairul Azmani Bin Mohd Zain dari IPD Ampang Jaya memaklumkan terdapat penurunan kadar jenayah 7.7% bagi bulan Januari hingga Jun 2013. Bilangan kes jenayah Jan - Jun 2012 adalah 2279 berbanding 2102 kes dalam tempoh yang sama tahun 2013.
- 5.2 Untuk makluman juga kadar curi motokar telah menurun sebanyak 23.02% manakala jenayah curi motosikal turut menurun sebanyak 22.03%.
- 5.3 Untuk makluman pihak PDRM memperkukuhkan unit rondaan dan memberi tumpuan I kawasan Taman Muda dan Bandar Baru Ampang.
- 5.4 SM. Latif Bin Kasim dari Balai Ampang mencadangkan agar dibuat operasi penguatkuasaan bersepadu melibatkan agensi seperti Imegresen, dan MPAJ.
- 5.5 Tn. Kamis Bin Mat Kasa dari Balai Pandan Indah memaklumkan terdapat penurunan kes jenayah ragut sebanyak 34% iaitu 74 kes bagi setengah tahun 2012 dan 40 kes bagi tempoh yang sama pada 2013.

*Tindakan : Makluman*

## 6.0 PEMBENTANGAN STATUS KEMAMPANAN BANDAR (MURNINETS) 2012 OLEH PN. ZURAINA BT SAID, JABATAN PERANCANG BANDAR

6.1 Tujuan pembentangan ini adalah untuk memaklumkan kepada Jawatankuasa mengenai status kemampuan MURNInets Versi baru MPAJ 2012.

6.2 MURNInets telah mula dilaksanakan sejak tahun 2006 dan mulai tahun 2011 telah dikaji semula dan ditambahbaik kepada versi baru sebagai **Malaysian Rural National Indicators Network on Sustainable Dev.** Versi baru ini juga memperkenalkan indikator baru iaitu indeks kebahagiaan penduduk.

6.3 Status kemampuan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri pada 4/12/2012. Status kemampuan MPAJ 2012 adalah lebih baik iaitu mendapat skor 92% berbanding keputusan tahun 2010 dengan skor 83.89%. MPAJ mencapai kategori status bandar mampan dengan menduduki tempat ke 3 berkongsi dengan MBSA yang turut mendapat 92%. Kedudukan ini lebih baik berbanding tahun 2010 di tempat ke 7 dari 12 PBT di Negeri Selangor.

6.4 Petunjuk yang perlu dibaiki adalah dimensi berkaitan komuniti sejahtera yang mendapat 77.33% dan petunjuk yang perlu dibaiki adalah seperti berikut:

1. Peratus unit rumah mampu milik berkualiti . Skor diperolehi adalah 2 (sederhana mampan).

2. Nisbah kes aduan kacau ganggu kepada 10 000 penduduk. Skor diperolehi adalah 2 (sederhana mampan).
  3. Peratus premis perniagaan makanan gred A. Skor diperolehi adalah 2 (sederhana mampan).
  4. Nisbah Kes jenayah indeks kepada 10 000 penduduk. Skor diperolehi adalah 1 (Tidak mampan).
- 6.5 Untuk makluman lagi tema yang mendapat skor sederhana mampan dan tidak mampan perlu di perbaiki seperti membina lebih banyak rumah mampu milik, menjalankan kempen dan sebagainya untuk meningkatkan bilangan premis makanan gred A. Masalah jenayah pula memerlukan penyelesaian dari pihak PDRM, MPAJ dan masyarakat.

*Tindakan: Makluman semua dan tindakan Jab.Perkhidmatan  
Perbandaran & kesihatan ,PDRM*

## 7.0 PERBINCANGAN

- 7.1 Pn. Umi Kalthom Bt Ghazali dari AADK Ampang memaklumkan untuk Program pemutihan blackspot, program **urine test** telah dijalankan di **Café Cyber** Tmn. Pandan Mewah.1 tangkapan dibuat di lokasi flat 610 Pandan Indah.
- 7.2 Seterusnya maklumat Orang Kena Pengawasan (OKP) yang telah mempunyai perintah mahkamah oleh AADK adalah seperti berikut;
  - 1) 9 kes OKP di flat 610, Pandan Indah.
  - 2) 8 kes OKP di flat 700, Pandan Perdana.
  - 3) 16 kes OKP di flat AU3, Keramat.

- 4) 32 kes OKP di Pandan Jaya.
  - 5) 19 kes OKP di Flat Sri Nilam.
- 7.3 Program lain yang dijalankan adalah “**outreach**” iaitu berdampingan dengan keluarga penagih.
- 7.4 Pn. Umi Kalthom Bt Ghazali mengucapkan tahniah kepada pihak PDRM kerana telah membuat serbuan di banyak lokasi penagih dadah. Sebagai contoh di Kg. Cheras Baru, didapati lokasi penagihan telah bersih dan tiada penagih susulan dari kekerapan tindakan oleh PDRM. Walaubagaimanapun beliau mencadangkan pembersihan kawasan semak berhampiran kubur Cina di Kg. Cheras Baru.

*Tindakan : Jab. Perkhidmatan  
Perbandaran dan Kesihatan*

- 7.5 Tn. Kamis Bin Mat Kasa dari Balai Pandan Indah memaklumkan penurunan kadar jenayah dari 978 kes jenayah Januari hingga Jun 2012 kepada 850 kes bagi tempoh yang sama pada 2013.
- 7.6 Maklumat dan kerjasama dari penduduk dan KRT adalah diperlukan dan memberi kesan kepada pengurangan jenayah.

*Tindakan : Makluman*

## 8.0 HAL-HAL LAIN

8.1 Tn. Meor Rithuan Bin Mohamed Said memaklumkan kewujudan "Skim Seroja" yang menggalakkan penubuhan persatuan penduduk untuk turut bekerjasama dalam menjaga keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

8.2 Tn. Pengerusi menjelaskan untuk mencapai skor mampan, dimensi yang lemah perlu dibaiki iaitu;

1. Peratus unit rumah mampu milik berkualiti .
2. Nisbah kes aduan kacau ganggu kepada 10 000 penduduk.
3. Peratus premis perniagaan makanan gred A.
4. Nisbah Kes jenayah indeks kepada 10 000 penduduk. Skor diperolehi adalah 1 (Tidak mampan).

*Tindakan :*

*Jabatan Perkhidmatan Bandar dan kesihatan, PDRM*

8.3 Tn. Meor Rithuan Bin Mohamed Said memaklumkan Jalan Pandan 4/6, yang menjadi jalan pintas ke Taman Bakti dari Pandan Jaya diletak penghalang dan hanya dibenarkan untuk laluan pejalan kaki sahaja. Mohon MPAJ menyemak perkara ini.

*Tindakan : Jabatan kejuruteraan*

8.4 Tn. Meor Rithuan Bin Mohamed Said memaklumkan kejadian ragut berkumpul di Jalan Indah 3 dan Jalan Indah 5, Taman Cheras Indah.

*Tindakan : PDRM*

9.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Y.Bhg. Tn. Pengerusi kepada semua yang hadir.

Disediakan oleh:

.....  
Nama : Norliza Bt Masri  
Jawatan : Pen. Peg. Perancang Bandar  
Jabatan : Perancang Bandar.

Disemak oleh:

.....  
Nama : Pn. Zuraina Bt Said  
Jawatan : Pegawai Perancang Bandar merangkap Setiausaha Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat

Disahkan oleh:

.....  
Tn. Hj Abdul Hamid Bin. Hussain  
: Timb. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya merangkap Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat



**6.0**  
**KERTAS MAKLUMAN RUMUSAN MESYUARAT KHAS**  
**KEWANGAN BAJET 2014/2015**  
**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.1/2013**

**KERTAS UNTUK MAKLUMAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS BIL. 7/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

---

---

**KERTAS MAKLUMAN RUMUSAN MESYUARAT KHAS KEWANGAN  
BAJET 2014/2015  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL. 1/2013**

---

**JABATAN PERBENDAHARAAN**

**1.0 TUJUAN**

Kertas kerja ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Majlis berkenaan rumusan Mesyuarat Khas Kewangan Bajet 2014/2015 Majlis Perbandaran Ampang Jaya yang telah bersidang pada 30 Julai 2013.

**2.0 MAKLUMAN**

2.1 Bajet Majlis tahun 2014/2015 telah dibincangkan merujuk kepada Minit Mesyuarat Khas Kewangan Bajet 2014/2015 Bil.1/2013 seperti di **Lampiran 1**.

2.2 Adalah dimaklumkan deraf bajet 2014 diluluskan dalam Mesyuarat Khas Kewangan Bajet 2014/2015 Majlis Perbandaran Ampang Jaya dengan pindaan seperti berikut:

- i. Peruntukan Pembangunan akan dipinda dari RM1juta kepada RM2.7juta.

- ii. Peruntukan Pembangunan sebanyak RM1.7juta, pindaan diselaraskan dari Pembelian Kenderaan sebanyak RM0.30juta, Penyelenggaraan Jalan sebanyak RM0.50juta, Penyelenggaraan Lampu Jalan sebanyak RM0.10juta, Penyelenggaraan Pokok sebanyak RM0.10juta dan Pinjaman, RM1juta.
  - iii. Peruntukan Perbelanjaan Mengurus adalah sebanyak RM117.3juta, manakala Perbelanjaan Pembangunan diperuntukkan sebanyak RM2.70juta menjadikan jumlah perbelanjaan RM120juta bagi tahun 2014.
- 2.3 Ahli Mesyuarat turut mengambil maklum ke atas perkara berikut bagi tujuan penambahbaikan ke atas pengurusan Majlis :
- i. Penglibatkan Ahli Majlis dalam perbincangan awal penyediaan bajet Majlis bagi tahun-tahun akan datang agar mereka dapat menyampaikan input dan info yang diusulkan oleh penduduk Ampang Jaya.
  - ii. Makluman perubahan jadual kutipan sampah dan sisa pepejal dibincangkan bersama Ahli Majlis sebelum pelaksanaan.
- 2.4 Tn. Supiramany a/l Sinnapayal mencadangkan Bajet 2014/2015 Majlis Perbandaran Ampang Jaya diterima dengan pindaan serta mengambil maklum ke atas pandangan-pandangan yang telah dibincangkan dalam mesyuarat ini. Cadangan beliau disokong oleh Tn. Hamsah bin Djabir.

### 3.0 ASAS-ASAS MAKLUMAN

Anggaran-anggaran mengenai Hasil dan Perbelanjaan hendaklah diluluskan dalam suatu mesyuarat khas Pihak Berkuasa Tempatan mengikut Seksyen 55(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

### 4.0 PENUTUP

Ahli Mesyuarat Penuh Majlis adalah dimohon untuk mengambil maklum berkenaan anggaran-anggaran Hasil dan Perbelanjaan mengenai Bajet Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tahun 2014/2015.

Disediakan oleh:

Pn. Maruziaton binti Omar  
Penolong Akauntan  
Jabatan Perbendaharaan  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
**30 Julai 2013**

Disemak oleh

Pn. Farhana binti Osman  
Akauntan  
Jabatan Perbendaharaan  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
**30 Julai 2013**

Disemak oleh

Pn.Maizatul Hanisa bt. M.Isa  
Akauntan  
Jabatan Perbendaharaan  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
**30 Julai 2013**

**MINIT MESYUARAT KHAS KEWANGAN BAJET 2014/2015  
BIL.1/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 30 JULAI 2013 (SELASA)  
MASA : 9.30 PAGI  
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,  
TINGKAT 16, MENARA MPAJ.

**KEHADIRAN**

1. TN. ABD. HAMID BIN HUSSAIN, TYDP/SU	-	PENGERUSI
2. TN. AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS	-	AHLI MAJLIS
3. TN. HAMSAH BIN SHAARI	-	"
4. TN. HO AH NGOH	-	"
5. TN. ABDUL LATIF BIN SHAARI	-	"
6. TN. JAFRIEN BIN MUHAMMAD	-	"
7. PN. SIAN KENG ENG	-	"
8. TN. FONG TECK KEONG	-	"
9. TN. LIM FONG LEN	-	"
10. TN. ABDUL JALIL BIN HASAN	-	"
11. TN. AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR	-	"
12. TN. HJ. MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID	-	"
13. PN. WAN HASRINA BINTI WAN HASSAN	-	"
14. TN. ALI BIN ISMAIL	-	"
15. TN. HJ. MAT JUSOH BIN DOLLAH	-	"
16. TN. ABDUL AZIZ BIN AHMAD	-	"
17. TN. SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL, PPN	-	"
18. TN. HJ. A YAZID BIN ALIAS	-	"
19. TN. WONG KHAI PUN	-	"
20. TN. MOHAMAD BIN SAMOT @ SAMAT	-	"

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. Y.BHG. DATO' MOHAMMAD BIN YACOB <sup>DSIS,SIS</sup>, YANG DIPERTUA
2. TN. RAZALI BIN RAMLY, AHLI MAJLIS

**TURUT HADIR (DALAMAN)**

1. DRS. SARODIN BIN HJ. SHAHRI, JAB. PERBANDARAN DAN KESIHATAN
2. EN. JOHARI BIN ATLI, JAB. UNDANG-UNDANG
3. EN. YAZID BIN SARKOM, JAB. BANGUNAN DAN SENIBINA
4. EN. HASROLNIZAM BIN SHAARI, JAB. KEJURUTERAAN
5. EN. KHAIRILAZHAR BIN ISMAIL, JAB. BELIA MASYARAKAT
6. PN. ROSLIZA BINTI MOHD, JAB. PERANCANGAN KORPORAT
7. EN ADDY HISSHAM BIN ELIAS, JAB. PENGUATKUASA
8. PN. MAIZATUL HANISA BINTI M. ISA, JAB. PERBENDAHARAAN
9. EN. MOHD FAZRIN BIN RAHMAN, BAHAGIAN AUDIT DALAM
10. EN. MOHD YUSUF BIN SULAIMAN, JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
11. EN. KHAIRULAZMI B. ABDUL RAHMAN, JAB. PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
12. PN. MARLINA BINTI MOHAMAD, JAB. PELESENAN
13. PN. ZURAINA BINTI SAID, JAB. PERANCANG BANDAR
14. PN. MASTURA BINTI ISHAK, BAHAGIAN UKUR BAHAN
15. EN. MUHAMMAD NOOR ISMAN BIN ISMAIL, BAHAGIAN COB
16. PN. ROHANA MOHD NOR, BAHAGIAN OSC
17. PN. FARHANA BINTI OSMAN, JAB. PERBENDAHARAAN
18. PN. NORAZIAH BINTI DOLMAT, JAB. PERBENDAHARAAN
19. PN. MARUZATON BINTI OMAR, JAB. PERBENDAHARAAN
20. PN. SITI HAJAR BITI BADARUDDIN, JAB. PERBENDAHARAAN
21. PN. MARUZATON BINTI OMAR, JABATAN PERBENDAHARAAN
22. EN. AZMIZAM BIN ABD JALIL, JABATAN PERBENDAHARAAN

## 1.0 UCAPAN Pengerusi

1.1 Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir ke Mesyuarat Khas Kewangan Bajet Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2014/2015 Bil.1/2013. Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Ameran Haron bagi memberi bagi memberkati mesyuarat.

2.1 Tuan Pengerusi memaklumkan Bajet disediakan selari dengan kehendak Seksyen 55(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

2.2 Makluman Tuan Pengerusi :

2.2.1 MMKN mengambil maklum senarai 12 kawasan cerun kritikal dan berisiko dalam kawasan MPAJ dan keputusan MMKN-45/2012 bertarikh 19/12/2012, peruntukan **RM4juta secara pinjaman** faedah antara 3%-4% setahun (dibayar selepas 2 tahun projek siap) bagi kerja-kerja penstabilan cerun di 5 lokasi cerun-cerun kritikal :

- a) Lot 19041 Jln UP1/8, Tmn Ukay Perdana, Hulu Kelang
- b) Rizab Jln bersebelahan Rumah Kebajikan Good Sheperd, Hulu Kelang
- c) Lot36203, Jln Persiaran Desa Ampang 4, Tmn Sri Ampang
- d) Sebahagian Lot 27383, Jln Melati 1, berhampiran bulatan Tmn Seraya, Tmn Bukit Permai
- e) Rizab Hutan di Kampung Dato' Mufti

2.2.2 Ahli mesyuarat juga dimaklumkan dalam sesi mesyuarat yang lain sebelum ini, peruntukan secara pinjaman RM16juta bagi kerja-kerja penstabilan cerun kawasan MPAJ dibincangkan dalam Mesyuarat MTES, termasuk kawasan cerun Sierra Ukay.

2.2.3 Laporan Ketua Audit Negara

2.2.3.1 **Pengauditan Penyata Kewangan** - Bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2.3.2 **Pengauditan Pengurusan Kewangan** - Bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan, *Indeks Akauntabiliti (AI)* diperkenalkan pada tahun 2007.

2.2.3.3 Penilaian secara objektif terhadap pengauditan pengurusan kewangan bagi mengukur dan menambah baik kawalan ke arah pengurusan kewangan yang cemerlang.

2.2.3.4 Penarafan berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset dan stor, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan.



2.0 PEMBENTANGAN PRESTASI MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA, ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN TAHUN 2014/2015

- 2.1 Kertas dibentangkan oleh Puan Maizatul Hanisa bt. M. Isa, Akauntan selaku Pengarah Jabatan selaras dengan keperluan Seksyen 55(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
- 2.2 Prestasi Hasil Sebenar bagi tahun 2012 mempamerkan RM136.95juta lebih 20.13% berbanding yang dianggarkan, RM114juta bagi tahun tersebut. Manakala Hasil sehingga bulan Jun tahun 2013 mencatatkan jumlah RM68.24juta, bersamaan 57.34% dari apa yang dianggarkan bagi tahun 2013. Ringkasnya, Hasil Sebenar 2012 meningkat dari Hasil 2011 sebanyak 7.42% dan prestasi Hasil keseluruhannya bagi tahun 2013, telah mencapai lebih daripada 50% daripada anggaran 2013.
- 2.3 Hasil Cukai menunjukkan peningkatan sebanyak 0.70% iaitu RM91.82juta berbanding tahun 2011. Langkah proaktif diambil oleh Majlis dalam tahun 2013 dan pencapaian sehingga Jun 2013 memperlihatkan kutipan Hasil Cukai sebanyak RM48.73juta iaitu 50.87% dari anggaran 2013.
- 2.4 Kutipan Hasil Bukan Cukai, Lesen mempamerkan kutipan berjumlah RM8.54juta dalam tahun 2012, RM3.69juta sehingga Jun 2013.
- 2.5 Terimaan faedah dari pelaburan Simpanan Tetap sehingga Jun 2013 adalah sebanyak RM1.17juta
- 2.6 **Anggaran Hasil 2014 adalah sebanyak RM 120juta;** RM119juta adalah bagi perbelanjaan mengurus dan RM1juta bagi peruntukan pembangunan.

- 2.7 Di bawah peruntukan mengurus, sejumlah RM34.11juta adalah bagi Emolumen dan RM74.88juta disediakan bagi Perkhidmatan dan Bekalan.
- 2.8 RM7.52juta diperuntukkan kepada Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap.
- 2.9 Sejumlah RM2.34juta disediakan untuk Pembelian Aset dan baki RM0.15juta ringgit untuk perbelanjaan lain.
- 2.10 Bagi peruntukan pembangunan pula, sejumlah RM1juta disediakan bagi projek cadangan pembinaan gerai dan projek cadangan pembinaan kawasan rekreasi awam di kawasan MPAJ.
- 2.11 Jumlah Hasil, bagi tahun 2014 dianggarkan sebanyak RM120juta iaitu RM1juta; 0.84% lebih tinggi berbanding dengan anggaran hasil tahun 2013.
- 2.12 Hasil Cukai masih terus menjadi penyumbang terbesar bagi Hasil MPAJ. Hasil Cukai dijangka akan menyumbang sebanyak RM98.54juta atau 80.50% daripada keseluruhan hasil MPAJ dan RM21.46juta atau 19.50% adalah dari Hasil Bukan Cukai.
- 2.13 Peningkatan RM2.74juta bersamaan 2.86% bagi anggaran kutipan Hasil Cukai dan penurunan RM1.74juta bersamaan 7.49% bagi Hasil Bukan Cukai melalui perbandingan anggaran 2013.
- 2.14 Hasil Bukan Cukai seperti Lesen dan Permit dengan anggaran RM9.02juta menunjukkan penurunan 10% iaitu RM1juta berbanding anggaran tahun 2013.

- 2.15 Perkhidmatan & Bayaran Perkhidmatan dengan anggaran RM2.55juta menunjukkan penurunan 24.33% atau RM0.82juta. Namun, Jualan Barang-Barang dianggarkan mengalami kenaikan dari RM0.17juta kepada RM0.18juta iaitu 5.88% dari tahun sebelumnya.
- 2.16 Sewaan dianggarkan turut menyumbang kepada RM5.15juta, Faedah Simpanan Tetap juga dianggarkan menyumbang kepada RM1.50juta meningkat kepada 36.36% iaitu RM0.4juta dan kenaikan 37.11% iaitu RM0.82juta bagi Denda & Kompaun yang menyumbang kepada RM3.04juta berbanding anggaran tahun 2013.
- 2.17 Terimaan Bukan Hasil pada tahun 2014, Majlis tidak menganggarkan sebarang penerimaan namun begitu permohonan peruntukan seperti Geran Keseimbangan dan Geran Penyelenggaraan Jalan (MARRIS) daripada Kerajaan Negeri untuk pembangunan serta penambahbaikan infrastruktur di dalam kawasan Majlis di bawah tajuk Dasar Kerajaan Negeri, Merakyatkan Ekonomi Selangor – Hasil Negeri untuk Rakyat, akan dipohon merujuk kepada aktiviti yang diarahkan untuk pelaksanaan.
- 2.18 Majlis masih menggunakan sasaran kutipan cukai yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor iaitu sebanyak 90% untuk kutipan cukai semasa dan 70% bagi tunggakan cukai taksiran.
- 2.19 **Anggaran Perbelanjaan tahun 2014 adalah sebanyak RM 120juta;** peruntukan 92% iaitu RM119juta adalah untuk perbelanjaan mengurus (operasi) dan 0.08% iaitu RM1juta untuk pembangunan.

- 2.20 Perkhidmatan Pembersihan sebanyak RM39.01juta, Penyelenggaraan Jalan, Cerun, selenggara lampu jalan dan Longkang masing-masing menyumbang sebanyak RM2.55juta daripada jumlah peruntukan perbelanjaan 2014.
- 2.21 Selenggara kenderaan diperuntukkan sebanyak RM0.50juta. RM4.00juta dan RM1.10juta bagi bayaran utiliti –TNB pukat dan utiliti Majlis yang mana masing-masing merupakan perbelanjaan komitmen Majlis.
- 2.22 Bagi perubatan dan perkhidmatan insuran diperuntukkan masing-masing sebanyak RM1.87juta dan RM1.38juta bagi tahun 2014.
- 2.23 Pembersihan bangunan milik Majlis seperti Menara MPAJ dan gerai diperuntukkan RM1.50juta.
- 2.24 Peruntukan bagi selenggara pokok ialah RM1.45juta. Pembaikan Kemudahan dan Taman diperuntukkan RM1.10juta.
- 2.25 Perkhidmatan jalur lebar/aplikasi internet dan CCTV diperuntukkan kepada RM0.3Juta dan RM0.62juta masing-masing. Penyelenggaraan komputer diperuntukkan sebanyak RM0.50juta.
- 2.26 **Peruntukan tahunan Ahli Majlis RM1.44juta, pengurusan pejabat Ahli Majlis RM0.72 juta dan pentadbiran JKP RM 0.07juta.**
- 2.27 **Secara keseluruhannya, 81.11% perbelanjaan komited dianggarkan berjumlah RM96.52juta dan RM22.48juta(18.89%) bagi perbelanjaan bukan komited dari jumlah anggaran perbelanjaan 2013.**

- 2.28 Pengindahan kawasan dan kerja-kerja selenggara pokok, RM1.50juta diperuntukkan. Pembaikan Kemudahan dan Taman, Majlis memperuntukkan RM0.95 juta.
- 2.29 Peruntukan bagi perkhidmatan jalur lebar / aplikasi talian internet dan prosesan data komputer serta **closed-circuit television** (CCTV) diperuntukkan sebanyak RM0.30juta dan RM0.35juta masing-masing. Penyelenggaraan komputer dan alatan data diperuntukkan RM0.15juta.
- 2.30 **Peruntukan tahunan untuk aktiviti Jawatankuasa Penduduk (JKP) anjuran Ahli Majlis kawasan RM1.44juta, pengurusan pejabat Ahli Majlis RM0.72juta dan pentadbiran JKP RM0.07juta.**
- 2.31 **Secara keseluruhannya, 82.94% perbelanjaan komited dianggarkan berjumlah RM99.53juta dan selebihnya RM20.47juta bagi perbelanjaan bukan komited dari jumlah anggaran perbelanjaan 2014.**

### 3.0 PERBINCANGAN

- 3.1. Tn. Ali bin Ismail mewakili sebahagian Ahli Majlis mencadangkan agar peruntukan pembangunan 2014 dinaikkan dari RM1juta kepada RM4.3juta dengan mengurangkan dari peruntukan aktiviti perbelanjaan mengurus. Cadangan disokong oleh Tn. Abd. Jalil.
- 3.2. Beliau mencadangkan tambahan peruntukan pembangunan 2014 dari peruntukan pembelian kenderaan – RM0.5juta, penyelenggaraan jalan – RM0.5juta, penyelenggaraan pokok – RM0.3juta, pinjaman ditangguhkan pembayarannya RM1juta dan Emolumen – RM1juta.

- 3.3. Dengan tambahan sebanyak RM3.3juta ini akan membawa kepada pindaan peruntukan perbelanjaan pembangunan kepada RM4.3juta.
- 3.4. Ahli mesyuarat dimaklumkan bahawa peruntukan pembelian kenderaan, Majlis bercadang membeli sebuah Backhoe dianggarkan berharga RM130ribu hingga RM180ribu, 3 buah lori 6 tan dianggarkan berharga RM130ribu sebuah dan 3 buah kenderaan(menggantikan Pajero yang akan lupus) dianggarkan berharga RM360ribu.
- 3.5. Ahli mesyuarat dimaklumkan sekiranya peruntukan penyelenggaraan jalan dikurangkan RM1juta akan memberi impak pencapaian prestasi dan pematuhan aduan.
- 3.6. Tn. Hj. Meor Rithuan mencadangkan agar diambil dari RM0.2juta dari penyelenggaraan jalan dan penyelenggaraan lampu RM0.1juta.
- 3.7. Peruntukan penyelenggaraan pokok adalah untuk menyelesaikan aduan tidak termasuk perancangan untuk selenggara di kawasan Ampang.
- 3.8. Pn. Maizatul mengesyorkan ahli mesyuarat tidak membuat satu penetapan agar pembayaran pinjaman ditangguhkan atau dikurangkan pada tahun 2014. Sekiranya penetapan dibuat oleh kerajaan negeri, perkara tersebut akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis. Ahli mesyuarat juga dimaklumkan sekiranya kerajaan negeri mempertimbangkan rayuan dari Majlis, ia memberi impak kepada pemberian MARRIS dan kemudahan yang lain.

- 3.9. Ahli mesyuarat dimaklumkan bagi peruntukan Emolumen mengambilkira pelarasan gaji, kenaikan tahunan, waran penjawatan (sepenuhnya) kepada gred yang lebih tinggi.
- 3.10. Tn. Abdul Jalil mencadangkan projek pembangunan :
- i. Dewan Desa Lembah Permai
  - ii. Dewan Tasek Permai, Jalan D
  - iii. Gerai di Ampang Point di tapak letak kereta
  - iv. Dewan Taman Bukit Mulia, Bukit Antarabangsa (baikpulih)
  - v. Gerai di Flat Taman Dagang (naiktaraf)
  - vi. Dewan Saujana Elite, Taman Mulia Jaya
  - vii. Gerai MPAJ, Jalan 6/1
  - viii. Medan Selera Springville, Jalan 1/8 (naiktaraf)
  - ix. Dewan Sg. Sering (naiktaraf)
  - x. Padang permainan Sg. Sering (naiktaraf)
  - xi. Dewan Cheras Baru (naiktaraf)
  - xii. Lanskap di Jalan Teratai 1/2 - walkaway

#### 4.0 KEPUTUSAN MESYUARAT

- 4.1 Ahli Mesyuarat bersetuju ke atas keputusan perkara berikut:
- i. Peruntukan Pembangunan akan dipinda dari RM1juta kepada RM2.7juta.
  - ii. Peruntukan Pembangunan sebanyak RM1.7juta, pindaan diselaraskan dari Pembelian Kenderaan sebanyak RM0.30juta, Penyelenggaraan Jalan sebanyak RM0.50juta, Penyelenggaraan Lampu Jalan – RM0.10juta, Penyelenggaraan Pokok – RM0.10juta dan Pinjaman RM1juta.

4.2 Ringkasan cadangan dan keputusan pindaan adalah seperti berikut :

Bil.	Aktiviti	Jabatan	Impak	Cadangan	Keputusan
1.	Pembelian Kenderaan	Pentadbiran	Kurang	0.5	0.3
2.	Penyelenggaraan Jalan	Kejuruteraan	Kurang	0.5	0.2
3.	Penyelenggaraan Lampu Jalan	Kejuruteraan	Kurang	-	0.1
4.	Penyelenggaraan Pokok	Lanskap	Kurang	0.3	0.1
5.	Pinjaman	Perbendaharaan	Kurang	1	1
6.	Emolumen	Majlis	Kurang	1	-
	Jumlah pindaan RM'juta			3.3	1.7

4.3 Peruntukan Perbelanjaan Mengurus adalah sebanyak RM117.3juta, manakala Perbelanjaan Pembangunan diperuntukkan sebanyak RM2.70juta menjadikan jumlah perbelanjaan RM120juta bagi tahun 2014.

4.4 Ahli Mesyuarat turut mengambil maklum ke atas perkara berikut bagi tujuan penambahbaikan ke atas pengurusan Majlis:

- iii. Penglibatkan Ahli Majlis dalam perbincangan awal penyediaan bajet Majlis bagi tahun-tahun akan datang agar mereka dapat menyampaikan input dan info yang diusulkan oleh penduduk Ampang Jaya.
- iv. Makluman perubahan jadual kutipan sampah dan sisa pepejal dibincangkan bersama Ahli Majlis sebelum pelaksanaan.



- v. Agihan kad perayaan sempana perayaan Deepavali juga diwujudkan untuk edaran Ahli Majlis dan kakitangan.

4.4 Tn. Supiramany a/l Sinnapayal mencadangkan Bajet 2014/2015 Majlis Perbandaran Ampang Jaya diterima dengan pindaan serta mengambil maklum ke atas pandangan-pandangan yang telah dibincangkan dalam mesyuarat ini. Cadangan beliau disokong oleh Tn. Hamsah bin Djabir.

## 5.0 PENUTUP

Tuan Pengerusi sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.35 tengahari.

DISEDIAKAN OLEH:

MARUZATON BINTI OMAR  
JABATAN PERBENDAHARAAN  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
**30 Julai 2013**

DISEMAK OLEH:

MAIZATUL HANISA BT. M. ISA  
JABATAN PERBENDAHARAAN  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
**30 Julai 2013**

DISAHKAN OLEH:

TN. ABD HAMID BIN HUSSAIN  
TIMBALAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
**30 Julai 2013**

7.1.  
**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,  
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN  
BIL.7/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,  
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN  
BIL.07/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

---

**TARIKH** : 11 JULAI 2013  
**MASA** : 9.30 PAGI – 11.40 PAGI  
**TEMPAT** : BILIK MESYUARAT 1,  
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

**KEHADIRAN**

- |     |  |   |             |
|-----|--|---|-------------|
| 1.  | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain<br>(Timbalan Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi   |
| 2.  | Tn. Abdul Jalil Bin Hasan                                    | - | Ahli Majlis |
| 3.  | Tn. Abd. Latif bin Shaari                                    | - | "           |
| 4.  | Tn. Jafrien bin Muhammad                                     | - | "           |
| 5.  | Tn. Hamsah Bin Djabir  | - | "           |
| 6.  | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar                                | - | "           |
| 7.  | Tn. Fong Teck Keong  | - | "           |
| 8.  | Tn. Ali Bin Ismail   | - | "           |
| 9.  | Tn. Lim Fong Len   | - | "           |
| 10. | Tn. Abdul Aziz bin Ahmad                                     | - | "           |
| 11. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal                                | - | "           |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. Y. Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob, DSIS, SIS - YDP, MPAJ
2. Tn. Mohamad Bin Samad - Ahli Majlis

**TURUT HADIR**

1. Tn. Wong Khai Pun - Ahli Majlis

SULIT

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.07/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN  
KEMASYARAKATAN**

**1. TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

**2. LATARBELAKANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.07/2013 telah diadakan pada 11 Julai 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. ASPEK KESIHATAN**

**2.1.1. PROGRAM COMBI DAN LAPORAN DENGGI DI SEKITAR  
AMPANG JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan sehingga minggu epid 28 (8 Julai 2013), sebanyak 16 daripada 24 JKP telah mengadakan taklimat COMBI dan 8 JKP lagi masih belum menubuhkan skuad denggi.

Bagi kes denggi sehingga minggu Epid ke 28 sehingga 8 Julai 2013, dilaporkan 607 kes denggi dimana 602 Demam Denggi (DD) dan 5 Demam Denggi Berdarah (DDB). Terdapat 7 lagi lokasi wabak denggi terkawal iaitu di Taman Dato Ahmad Razali ( Permai Court), Pandan Indah Jalan 1/7 – 1/19, Permai Putri Kondo, Ukay Bestari, Appt Residensi Bestari (Ukay Perdana), Taman Melawati Jalan J dan Bukit Teratai Jalan 1/8 – 1/16.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat aduan demam denggi meningkat kebelakangan ini akibat dari musim panas tempoh hari, aktiviti semburan giat dijalankan seperti biasa.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

#### **2.1.2. KEMPEN TANGKAP TIKUS**

Mesyuarat dimaklumkan Jabatan telah mengambil tindakan kawalan tanpa menunggu penglibatan penduduk dan masyarakat dalam Program Tangkap Tikus. Aktiviti terkini ialah menabur racun Racumin di lubang-lubang yang berpotensi menurunkan kadar pembiakan tikus. Kempen meracun tikus akan diteruskan mengikut kawasan.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

### 2.1.3. PEMERIKSAAN KEBERSIHAN KE ATAS RESTORAN

Mesyuarat dimaklumkan sehingga Jun 2013 sebanyak 552 premis diperiksa, 158 premis adalah Gred A, 237 premis Gred B dan manakala Gred C 156 premis. Sebanyak 46 buah kompaun telah dikeluarkan.

Operasi penutupan premis tak suci bersama PKD Hulu Langat telah dijalankan pada 19 Jun 2013. Sebanyak 13 premis diperiksa, 8 buah diarahkan tutup di bawah Akta Makanan 1983. Status keseluruhan premis dan laporan operasi penutupan seperti **Lampiran 1**. Dicadangkan agar dicatatkan perkataan bersih atau kurang bersih mengikut gred yang diperolehi dan dipamerkan di premis bagi pelanggan jelas memilih ke premis restoran mana yang diinginkan.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

### 2.1.4. KEMPEN MENANGKAP TIKUS DI BAZAR TAMAN MELAWATI

Mesyuarat dimaklumkan beberapa siri operasi telah dijalankan di Bazar Taman Melawati. Operasi yang dijalankan pada 14 Jun 2013, sebanyak 15 ekor bangkai tikus telah dikutip dan dilupuskan.

Tindakan kawalan rodensia boleh diteruskan ke kawasan-kawasan medan selera atau Bazar lain secara berperingkat.

**Makluman**

## 2.2. ASPEK ALAM SEKITAR

### 2.2.1. KEMPEN TONG SAMPAH

Mesyuarat dimaklumkan peringatan penyediaan tong sampah kepada premis bagi bulan Jun 2013 adalah sebanyak 112 notis dan kompaun 42 . Lokasi notis diberikan di Jalan Dagang 12, Jalan Dagang 1/1, Taman Bukit Indah 1, 2, 3, 4 dan 5. Manakala kompaun dibeikan di Jalan Memanda 1, 2, 9 dan Jalan Bunga Tanjung dan Jalan Dagang 10 dan 12.

Ceramah penyediaan tong sampah di rumah berstrata kepada penghuni telah dilaksanakan di 3 lokasi iaitu Dewan Perbandaran Pandan Indah, Dewan AU 2 Taman Keramat dan Dewan Kehijauan Ukay Perdana. Kempen masih diteruskan di peringkat kawasan perniagaan.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

### 2.2.2. KAWASAN LAPANG YANG SEMAK DI ANTARA JALAN BUNGA TANJUNG 9 DAN BUNGA TANJUNG 8A DAN 8B (TANAH PEMAJU METROPLEX)

Mesyuarat dimaklumkan kawasan tersebut tidak dapat dibersihkan sepenuhnya disebabkan terdapat halangan (hoarding). Pemaju hendaklah dihubungi bagi penyelenggaraan kawasan tersebut. Sekiranya pemaju gagal menyelenggarakan kawasan, tindakan penguatkuasaan diambil mengikut undang-undang yang terpakai.



Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar/

Jabatan Penguatkuasaa

**2.2.3. PAPAN TANDA AMARAN LARANGAN MEMBUANG  
SAMPAH DI JALAN H, JALAN J DAN JALAN PERMAI A,  
TASEK PERMAI**

Mesyuarat dimaklumkan penyediaan papan tanda tersebut dalam proses kelulusan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

**2.2.4. PEMBERSIHAN KAWASAN TAPAK PEMAJU METROPLEX DI  
TAMAN KOSAS**

Mesyuarat dimaklumkan tapak kawasan lapang tersebut akan dibersihkan pada bulan Ogos ini.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat/

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

**2.2.5. PEMBERSIHAN KAWASAN DI KAWASAN PEMAJU TAMAN  
MESTIKA**

Mesyuarat dimaklumkan notis telah dikeluarkan kepada milik tanah iaitu Naza TTDI Sdn. Bhd. Jika tiada tindakan pembersihan dilaksanakan oleh pemilik, pihak Jabatan akan mengambil tindakan selanjutnya.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

#### **2.2.6. PEMBERSIHAN KAWASAN DI FLAT TAMAN KOSAS**

Mesyuarat dimaklumkan pembersihan gotong royong di Flat Taman Kosas di Jalan 3/12 telah dilaksanakan.

**Makluman**

#### **2.2.7. KERJA PEMBERSIHAN DI LERENG BUKIT**

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan di lereng bukit Lorong 9 Kg. Sri Tanjung telah dilaksanakan mengikut jadual. Jadual seterusnya adalah pada 13 Julai 2013 dan pembersihan hanya dilakukan di bahagian bawah cerun mengikut spesifikasi.

**Makluman**

#### **2.2.8. PEMBERSIHAN KAWASAN DEWAN**

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan di sekitar kawasan berpagar di Dewan JKP Zon 23 di Jalan Teratai 2/7B Taman Bkt Teratai dilakukan mengikut jadual pada 9 Julai 2013.

**Makluman**

### 2.3. ASPEK KEMASYARAKATAN

#### 2.3.1. GELANGGANG SEPAK TAKRAW DI TASEK TAMBAHAN

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak jabatan masih belum menerima surat penyerahan tapak daripada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat walau bagaimanapun kerja-kerja telah siap dilaksanakan dan digunakan serta diuruskan oleh JKK. Permohonan pembinaan longkang di padang tersebut akan dibuat setelah penyerahan tapak diterima.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

#### 2.3.2. PERMOHONAN TUKAR GUNA GELANGGANG BOLA KERANJANG KEPADA FUTSAL DI JALAN KOSAS 2/6

Mesyuarat dimaklumkan permohonan tukar guna gelanggang bola keranjang kepada futsal di Jalan Kosas 2/6 masih dalam tindakan penyelenggaraan jabatan.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

#### 2.3.3. BAIK PULIH TEMPAT RIADAH DI JALAN MAJU 2/6 TAMAN LEMBAH MAJU

Kerja-kerja pemotongan rumput dilaksanakan mengikut jadual. Perkara tersebut telah dimajukan kepada kontraktor kawasan.

**Makluman**

#### **2.3.4. NAIK TARAF PADANG BOLA SEPAK DI JALAN F1 TAMAN MELAWATI**

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembaikan padang telah siap dilaksanakan.

**Makluman**

#### **2.3.5. NAIK TARAF PADANG AWAM DI JALAN PERSIARAN 7 PANDAN JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan penyelenggaraan padang tersebut di dalam tindakan kontraktor.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

#### **2.3.6 GELANGGANG FUTSAL DI JALAN PANDAN INDAH 4/16**

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja membina gelanggang futsal telah siap dilaksanakan.

**Makluman**

#### **2.3.7. PEMOTONGAN POKOK BULUH DI JALAN PERSIARAN BUKIT JAYA**

Pokok-pokok buluh telah ditebang. Penanaman pokok bunga tanjung akan dilaksanakan kemudian.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

### 2.3.8. MENCANTAS POKOK

Pokok-pokok bermasalah di sekitar kawasan perumahan Flat PKNS Jalan 4M Ampang Jaya akan dikenal pasti dan diambil tindakan sewajarnya.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

### 2.3.9. POKOK BESAR

Sebatang pokok pong-pong telah rimbun di hadapan rumah No. 3, Jalan Bunga Melati 3 akan dicantas.

Sebatang pokok Batai hidup liar terlalu besar dan tidak stabil akan ditebang di hadapan Pangsapuri Intan, Jalan Bukit Permai.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

### 2.3.10. PADANG FUTSAL

Mesyuarat dimaklumkan terdapat 3 tapak pilihan yang akan dicadangkan kepada Ahli Majlis kawasan untuk sebuah padang futsal dibina di Taman Kencana.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

### 2.3.11. NAIK TARAF PADANG

Padang awam di Jalan Cahaya 18, Taman Mewah Ampang di dalam perancangan naik taraf oleh pihak Jabatan.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

### 2.3.12. PENGIKTIRAFAN LOKASI PELANCONGAN BUKIT SAGA

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri tidak ada cadangan menjadikan Bukit Saga sebagai lokasi pelancongan sukan buat masa ini.

**Makluman**

## 2.4. LAIN-LAIN ASPEK

### 2.4.1. PENEMPATAN SETINGGAN BERHAMPIRAN FLAT 700 PANDAN PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan masih belum menerima maklumbalas daripada pihak zakat mengenai bantuan kepada setinggan tersebut. Semakan di lokasi mendapati setinggan masih lagi tinggal di tapak.

**Makluman**

#### 2.4.2. PAPAN TANDA LARANGAN BERNIAGA DI KAWASAN PERMAI COURT 1, TAMAN DATO' AHMAD RAZALI

Mesyuarat dimaklumkan pemasangan papan tanda larangan untuk berniaga masih dalam tindakan pembelian.

**Tindakan :**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

#### 2.4.3. BILIK KHAS UNTUK AHLI MAJLIS

Mesyuarat dimaklumkan bahawa sebuah bilik khas kemudahan Ahli Majlis masih dalam perancangan untuk mencari bilik yang lebih sesuai.

**Tindakan:**

**Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta**

#### 2.4.4. PAPAN TANDA LARANGAN

Papan tanda larangan di Lot 541 telah siap dipasang manakala papan tanda di Jalan BU 2/1 dan BU 2/5 dalam pelaksanaan.

**Makluman**

#### 2.4.5. GERAI UPEN TAMAN SRI WATAN

- a) Jabatan PBK diminta membaiki tandas rosak.
- b) Jabatan Kejuruteraan sedang dalam penyediaan spesifikasi untuk kerja-kerja pemasangan lampu di tempat letak kereta, penurapan jalan dan pemasangan papan tanda di gerai UPEN .

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/  
Jabatan Kejuruteraan**

#### **2.4.6. BENDERA PARTI POLITIK**

Pihak Jabatan telah menjalankan operasi menurunkan bendera dan bahan kempen pada 5 Julai 2013 dan 10 Julai 2013 di kawasan Taman Melawati, Taman Permata dan di Jalan Lingkaran Tengah 2 (MMR2). Operasi masih diteruskan.

**Tindakan:**

**Jabatan Penguatkuasa**

#### **2.4.7. PENYEMBELIHAN AYAM DI PASAR PAGI TAMAN MUDA**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa dalam pengurusan pasar pagi pihak Majlis tidak membenarkan aktiviti penyembelihan ayam di tapak. Tindakan perlu diambil ke atas peniaga yang menjalankan penyembelihan di pasar pagi terbuka.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

#### **2.4.8. PENJAJA PASAR MALAM DI TAMAN MUDA (HARI JUMAAT DAN AHAD)**

Mesyuarat dimaklumkan Persatuan Penjaja Pasar Malam tidak membenarkan peniaga membuka meja dan kerusi untuk pelanggan. Kaedah yang dibenarkan ialah secara 'take away' sahaja. Tindakan penguatkuasaan diambil secara berterusan.



Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran &amp; Kesihatan

**2.4.9. KESTABILAN CERUN DI ZON11**

Mesyuarat dimaklumkan terdapat 22 cerun di kawasan Zon 11 dan di bawah pemantauan Jabatan Kejuruteraan. Di Kampung Tengah terdapat 3 cerun. Pemantauan secara berjadual dilaksanakan oleh unit cerun, Jabatan Kejuruteraan.

Makluman

**2.4.10. PERASMIAN PROGRAM ZON BERSIH DI BUKIT INDAH**

Perbincangan awal bersama Ahli Majlis kawasan Tuan Abdul Aziz B. Ahmad pada 9 Julai 2013 mencadangkan Majlis Pelancaran Zon Bersih MPAJ 2013 akan diadakan selepas hari raya. Tarikh terkini akan dibincang semula.

Makluman

**2.4.11. GERAJ-GERAI HARAM**

Tindakan penguatkuasaan sitaan telah dibuat keatas pertumbuhan gerai-gerai di Mutiara Court, Taman Bukit Permai dan sub-station TNB, Bukit Permai pada 5 Julai 2013 yang melibatkan 3 stall dan sebuah lori serta peralatan lain seperti kerusi, meja dan tong gas.

Jabatan diminta mengambil tindakan ke atas gerai-gerai haram yang masih beroperasi di sub-station TNB Bukit Permai.

SULIT

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran &amp; Kesihatan

**3. HAL-HAL LAIN****3.1. ASPEK ALAM SEKITAR****TUAN ABDUL AZIZ BIN AHMAD****3.1.1. RUMAH SAMPAH DI AMPANG WATERFRONT**

Rumah sampah berdekatan Restoren Sekinchan Ikan Bakar dicadangkan agar ditutup dan dijadikan kiosk perniagaan. Rumah sampah tersebut menimbulkan bau busuk dan disyorkan supaya setiap premis perniagaan menyediakan tong sampah masing-masing.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran &amp; Kesihatan

**TUAN LIM FONG LEN****3.1.2. KUTIPAN SAMPAH**

Kontraktor di kawasan Cheras Indah hanya mengambil sampah yang berada di bahagian atas tong sahaja tanpa mengambil keseluruhan di dalamnya. Perkara ini sudah lama dimaklumkan tetapi masih berulang.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran &amp; Kesihatan

**TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL****3.1.3 KUTIPAN SAMPAH**

Sampah tidak diangkat hingga 3 hari @ 5 hari di Lot 23, Bukit B, Lorong B2, Kg Cheras Baru.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**TUAN HJ. ABDUL JALIL BIN HASAN****3.1.4. PEMBERSIHAN LONGKANG**

Mohon agar pembersihan longkang-longkang dilakukan di Jalan Bunga Matahari 3, Taman Maju Jaya Fasa 3, dan membaiki longkang yang telah pecah.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/  
Jabatan Kejuruteraan**

**TUAN ABDUL LATIF BIN SHAHRI****3.1.5. SAMPAH HARAM**

Pembuangan sampah haram di lokasi tanah kosong Jalan 6/11 dan Jalan 6/10, Tasik Tambahan semakin aktif.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**TUAN HAMSAH BIN DJABIR**

**3.1.6. BANGUNAN KITAR SEMULA**

Persatuan Penduduk memohon untuk menggunakan Bangunan Kitar Semula di Jalan 4M sebagai kegunaan pejabat dan keperluan penduduk.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**3.2. ASPEK KEMASYARAKATAN**

**TUAN HAMSAH BIN DJABIR**

**3.2.1. TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK**

Dicadangkan sebuah Taman Permainan Kanak-kanak di Jalan 1 Ampang Jaya lokasi berdekatan Dataran Anak Muda, Ampang Jaya.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

**TUAN AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR**

**3.2.2. PEMBAIKAN TAPAK FUTSAL**

Lampu dan pagar di tapak futsal Taman Bukit Jaya yang dibina oleh ADUN yang terdahulu kini telah rosak dan perlu dibaiki.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

### 3.3.2. TUNGGUL POKOK

Mohon agar tunggul pokok yang telah lama tumbang dan tunggul-tunggul yang terbiar setelah kerja-kerja pemotongan dilaksanakan di Jalan Wangsa 1, Jalan Mulia 1/1 dan Jala Mulia 2/5 dapat diambil tindakan dan dibersihkan.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

### 3.2.3. POKOK MATI

Mohon diambil tindakan terhadap pokok yang telah mati di sekitar Taman Bukit Utama 2, Jalan Bukit Antarabangsa, Taman Kelab Ukay dan sekitarnya.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

**TUAN FONG TECK KEONG**

### 3.2.4. CANTAS POKOK

Terdapat pokok yang perlu dicantas di Jalan Taman Perdana berhampiran Surau Al-Mutmainnah, Jalan Perdana 3 dan Jalan Perdana 10/6.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

**TUAN LIM FONG LEN**

**3.2.5. POKOK BESAR BELUM DICANTAS**

Terdapat pokok besar di bulatan Jalan Mawar 15, Taman Mawar perlu dicantas .

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

**TUAN ABDUL JALIL BIN HASAN**

**3.2.6. CANTAS POKOK**

Terdapat pokok-pokok yang perlu dicantas di Jalan Pandan Indah 1/14 dan Jalan Pandan Indah 1/11A, juga jalan di sekitarnya.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

**3.2.7. GARISAN GELANGGANG**

Mohon agar dapat dibuat semula garisan gelanggang bola keranjang di Padang Perbandaran.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

**TUAN HO AH NGOH**

**3.2.8. POKOK TUMBANG**

Terdapat pokok tumbang di Jalan Hilir 4, Taman Sri Angsana Hilir masih belum di alihkan menyebabkan longkang tersumbat.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

**TUAN ABDUL AZIZ BIN AHMAD**

**3.2.9. TEBANG POKOK**

Mohon pokok di lereng bukit / cerun di hadapan Emereld Hill Bukit Indah ditebang.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

**3.3. LAIN-LAIN ASPEK**

**TUAN JAFRIEN BIN MUHAMMAD**

**3.3.1. IKLAN HARAM**

Terdapat iklan haram seperti pengubahsuaian rumah, ubat kuat, pinjaman wang, penjualan hartanah di gantung secara haram di kawasan Taman Zoo View, kawasan perumahan Kemensah Height dan Tropika Kemensah.

**Tindakan:**

**Jabatan Pelesenan**

**SULIT**

**TUAN AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR****3.3.2. KESTABILAN CERUN**

Pemantauan cerun di belakang Jalan BU 1/5 dan berhadapan Jalan LO 2/5 kerana terdapat pokok yang tidak sepatutnya tumbuh di cerun berkenaan.

**Tindakan:**

**Jabatan Kejuruteraan**

**TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL****3.3.3. PARKIR KREN DI DEWAN TAMAN KENCANA DAN LORI PANJANG DI JALAN 1, BUKIT PERMAI**

Mohon dipindahkan sebuah kren tersimpan lama berdekatan Dewan Taman Kencana dan lori panjang di hadapan rumah di Jalan 1, Bukit Permai.

**Tindakan:**

**Jabatan Penguatkuasa**

**TUAN LIM FONG LEN****3.3.4. KERETA BURUK**

Terdapat banyak kereta buruk yang terbiar di seluruh kawasan Teratai.

- a) 2 buah di Jalan 19, Taman Putra (sebelah dewan)
- b) 1 buah di Pasar pagi, Taman Muda
- c) 4 buah di Jalan Perubatan 3, Pandan Mewah

**Tindakan:**

**Jabatan Penguatkuasa**



### 3.3.5. TUGAS-TUGAS AHLI MAJLIS DI ZON 20

Tuan Lim Fong Len membangkitkan banyak aduan diterima di kawasan Pandan Perdana Zon 20 dan mencadangkan Tuan Wong Khai Pun sebagai Ahli Majlis yang menjalankan tugas buat sementara waktu dan mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut bermula dari 1 Julai 2013 sehingga Majlis mendapat surat rasmi berhubung penamatan perkhidmatan Puan Cheong Chye Wah sebagai Ahli Majlis.

**Tindakan :**  
**Jabatan Belia & Masyarakat**

## 4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbang dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

Disediakan Oleh:  
Bahagian Urusetia  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
**15JULAI 2013**

**7.2.  
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN,  
PENGURUSAN BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN  
BIL.7/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN  
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN  
BIL.07/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH** : 17 JULAI 2013

**MASA** : 9.30 PAGI – 11.30 PAGI

**TEMPAT** : BILIK MESYUARAT 1,  
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

**KEHADIRAN**

- |    |  |   |             |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Y.Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob<br>(YDP, MPAJ) | - | Pengerusi   |
| 2. | Tn. Jafrien Bin Muhammad                       | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis                 | - | "           |
| 4. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar                  | - | "           |
| 5. | Tn. Fong Teck Keong                            | - | "           |
| 6. | Tn. Lim Fong Len                               | - | "           |
| 7. | Tn. Meor Rithuan Bin Mohamed Said              | - | "           |
| 8. | Tn. Hj Ali Bin Ismail                          | - | "           |
| 9. | Tn. Ho Ah Nghoh @ Ho Tze Long                  | - | "           |
| 7. | Tn. Mohamad Bin Samad                          | - | "           |
| 8. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain                     | - | TYDP, MPAJ  |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                               |   |             |
|----|-------------------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah | - | Ahli Majlis |
| 2. | Tn. Haji A Yazid Bin Alias    | - | "           |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.07/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN  
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN**

**1. TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

**2. LATARBELAKANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.07/2013 telah diadakan pada 17 Julai 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 PEMBINAAN RESTORAN TANPA KEBENARAN DI ATAS TANAH  
REZAB JPS DI LORONG AWAN 14, KUALA AMPANG, MUKIM  
HULU KELANG**

Wakil dari PTD Gombak memaklumkan akan membuat semakan semula isu berkaitan perobohan dan akan memaklumkan kepada Majlis.

**Tindakan:  
PTD Gombak**

**2.2. ISU PENEMPATAN SETINGGAN DI PANDAN JAYA DI BAWAH REZAB TNB**

Mesyuarat dimaklumkan, hasil semakan pada 2 Jun 2013 mendapati bancian masih sama dan tiada perubahan di tapak. Pihak Majlis masih menunggu Program Pinjaman Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu ini.

**Tindakan:**

**Jabatan Perancang Bandar**

**2.3. BANGUNAN DIBINA BERSEBELAHAN KOLAM IKAN DI TAMAN BUKIT MULIA**

Wakil dari pihak PTD Gombak memaklumkan akan memanjangkan isu tersebut ke unit berkaitan untuk tindakan lanjut. Notis akan dikeluarkan untuk pemilik mengosongkan bangunan tersebut dan sebarang tindakan perobohan akan dilaksanakan selepas Hari Raya.

**Tindakan:**

**PTD Gombak**

**2.4. BINAAN RUMAH TANPA KEBENARAN MAJLIS DI JALAN A KG PANDAN (NO. 68, JALAN KEMAJUAN A, KG PANDAN BERHADAPAN KLINIK KESIHATAN DAN PERGIGIAN)**

Mesyuarat dimaklumkan, notis kedua telah dikeluarkan oleh pihak jabatan dan telah tamat tempoh. Namun sehingga kini pemilik masih belum mengemukakan pelan bangunan kepada Majlis. Mesyuarat bersetuju perkara ini dibawa ke Mahkamah memandangkan tiada kerjasama dari pemilik rumah.

**Tindakan:**

**Jabatan Bangunan & Senibina**

**2.5 BINAAN TANPA KEBENARAN DI BAWAH REZAB TALIAN RENTIS  
TNB DARI KG PANDAN KE KG TASEK PERMAI**

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan perobohan adalah di bawah tanggungjawab TNB. Pihak jabatan akan membantu pihak TNB menyelaraskan tindakan perobohan tersebut.

**Tindakan:**

**Jabatan Perancang Bandar**

**2.6 BANCIAN AKTIVITI PERNIAGAAN DI KG PANDAN DALAM**

Mesyuarat dimaklumkan pemantauan sentiasa dilakukan dan notis dikeluarkan kepada penjaja di Jalan F, Kg. Pandan. Pihak jabatan juga membuat pemantauan pembinaan gerai haram di Jalan Pandan Laman. Mesyuarat bersetuju mana-mana gerai baru tanpa kelulusan diambil tindakan roboh dengan segera.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**2.7 TAPAK KEDIAMAN DIJADIKAN TEMPAT MENJUAL KERETA  
TERPAKAI DI LORONG JALAN F KG PANDAN**

Mesyuarat memutuskan untuk memberi tempoh 1 bulan kepada pemilik untuk mengalihkan kenderaan tersebut.

**Tindakan:**

**Jabatan Undang-Undang**

## 2.8 GERAI HARAM (BANANA CAFE) DI AMPANG WATER FRONT

Mesyuarat dimaklumkan, bangunan perniagaan tanpa kebenaran termasuk gerai 'Banana Cafe' terletak atas sebahagian rezab Jalan Ampang dan Bukit Belacan juga terlibat dengan cadangan jajaran Lebuhraya SUKE. Pihak jabatan telah mengemukakan surat ke PTD Hulu Langat bagi mendapatkan pengesahan lanjut mengenai perkara tersebut. Perobohan gerai tersebut ditangguhkan.

**Tindakan:**

**Jabatan Penguatkuasa/Jabatan Perancang Bandar**

## 2.9 PEMBINAAN PARKIR KERETA (GARAJ) DI ATAS REZAB JALAN

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan pada struktur yang menimbulkan kacauganggu.

**Tindakan:**

**Jabatan Bangunan dan Senibina/  
Jabatan Penguatkuasa**

## 2.10 STATUS GERAI UPEN DI TUKAR DI JALAN 5 PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan, kerja-kerja pembaikan gerai tersebut telah selesai dan akan diserahkan kepada Unit Penjaja, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan. Pihak jabatan juga diminta memastikan meter individu dipasang di setiap gerai UPEN.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**2.11 TAMBAKAN TANAH HARAM DI CERUN JALAN WANGSA 5A**

Mesyuarat dimaklumkan, tarikh sebutan kes masih belum diperolehi dari pihak mahkamah.

**Tindakan:**

**Jabatan Undang-Undang**

**2.12 RUANG PERNIAGAAN DIBINA DI KAWASAN LAPANG PANDAN JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan, tiada lokasi yang sesuai untuk didirikan gerai @ kiosk penjaja di kawasan lapang di Pandan Jaya. Jabatan mensyorkan mana-mana penjaja yang aktif sahaja dibenarkan menjaja secara sementara `take away` mengikut syarat-syarat permit/lesen penjaja sementara.

**Makluman**

**2.13 KHEMAH DI HADAPAN KEDAI KEONG HENG CHERAS INDAH**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan akan mengarahkan kepada pemilik kedai supaya khemah dan kenderaan di alihkan sedikit ke dalam supaya tidak membahayakan pengguna jalan raya dan tidak menghalang pandangan pengguna jalan raya.

**Tindakan:**

**Jabatan Penguatkuasa**



**2.14 STATUS GERAI STATIK DI SEBELAH DEWAN PERMATA**

Mesyuarat dimaklumkan sebuah gerai telah ditanggalkan struktur oleh penjaja sendiri dan sebuah gerai yang mempunyai permit sementara mohon ditangguhkan selepas Hari Raya. Walau bagaimanapun, Ahli Majlis kawasan mohon tindakan segera diambil ke atas gerai tersebut.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**2.15 SEMAKAN TAPAK DI TAMAN NIRWANA 3**

Wakil PTD Hulu Langat memaklumkan sehingga kini permohonan pembaharuan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) tidak diluluskan kecuali untuk pembaharuan LPS bagi tujuan papan iklan.

**Makluman**

**2.16 BANGUNAN HARAM DI KG KEMENSAH**

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan perobohan telah dilaksanakan oleh Majlis pada 9 Julai 2013.

**Makluman**

**2.17 PEMBINAAN DI CERUN DI LOT 153, LORONG 8, TASIK PERMAI**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak Jabatan telah memohon pemilik rumah mengemukakan pengesahan jurutera bertauliah berkenaan struktur rumah yang melebihi 'set back' dan tembok penahan. Tanggungjawab kukuhan

struktur adalah di bawah tanggungjawab pemilik rumah tersebut.

**Tindakan:**

**Jabatan Bangunan & Senibina/**

**Jabatan Kejuruteraan**

**2.18 SAMBUNGAN BUMBUNG DI JALAN BUNGA TANJUNG 8A,8B  
DAN JALAN BUNGA TANJUNG 9**

Mesyuarat dimaklumkan, operasi perobohan telah dilaksanakan pada 11 Jun 2013 dan 4 struktur lagi telah dibuka sendiri oleh pemilik kedai.

**Makluman**

**2.19 SAMPAH TIDAK DIANGKAT KERANA TIADA RUANG UNTUK LORI  
SAMPAH MASUK DI LORONG BELAKANG KAWASAN FLAT M14,  
M8-M15 PANDAN JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan, Bahagian COB telah mengeluarkan surat kepada pihak pengurusan agar mengeluarkan notis kepada semua penduduk berkenaan tatacara meletak kenderaan agar tidak menghalang laluan keluar masuk lori sampah.

**Makluman**

**2.20 MASALAH TEMPAT LETAK KERETA DI BLOK M14 DAN M15  
PANDAN JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan penguatkuasaan (perobohan) 2 buah gerai di kawasan tersebut perlu

dilaksanakan kerana telah menggunakan tempat letak kereta di kawasan Blok M14 dan M15, Pandan Jaya.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

#### **2.21 GELANGGANG ANAK MUDA DI JALAN PERSIARAN 7 PANDAN JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan masih tiada apa-apa makluman daripada Pejabat Daerah sehingga kini.

**Tindakan:**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

*(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan)*

#### **2.22 PEMBINAAN RUMAH TANPA MENGIKUT PELAN KELULUSAN DARIPADA PIHAK MAJLIS DI RUMAH NO.2 JALAN PERDANA 6/9 PANDAN PERDANA**

Mesyuarat dimaklumkan isu ini masih dalam kes mahkamah (En. Lim Koo vs En. Soo). Pemilik rumah mohon supaya pelan akan dikemukakan selepas kes mahkamah selesai.

**Tindakan:**

**Jabatan Bangunan & Senibina**

#### **2.23 GERAI TERBIAR DI TAMAN SAGA**

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan merobohkan struktur akan dibuat pada 24 Julai 2013. Penangguhan ini disebabkan terdapat meter TNB yang aktif di gerai tersebut.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**2.24 STATUS STOR DI TANAH KOSONG DI SEBELAH KUIL HINDU DI  
JALAN 9/10 PANDAN PERDANA**

Wakil PTD Hulu Langat memaklumkan TOL tidak boleh diperbaharui. PTD Hulu Langat akan mengeluarkan notis kepada pemilik stor tersebut untuk mengosongkan tapak tersebut.

**Tindakan:**

**PTD Hulu Langat**

**2.25 KAJIAN DAN CADANGAN PEMULIHAN GERAI /TAPAK GERAI  
PLB DI TASEK TAMBAHAN 1**

Pihak jabatan akan menyelaraskan satu mesyuarat bersama jabatan teknikal bagi mengkaji dan cadangan pemuliharaan gerai/tapak gerai PLB di Tasek Tambahan 1.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**2.26 BINAAN TIANG DAN BANGUNAN BARU DI BLOK B, BLOK C,  
DAN DI WAKAF SUMBANGAN YB ISKANDAR DI FLAT TAMAN  
DAGANG**

Mesyuarat dimaklumkan tindakan penguatkuasaan akan diambil setelah tamat tempoh notis yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Bangunan dan Senibina.

**Tindakan:**

**Jabatan Bangunan & Senibina /  
Jabatan Penguatkuasa**

**2.27 TINDAKAN NOTIS MENGOSONGKAN BANGUNAN DI JALAN 5,  
PANDAN JAYA**

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan perobohan telah dilaksanakan pada 17 Julai 2013.

**Makluman**

**2.28 GERAJ TOMYAM DAN GERAJ BURGER DI BAHU JALAN F KG  
PANDAN**

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan pengeluaran notis telah dikeluarkan pada 12 Julai 2013 dalam tempoh 14 hari. Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan selepas tempoh notis tersebut tamat.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**2.29 SEMAKAN STATUS PERMOHONAN MENGECAT SEMULA BANGUNAN DI PANGSAPURI ANGGERIK**

Mesyuarat dimaklumkan, permohonan tersebut masih di bawah tindakan pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

**Tindakan:**  
**Bahagian COB**

**2.30 PROJEK PEMBANGUNAN SKIM 'GATED COMMUNITY' DI KEMENSAH HEIGHT**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan akan menyelaraskan satu mesyuarat bersama jabatan teknikal pada 24 Julai 2013.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**2.31 POKOK DI JALAN MAWAR 15, TAMAN MAWAR**

Mesyuarat dimaklumkan, pokok di jalan tersebut masih elok dan tidak perlu ditebang. Walau bagaimanapun pihak jabatan akan mencantas dahan-dahan pokok tersebut sahaja.

**Tindakan :**  
**Jabatan Belia & Masyarakat**

*(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan)*

**2.32 TANAH KOSONG DI JALAN BUNGA TANJUNG 8B (TANAH METROPLEX)**

Mesyuarat dimaklumkan, notis telah dikeluarkan kepada pemilik tanah untuk membersihkan tanah tersebut.

**Tindakan :**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**2.33 KEDAI SAP SAM YEW DI HUJUNG JALAN BUNGA TANJUNG 8 (PASAR PAGI) MELETAK KERUSI DAN MEJA DI TEMPAT LETAK KERETA**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah menjalankan operasi sita pada 29 Jun, 6 dan 7 Julai 2013. Tindakan penguatkuasaan dilaksanakan secara berterusan.

**Tindakan :**

**Jabatan Penguatkuasa**

**2.34 GERAJ DURIAN DI JALAN MAWAR**

Mesyuarat dimaklumkan, gerai buah durian di Jalan Mawar diperbaharui perमितnya sebulan ke sebulan mengikut musim buah-buahan.

Mesyuarat mencadangkan pihak jabatan mencari lokasi yang sesuai, khusus untuk dijadikan tempat jualan buah-buahan tempatan bermusim.

**Tindakan :**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**3.0 HAL-HAL LAIN****TN. AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS****3.1 GERAI HARAM DI JALAN KEMAJUAN A, KG PANDAN**

Beliau mohon pihak Majlis membuat semakan ke atas gerai-gerai haram di sekitar Jalan Kemajuan A, Kg Pandan. Ada terdapat gerai-gerai tersebut yang menggunakan air dan elektrik secara haram.

Tindakan :

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**TN. JAFRIEN BIN MUHAMMAD****3.2 SEMAKAN KE ATAS 'SHOWROOM' PROTON DI GIANT TAMAN PERMATA**

Beliau menerima aduan daripada penduduk berkaitan 'showroom' proton yang menggunakan tempat letak kereta untuk meletakkan kereta-kereta yang baru untuk jualan. Beliau mohon semakan kelulusan tersebut.

Tindakan :

**Jabatan Bangunan & Senibina**

**Jabatan Penguatkuasa**

**TN. HAJI ALI BIN ISMAIL****3.3 ISU PENEROKAAN DAN PENAMBAKKAN KAWASAN LAPANG**

Beliau mohon supaya kawasan lapang di Jalan 2/1 dan 2/1B, Tasik Tambahan dapat dipergunakan sebagai tempat rekreasi atau sebuah tempat untuk kegunaan semua masyarakat di Ampang Jaya. Tapak tersebut telah



dicerobohi dan dijadikan tempat pembuangan sampah dan gerai haram.

**Tindakan :**

**Jabatan Perancang Bandar/**

**Jabatan Belia & Masyarakat**

**3.4 STATUS BINAAN DI ATAS LOT-LOT PERSENDIRIAN DI JALAN MERDEKA (KAWASAN PERUMAHAN BARU DISEBELAH SEK.MEN. BANDAR BARU AMPANG)**

Beliau mohon semakan ke atas binaan lot-lot persendirian di Jalan Merdeka iaitu berhadapan dengan projek Seratama (kawasan perumahan baru di sebelah Sek. Men. Bandar Baru Ampang). Beliau juga mohon jabatan terlibat membuat semakan status tanah di kawasan tersebut dan apakah tindakan Majlis bagi menambahbaik keadaan di situ.

**Tindakan :**

**Jabatan Perancang Bandar**

**TN. HAJI MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID**

**3.5 KERJA-KERJA DI TAPAK PEMBINAAN (PEMAJU EXTENSIVE GAIN SDN. BHD.) MELEBIHI WAKTU KERJA YANG TELAH DITETAPKAN**

Beliau menerima aduan daripada penduduk berkaitan projek baru di Pandan Jaya yang beroperasi melebihi waktu kerja yang telah disyaratkan dalam permohonan kebenaran merancang. Mohon tindakan dan semakan dari jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan :**

**Jabatan Bangunan dan Senibina**

**4.0 PENUTUP**

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

*Disediakan Oleh:  
Bahagian Urusetia  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
19JULAI2013*

7.3.  
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA  
INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM  
BIL.7/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR  
DAN KEMUDAHAN AWAM  
BIL.07/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH** : 16 JULAI 2013

**MASA** : 9.30 PAGI-12.30 TENGAHARI

**TEMPAT** : BILIK MESYUARAT 1,  
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

**KEHADIRAN**

- |     |   |   |             |
|-----|---|---|-------------|
| 1.  | Tn. Abd Hamid Bin Hussain<br>(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi   |
| 2.  | Tn. Razali Bin Ramly                      | - | Ahli Majlis |
| 3.  | Tn. Abdul Latif Bin Shaari                | - | "           |
| 4.  | Tn. Hamsah Bin Djabir                     | - | "           |
| 5.  | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis            | - | "           |
| 6.  | Pn. Sian Keng Eng                         | - | "           |
| 7.  | Tn. Lim Fong Len                          | - | "           |
| 8.  | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan            | - | "           |
| 9.  | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan          | - | "           |
| 10. | Tn. Haji Ali Bin Ismail                   | - | "           |
| 11. | Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah             | - | "           |
| 12. | Tn. Haji A Yazid Bin Alias                | - | "           |
| 13. | Tn. Abdul Aziz Bin Ahmad                  | - | "           |
| 14. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal             | - | "           |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. Y.Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob - YDP, MPAJ
2. Tn. Wong Khai Pun - Ahli Majlis
3. Tn. Mohamad Bin Samat - "

SULIT

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 07/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR  
DAN KEMUDAHAN AWAM**

**1. TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

**2. LATARBELAKANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 07/2013 telah diadakan pada 16 Julai 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 KERTAS KERJA LANJUTAN TEMPOH PERMIT KOREKAN JALAN  
BAGI PROGRAM PENGGANTIAN PAIP LAMA DI KAMPUNG  
AMPANG CAMPURAN, MUKIM AMPANG, DAERAH HULU  
LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN**

2.1.1 Pihak Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) telah mengemukakan permohonan bagi lanjutan tempoh permit korekan jalan meliputi kerja pengorekan jalan sepanjang 5172.11 meter di sekitar Kampung Ampang Campuran bagi program penggantian paip lama melalui surat no ruj. SYA/ PJN/ PMD/ GOP/ MPAJ/ 13/115 bertarikh 26hb Jun 2013.

- 2.1.2 Untuk makluman, permohonan ini telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Dan Kemudahan Awam Bil 3/2013 bertarikh 13hb Mac 2013 dan Mesyuarat Penuh Bil 3/2013 bertarikh 29hb Mac 2013.
- 2.1.3 Berdasarkan kepada semakan di tapak, didapati kerja-kerja penggantian paip lama telah siap sebanyak 32.31% sehingga tarikh 26hb Jun 2013 dan selebihnya adalah melibatkan kerja-kerja penyambungan paip komunikasi ke rumah pengguna di sekitar Ampang Campuran.
- 2.1.4 Berdasarkan semakan permohonan, pihak pemohon perlu mengemukakan bayaran yuran proses sebanyak RM 2,586.55 sebelum sebarang kelulusan lanjutan tempoh permit korekan boleh dikeluarkan. Manakala Wang Cagaran dalam bentuk Jaminan Bank kepada Kerajaan Negeri Selangor juga masih dalam tempoh sah laku iaitu berkuatkuasa dari 1hb Januari 2013 sehingga 31hb Disember 2013 dengan nilai cagaran berjumlah RM 2.0 juta.
- 2.1.5 Pihak pemohon juga adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelulusan terdahulu yang telah dikenakan oleh pihak jabatan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Dan Kemudahan Awam Bil 3/2013 bertarikh 13hb Mac 2013 dan surat kelulusan permit korekan no ruj. MPAJ.KEJ.KB.720-3/21C/12(10) bertarikh 5hb April 2013.

2.1.6 Pihak Jabatan mengesyorkan agar permohonan lanjutan tempoh permit korekan ini diluluskan dengan syarat-syarat seperti kelulusan terdahulu.

2.1.7 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan permohonan bagi lanjutan tempoh permit korekan jalan bagi Program Penggantian Paip Lama di Kampung Ampang Campuran, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

3. **MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT  
SEPERTI BERIKUT :**

3.1. **KAJIAN PENYELESAIAN TRAFIK DI JALAN DAGANG DAN SUSUR  
MASUK BALAI POLIS AMPANG**

Pihak JKR memaklumkan peruntukan untuk membina lampu isyarat di Jalan Dagang dan susur masuk ke Balai Polis Ampang dijangka diperolehi pada bulan November 2013.

**Tindakan :  
JKR Hulu Langat**

3.2. **KAJIAN ALIRAN TRAFIK**

Jabatan telah mendapat kelulusan bagi cadangan projek mengatasi masalah aliran trafik di hadapan Masjid Bandar Baru Ampang dan Flat Sri Nilam. Jabatan dalam penyediaan proses sebutharga.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**



### 3.3. MENAIKTARAF JALAN SUSUR DI MRR2 (BERHAMPIRAN JALAN F KG PANDAN)

Pihak JKR masih menunggu peruntukan daripada Kementerian Kerja Raya bagi kerja-kerja penambahbaikan di jalan susur di MRR2 ( berhampiran Jalan F Kg Pandan). Jabatan diminta menyemak semula di lokasi kerana terdapat bekas jalan dipotong yang menyebabkan risiko keselamatan terutama kepada penunggang motosikal. Kawasan tersebut juga sering berlaku kemalangan dan mesyuarat meminta pihak JKR untuk mengkaji masalah ini dan penyelesaian.

**Tindakan :**  
**JKR Ibu Pejabat/  
Jabatan Kejuruteraan**

### 3.4. PERMOHONAN PEMBAHAGI JALAN DAN TANDA ARAH JALAN

Kerja-kerja mengecat tanda arah jalan sehalu di Jalan Bukit Indah 5 hadapan kawasan rumah kedai telah dilaksanakan pada 21 Jun 2013.

**Makluman**

### 3.5. TURAP JALAN

Penampalan jalan di kawasan tempat letak kereta di Pangsapuri Anggerik Bukit Permai 2 akan dilaksanakan oleh pasukan 'Road Geng' MPAJ.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**3.6. PEMBUKAAN JALAN**

Jabatan telah mengeluarkan surat arahan pada 15 Mei 2013 kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor berkenaan isu pembukaan jalan dari markas tentera ke Jalan Cheras Hartamas (berhadapan pangsapuri Kempas) kerana pada setiap pagi penduduk mengambil masa yang lama untuk keluar dari Jalan Cheras Hartamas.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**3.7. TURAP JALAN**

Kerja-kerja turapan jalan di Lembah Maju (hadapan rumah teres 2 tingkat telah dilaksanakan.

**Makluman**

**3.8. JALAN ROSAK**

Kerja-kerja pembaikan jalan rosak dan teruk di Jalan Permai 1, Kg Ampang Indah telah dilaksanakan pada 10 Julai 2013.

**Makluman**

**3.9. JALAN BERLUBANG**

Kerja-kerja penampalan jalan berlubang di lokasi-lokasi seperti di bawah telah dilaksanakan pada 18 Jun 2013.

- a) Jalan BJS 2, Taman Bukit Segar Jaya 1
- b) 41, Jalan BJS 3A, Taman Bukit Segar Jaya
- c) 81, Jalan BJS 3A, Taman Bukit Segar Jaya
- d) 41, Jalan BJS 5, Taman Bukit Segar Jaya
- e) 49, Jalan BJS 5, Taman Bukit Segar Jaya

- f) 52A ,Jalan BJS 5, Taman Bukit Segar Jaya
- g) 2, Jalan BJS 6, Taman Bukit Segar Jaya
- h) 39, Jalan BJS 6, Taman Bukit Segar Jaya
- g) 13, Jalan BSJ 7, Taman Bukit Segar Jaya

**Makluman**

### **3.10. PELEBARAN JALAN**

Pihak pemaju akan melaksanakan kerja-kerja pelebaran jalan di persimpangan keluar Jalan Cheras Hartamas dan Jalan DBKL seiring dengan pelaksanaan kerja-kerja bangunan oleh pihak pemaju BHL Enterprise. Kerja-kerja dijangka selesai awal tahun 2014.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

### **3.11. TURAPAN JALAN DI KAWASAN BERSTRATA**

Jabatan memaklumkan merujuk kepada prosedur MARRIS penurapan jalan tidak boleh dilaksanakan di kawasan berstrata. Pihak Jabatan akan membantu YB ADUN menyediakan kertas kerja berkaitan bagi dikemukakan kepada MBI untuk memohon peruntukkan Geran Selangorku.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

### **3.12. PENURAPAN SEMULA PERMUKAAN TEMPAT LETAK KERETA YANG ROSAK**

Kerja-kerja penampalan ke atas permukaan tempat letak kereta yang rosak khususnya di Ampang Point, Taman Permata Jaya dan Taman Melawati telah dilaksanakan pada 18 Jun 2013.

**Makluman**

### **3.13. MASALAH BANJIR DI TAMAN SERAYA**

Pihak Jabatan Kejuruteraan telah memohon peruntukan Selangorku bagi projek mengatasi banjir di sekitar Jalan 5 dan Jalan 8 serta di Jalan Bunga Cempaka 19A tetapi masih belum menerima maklumbalas daripada MBI.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

### **3.14. HAKISAN TEBING SUNGAI KERAYONG**

Pihak JPS telah melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf bagi mengatasi masalah hakisan tebing Sungai Kerayong yang berlaku di Jalan 29/1 Taman Putra.

**Makluman**

### **3.15. KEJADIAN BANJIR DI JALAN F TAMAN MELAWATI**

Jabatan kejuruteraan memaklumkan pembinaan perangkap sampah di 'monsun drain' berhampiran di Jalan F Taman Melawati sehingga menyebabkan banjir kilat adalah di bawah Program ROL. Pihak jabatan akan mengadakan

penyelarasan bersama Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan untuk kerja-kerja pembersihan. Mesyuarat turut mencadangkan supaya ada sistem pemantauan berkala untuk semakan di tapak dan kerja-kerja pembersihan.

**Tindakan:**  
**Jabatan Kejuruteraan/  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

### **3.16. MASALAH BANJIR DI FLAT KOS RENDAH PANDAN MEWAH**

Kerja-kerja menyelenggara longkang berdekatan Flat Pandan Mewah yang tidak dapat menampung air setiap kali hujan dan berlaku banjir telah dilaksanakan oleh pihak JMB.

**Makluman**

### **3.17. KEJADIAN BANJIR KILAT**

Jabatan dalam proses penyediaan spesifikasi kerja bagi menaiktaraf 'culvert' untuk mengatasi masalah banjir kilat di sekitar Jalan 1D, Kg. Lembah Jaya Selatan. Sebutharga akan dilaksanakan pada Ogos 2013. Kerja-kerja pembersihan telah dilaksanakan mengikut jadual, keadaan struktur longkang yang tidak diganti menyebabkan longkang sering tersumbat akibat pasir dan lumpur.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**3.18. KEPERLUAN `SPEED BREAKER`**

Kerja- kerja meletakkan `speed breaker' di simpang jalan ke Jalan Cempaka 8 (simpang ke Petronas dan Caltex) kerana kenderaan dari Taman Dagang terlalu laju dijangka siap pada 31 Julai 2013.

**Makluman**

**3.19. PEMBAIKAN BONGGOL**

Pihak jabatan telah mengadakan lawatan tapak di Jalan Bunga Mawar 5A bersama Ahli Majlis pada 6 Jun 2013 dan didapati tiada bonggol di situ.

**Makluman**

**3.20. PERMOHONAN BONGGOL**

Pihak jabatan diminta mengkaji kesesuaian untuk menyediakan 2 bonggol atau `speed breaker' di Jalan 49 (berhampiran Apartment Glenview Villa) menuju ke pejabat JKP kerana banyak kenderaan dipandu dengan laju.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**3.21. KEPERLUAN `RAILING`**

Kerja-kerja meletakkan `railing' di selekoh masuk ke Jalan Cempaka dari MRR2 (Taman Bakti) telah siap dilaksanakan pada bulan Jun 2013. Mesyuarat juga memaklumkan terdapat railing di Jalan A telah rosak akibat dilanggar oleh kenderaan. Mohon kerja-kerja pembaikan.

**Tindakan:  
JKR Hulu Langat**

**3.22. MOHON PEMBINAAN 'RAILING'**

Semakan jabatan mendapati tiada ruang yang sesuai untuk menanam pokok di sepanjang kiri dan kanan Jalan Pandan Ilmu. Jabatan Kejuruteraan memaklumkan akan membuat semakan semula di lokasi dan melaksanakan kerja-kerja pemasangan railing atau sebagainya mengikut kesesuaian bagi tujuan pengasingan pejalan kaki.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**3.23. PENYELENGGARAAN SUNGAI KONGSI 8**

Pihak Jabatan telah menghantar surat susulan kepada pihak JPS Gombak berhubung kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan Sungai Kongsi 8 di Taman TAR namun tiada sebarang maklumbalas diterima sehingga kini. Terdahulu daripada itu, mesyuarat dimaklumkan pihak JPS telah membuat kajian untuk menaiktaraf sungai dan peruntukan telah dimohon ke pihak JPS Negeri. JPS dalam proses sebutharga. Kerja-kerja pengalihan halagan di sungai di laksanakan oleh pihak utiliti.

Mesyuarat memohon pihak Jabatan untuk membangkitkan isu ini dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah Gombak untuk penyelesaian.

**Tindakan:  
JPS Gombak/  
Jabatan Kejuruteraan**

### 3.24. PENYELENGGARAAN LONGKANG DI LORONG-LORONG KG PANDAN DALAM

Mesyuarat dimaklumkan kesukaran untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan kerana longkang yang tertutup dan telah rosak. Jabatan telah mengeluarkan notis kepada premis dan rumah yang menutup longkang dan tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan selepas Hari Raya Aidilfitri.

Mesyuarat juga memohon jabatan untuk membuat semakan keadaan longkang di Lorong A Kg. Pandan yang agak kritikal dan memerlukan pembersihan segera.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

### 3.25. LONGKANG TERSUMBAT

Kerja-kerja pembersihan longkang bawah tanah yang tersumbat kerana dihalangi oleh kabel utiliti yang merentangi longkang tersebut di Jalan Teratai 1/2E Taman Bukit Teratai telah dilaksanakan pada 29 Jun 2013.

**Makluman**

### 3.26. PEMBAIKAN LONGKANG

Kerja-kerja pembaikan longkang rosak di belakang Jalan Melur 35, Taman Melur ( bersempadanan dengan kawasan pembangunan Syarikat Bumi Bakti) telah dilaksanakan.

**Makluman**



**3.27. LONGKANG PECAH**

Kerja-kerja pembaikan longkang pecah di lorong belakang antara Jalan Dagang 3A dan Jalan Dagang 2, Taman Dagang Jaya telah dilaksanakan.

**Makluman**

**3.28. PEMBAIKAN BAHU JALAN DAN LONGKANG**

Bahu jalan di tepi Pangsapuri Cengal yang terhakis adalah akibat aliran 'run off' yang tinggi. Penambahan 'scupper drain' akan dibuat dan dijangka selesai pada 15 Ogos 2013.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**3.29. PENYELENGGARAAN LONGKANG**

Kerja-kerja pembersihan longkang di Jalan Cheras Hartamas berhampiran Pangsapuri Kempas telah dilaksanakan pada 11 Julai 2013. Keadaan longkang yang berada di pertengahan di antara 2 jalan adalah merbahaya kepada pekerja pembersihan kerana keadaan di kawasan bukit dengan kenderaan bergerak laju.

**Makluman**

### 3.30. HAKISAN TANAH

Jabatan Kejuruteraan memaklumkan kerja-kerja pembaikan hakisan tanah di Riana Ukay dan Kg Sering Ukay dalam tindakan kontraktor dan dijadualkan siap dalam tempoh 6 minggu dari tarikh mula kerja pada 19 April 2013. Masalah hakisan berpunca dari mendapan akibat pergerakan dari tebing Sungai Sering.

Jabatan telah memaklumkan kepada pihak JPS Negeri secara bertulis supaya mengambil tindakan pembaikan tebing sungai tersebut.

Selain itu mesyuarat mencadangkan supaya dibuka satu laluan alternatif lain (jalan lama) dari Sungai Sering sebagai laluan ke taman tersebut untuk penduduk-penduduk di situ.

**Tindakan:  
Jabatan Kejuruteraan**

### 3.31. TEBING RUNTUH

Jabatan sedang membuat permohonan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan tebing runtuh (monsun drain) di Jalan Enggang 13 melalui peruntukan Geran Selangorku.

**Tindakan:  
Jabatan Kejuruteraan**

### 3.32. LAMPU JALAN

Pihak JKR masih menunggu peruntukan daripada persekutuan untuk kerja-kerja pemasangan lampu jalan di Jalan Langat dari Tasek Tambahan ke Menara Tinjau kerana kawasan tersebut gelap. JKR memaklumkan kos untuk menyediakan lampu jalan mencecah RM 3 juta. Jabatan

akan membuat penyelarasan semula bersama pihak JKR untuk sebahagian lampu-lampu jalan yang akan diselenggara oleh pihak Majlis.

Mesyuarat mencadangkan kerja-kerja pemasangan lampu jalan dibuat secara berfasa.

**Tindakan :**  
**JKR Hulu Langat/  
Jabatan Kejuruteraan**

### **3.33. KEPERLUAN LAMPU JALAN DI TAMAN MESTIKA**

Mesyuarat dimaklumkan keperluan tambahan lampu jalan di Taman Mestika adalah di bawah tanggungjawab pihak MC. Jabatan memaklumkan dalam proses sebutharga dan perlantikkan ejen baru.

**Makluman**

### **3.34. LAMPU JALAN TIDAK MENYALA**

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan tidak menyala di jalan masuk ke Lembah Jaya Selatan dalam tindakan pihak JKR Hulu Langat dan dijangka siap pada bulan Julai 2013.

**Makluman**

### **3.35. LAMPU TIDAK MENYALA**

Lampu tidak menyala dan jalan berlubang di Jalan Besar Kg. Cheras Baru di bawah tindakan pihak JKR. Kerja-kerja dijangka siap pada bulan Julai 2013.

**Makluman**

**3.36. LAMPU JALAN**

Lampu jalan tidak berfungsi dari Jalan Taman Bakti (AXIS) sehingga ke Petronas Taman Chempaka dalam tindakan pihak JKR dan dijangka siap pada bulan Julai 2013.

**Makluman**

**3.37. MOHON TUKAR TIANG LAMPU**

Jabatan memaklumkan kerja-kerja menukar tiang lampu lama (tiang kayu) di Kg. Cheras Baru ditukar ke tiang lampu baru jenis bergarbonise yang berlelengan adalah di bawah tanggungjawab pihak TNB. Ahli Majlis kawasan memaklumkan akan mengadakan penyelerasan bersama pihak TNB berhubung isu ini.

**Tindakan :  
TNB**

**3.38. CANTAS POKOK**

Kerja-kerja cantasan pokok-pokok yang melindungi lampu-lampu di Jalan Pandan Ilmu telah dilaksanakan.

**Makluman**

**3.39. CANTAS POKOK**

Kerja-kerja cantasan pokok di Jalan Bunga Cempaka 6A dan Jalan Bunga Mawar 5A dalam tindakan penyelenggaraan oleh pihak jabatan.

**Tindakan :  
Jabatan Belia dan Masyarakat**

**3.40. CANTAS POKOK**

Semakan Jabatan mendapati permohonan supaya dicantas pokok di Taman Cheras Hartamas Fasa 1 adalah berada di kawasan Majlis Perbandaran Kajang.

**Makluman**

**3.41. TIANG LAMPU DI TAPAK PARKIR KERETA DI JALAN CEMPAKA**

Kerja-kerja menyediakan tiang lampu di tapak parkir kereta di Jalan Cempaka 14, Taman Cempaka telah dilaksanakan.

**Makluman**

**3.42. LORONG TEPI RUMAH YANG BERPAGAR**

Jabatan Bangunan dan Senibina sedang dalam proses pengumpulan dokumen berkaitan isu lorong tepi rumah antara rumah No. 21 dan 23 Jalan Melur 11, Taman Melur yang telah dipagar dan dijadikan hak individu oleh pemilik rumah.

**Tindakan :  
Jabatan Bangunan dan Senibina/  
Jabatan Undang-undang**

**3.43. TAMBAKAN PASIR DI PADANG BOLA JALAN H KG. PANDAN**

Kerja-kerja menambak pasir di padang bola di Jalan H, Kg. Pandan Dalam sedang dalam tindakan kontraktor .

**Tindakan :  
Jabatan Belia dan Masyarakat**

**3.44. PENYELENGGARAAN KAWASAN LAPANG**

Pihak TNB telah mengadakan lawatan tapak bagi kawasan lapang di bawah kabel TNB di sekitar Lorong Enggang 15 dan Jalan Enggang Timur 1 yang ditumbuhi semak samun dan belukar. Pihak TNB akan menjalankan tindakan pembersihan di kawasan tersebut.

**Tindakan:  
TNB**

**3.45. PENYELENGGARAAN DI PENCAWANG ELEKTRIK TNB**

Penyelenggaraan pencawang-pencawang elektik TNB di sekitar Taman Keramat terutama di AU 1B, AU 1A, AU 3/1 Keramat Permai perlu dilaksanakan memandangkan kebanyakan pencawang telah dipenuhi rumput dan memberi pemandangan yang tidak elok seterusnya mencemarkan imej Majlis. Pihak TNB akan memastikan penyelenggaraan dilaksanakan di lokasi seperti yang dinyatakan

**Tindakan :  
TNB**

**3.46. SEMAK SAMUN BERSEBELAH SEKOLAH RENDAH PANDAN INDAH**

Pihak jabatan telah mengeluarkan notis kepada pemilik tanah yang bersemak samun bersebelahan Sekolah Rendah Pandan Indah pada 12 Julai 2013. Namun sehingga kini masih tiada tindakan. Jabatan telah menyenaraikan dalam pelan tindakan pembersihan bulan Julai 2013.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

### **3.47. SEMAK SAMUN DI REZAB TNB**

Tindakan pembersihan kawasan semak samun di tepi Rezab TNB berhampiran Bayu Mas telah dilaksanakan oleh Majlis pada 26 Jun 2013.

**Makluman**

### **3.48. PENYELENGGARAN KAWASAN DI HADAPAN HOTEL FLAMINGO**

Satu mesyuarat di antara Jabatan Perancang Bandar MPAJ, JKR dan DBKL akan diadakan dalam masa terdekat bagi membincangkan isu bersempadanan kawasan berhadapan Hotel Flamingo yang tidak diselenggara serta rumput panjang dan terdapat sampah sarap. Mesyuarat memohon supaya isu ini dapat diselesaikan dengan segera.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

### **3.49. TANAH LAPANG TIDAK DISELENGGARA**

Pihak jabatan telah mengeluarkan notis kepada pemilik tanah iaitu TTDI Naza Group berhubung tanah yang bersemak samun serta dijadikan tempat pembuangan sampah haram di sebelah Apartment Glenview Villa. Pemilik memaklumkan akan melaksanakan kerja-kerja pembersihan pada 26 Jun 2013, namun sehingga kini masih tiada tindakan. Jabatan telah menyenaraikan dalam pelan tindakan pembersihan bulan Julai 2013.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

### **3.50. PEMBERSIHAN KAWASAN TEPI SUNGAI**

Tindakan pembersihan kawasan tepi sungai di belakang kuarters Sekolah Rendah Pandan Indah telah dilaksanakan.

**Makluman**

### **3.51. MENUTUP TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH**

Pihak pengurusan sedang mencari dana untuk mendirikan 'boomgate' di laluan masuk jalan yang menjadi tempat pembuangan sampah haram di Flat Pandan Indah 3/6 berhampiran rumah teres Jalan 3/6. Pihak pengurusan LT juga memaklumkan pembinaan 'boomgate' bergantung kepada keadaan kewangan syarikat. Jabatan akan menyemak semula isu sebenar di lokasi dan menyelesaikan isu sampah.

**Tindakan :**  
**Bahagian COB**

### **3.52. PEMBUANGAN SAMPAH HARAM DI PANDAN UTAMA**

Pihak jabatan dalam proses pembelian papan tanda 'Dilarang Membuang sampah' untuk diletakkan di lokasi pembuangan sampah haram di kawasan rumah kedai Pandan Utama Fasa 1.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**



**3.53. RUMAH SAMPAH BERBAU BUSUK DI FLAT PANDAN UTAMA**

Jabatan masih dalam proses mencari kawasan yang sesuai untuk rumah sampah yang baru bersama ahli majlis kawasan berhubung cadangan mengalihkan rumah sampah yang terletak di Flat Pandan Utama kerana keadaan rumah sampah yang telah uzur dan rosak.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**3.54. ISU LORONG BELAKANG DI AMPANG POINT**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa penyelarasan kerja telah dilaksanakan di peringkat Majlis berhubung isu lorong belakang di Ampang Point. Tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut :

- a) 4 gerai haram yang ditinggalkan telah disita pada 9 Julai 2013.
- b) Kerja-kerja penampalan jalan telah dilaksanakan pada 18 Jun 2013.
- c) Jabatan Bangunan dan Senibina telah mengadakan lawatan bersama YB Zuraidah diadakan pada 9 Julai 2013. Notis akan dikeluarkan terhadap 12 premis yang mempunyai struktur 'awning' dan struktur yang terletak di rezab parit dan jalan (yang menghalang laluan).
- d) Tindakan penguatkuasaan akan diambil selepas Hari Raya Aidilfitri.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan/  
Jabatan Bangunan dan Senibina/Jabatan Penguatkuasa**

**3.55. TONG KITAR SEMULA TANPA KEBENARAN**

Pihak operator tong kitar semula telahpun menghantar senarai permohonan baru tong kitar semula di atas rezab jalan untuk kelulusan Majlis. Pihak jabatan sedang memproses permohonan tersebut.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**3.56. SAMPAH SARAP DI MEDAN SELERA ANGSANA HILIR KG.PANDAN**

Jabatan memaklumkan semakan di lokasi mendapati peniaga-peniaga telah menyediakan tong sampah di premis masing-masing. Sampah sarap yang bertaburan di sekitar medan selera berpunca dari pembuangan oleh penduduk sekitar. Isu pembuangan sampah ini sering berulang. Jabatan akan bekerjasama dengan Jabatan Penguatkuasa untuk tindakan penguatkuasaan.

**Tindakan:**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan/  
Jabatan Penguatkuasa**

**3.57. PERMOHONAN MENGADAKAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK**

Pihak jabatan telah menghantar permohonan bagi mengadakan tempat pusat jagaan kanak-kanak di Taman Cheras Hartamas kepada pihak Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat untuk mewartakan tapak tersebut sebagai rezab tadika. Jabatan sentiasa menghubungi pihak yang terlibat untuk mendapatkan maklumbalas berhubung status permohonan dari masa ke semasa.

**Tindakan:**  
**Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

**3.58. SETINGGAN DI KG MUHIBBAH**

Semakan Jabatan Perancang Bandar melalui pihak PTD Hulu Langat pada 26 Mac 2013 mendapati status tanah di Jalan Sri Idaman, Kg. Muhibbah di mana terdapat 4 buah setinggan yang didiami oleh warga asing (Indonesia) adalah tanah kerajaan. Jabatan Perancang Bandar diminta untuk menulis surat kepada pihak PTD Hulu Langat untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan.

**Tindakan :**  
**PTD Hulu Langat/  
Jabatan Perancang Bandar**

**3.59. PEMBINAAN TANGKI AIR**

Jabatan masih belum menerima maklumbalas dari Pejabat YB Iskandar Abd Samad untuk mengadakan mesyuarat bagi membincangkan isu tangki air di Taman Pandan Utama, Kg Pandan fasa 1 dan 2 dan ke atas 3 buah rumah di tapak tangki air di Jalan E, Kg Pandan Dalam.

**Tindakan:**  
**Jabatan Bangunan dan Senibina**

**3.60. AIR MASUK KE DALAM DEWAN TERUTAMA MUSIM HUJAN DI DEWAN MPAJ KG CHERAS BARU**

Kerja-kerja membina longkang permukaan bagi mengalirkan air larian dan pada dinding tembok longkang dibina lubang air bagi air mengalir dengan baik serta menaiktaraf longkang dalam tindakan jabatan dan dijangka siap sebelum Hari Raya Aidilfitri.

**Tindakan :**  
**Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

### **3.61. LIMPAHAN AIR KETIKA HUJAN LEBAT**

Semakan Jabatan Kejuruteraan mendapati kerja-kerja pembersihan longkang perlu dilaksanakan di Jalan Ikan Jelawat Ampang Campuran kerana terdapat sampah yang menyebabkan aliran air kurang sempurna.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

### **3.62. KAWASAN TERNAKAN DI LERENG JALAN**

Pihak PTD Hulu Langat akan menyemak semula isu kawasan lereng jalan di Jalan Hulu Langat yang dijadikan kawasan ternakan haiwan seperti rusa, kambing, ayam dan sebagainya.

**Tindakan :**  
**PTD Hulu Langat**

### **3.63. ISU PEMBINAAN SEKOLAH KEBANGSAAN UKAY PERDANA**

Berdasarkan semakan, pihak perunding dalam proses mematuhi ulasan JPS iaitu mengemukakan semula laporan MASMA untuk semakan lanjut dan mendapatkan sokongan JKR Cerun berkaitan pindaan dan maklumat tambahan yang telah dikemukakan kepada jabatan tersebut. Pihak jabatan telah mengeluarkan surat kepada Kementerian Pelajaran Malaysia pada 4 Julai 2013 untuk mendapatkan maklumat terkini status permohonan menyiapkan projek

sekolah di peringkat Jawatankuasa Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

**Tindakan :**  
**JKR Gombak/**  
**Jabatan Kejuruteraan/**  
**Jabatan Perancang Bandar**

#### **3.64. 'MANHOLE' MENDAP**

Kerja-kerja pembaikan 'manhole' yang telah mendap di kawasan lampu isyarat ke Jalan Bunga Mawar 2 (hadapan pasar pagi Taman Muda) telah dilaksanakan.

**Makluman**

#### **3.65. TANGKI AIR PECAH DI FLAT AMPANG SAUJANA**

Kerja-kerja pembaikan tangki air pecah di Flat Ampang Saujana telah dilaksanakan oleh pihak pemaju.

**Makluman**

#### **3.66. KEDAI MENGECAT KENDERAAN**

Pemantauan semula pada 8 dan 12 Julai 2013 mendapati tiada sebarang aktiviti penyemburan cat di lorong belakang antara Lorong 6/5 dan 6/6 serta antara Lorong 6/4 dan 6/6 Pandan Indah Commercial Park.

**Makluman**

#### **3.67. PEMBAIKAN HOARDING**

Jabatan telah memaklumkan kepada pihak pemaju BHL Gemilang sedang melaksanakan kerja-kerja

pembaikan'hoarding' ditapak. Jabatan diminta untuk menyemak kerja-kerja yang dilaksanakan di tapak.

**Tindakan :**  
**Jabatan Bangunan dan Senibina**

### **3.68. KEROSAKAN TAPAK ZON HIJAU**

Pihak kontraktor telah melaksanakan kerja-kerja korekan di tapak zon hijau di Bukit Segar Jaya 2 dan Pangsapuri Cemara yang telah rosak akibat kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak Maxis. Kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan oleh pihak MAXIS mengikut syarat yang ditetapkan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

### **3.69. ADUAN KERETA ROSAK**

Beberapa buah kereta rosak di Pangsapuri Bukit Segar telah dialihkan.

**Makluman**

### **3.70. ISU DI PANGSAPURI BUKIT SEGAR A1**

Semakan telah dijalankan pada 18 Jun 2013 semasa kerja-kerja pemantauan berkala (audit). Jabatan telah mengeluarkan arahan untuk mengadakan AGM bagi Pangsapuri Bukit Segar A1 memandangkan tempoh AGM telah melebihi 12 bulan.

**Tindakan :**  
**Bahagian COB**

**3.71. PAIP SYABAS MELINTANGI LONGKANG DI TEPI JALAN BESAR**

Pihak Syabas memaklumkan paip yang melintang longkang di tepi jalan hadapan Caltex Jalan Ampang telah dikenalpasti, paip tersebut bersaiz 600mm dari jenis 'mild steel'. Tidak ada sebarang kacauganggu dari segi laluan longkang atau lalulintas. Sekiranya pihak berkenaan berpendapat untuk mengalihkan paip tersebut, pihak berkenaan perlu mengemukakan permohonan cadangan pengalihan beserta pelan kepada pihak Syabas. Pihak Syabas akan memberikan maklumbalas dan sekiranya dipersetujui, kerja-kerja pengalihan perlu dibuat oleh pihak berkenaan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak berkenaan juga.

**Tindakan :  
Syabas Gombak**

**3.72. STATISTIK ADUAN MAJLIS**

Jabatan memaklumkan akan memperincikan statistik aduan Majlis untuk diemailkan kepada Ahli Majlis pada setiap bulan. Jabatan juga akan membuat pembentangan berkenaan sistem aduan Majlis dalam Mesyuarat Penuh akan datang.

**Tindakan :  
Jabatan Perancangan Korporat**

**3.73. PENUBUHAN JAWATANKUASA KHAS (TASK FORCE)**

Lawatan telah dibuat bersama Ahli Majlis di sekitar kawasan Jalan Ikan Jelawat 10, Kg Ampang Campuran yang sering dilanda banjir kilat. Jabatan akan mengedarkan senarai

kawasan yang sering terlibat dengan banjir kilat kepada Ahli Majlis.

**Tindakan:  
Jabatan Kejuruteraan**

### **3.74 PENYELENGGARAAN DAN PEMBERSIHAN KAWASAN**

Kerja-kerja pembersihan di kawasan Taman Dagang Fasa 1 telah dilaksanakan pada 12 Julai 2013.

Jabatan memaklumkan kos penyelenggaraan padang mendap tidak mencukupi dan memerlukan kerja sebutharga. Mesyuarat meminta jabatan untuk menyemak semula kerja-kerja pembersihan yang dilaksanakan.

**Tindakan :  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan/  
Jabatan Belia dan Masyarakat**

### **3.75 TURAP JALAN**

Kerja-kerja turapan jalan di Jalan Cempaka 8 (kawasan rumah kedai) dalam tindakan jabatan.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

### **3.76 CANTASAN POKOK**

Kerja-kerja cantasan pokok telah dilaksanakan di Jalan Pandan Utama (jalan besar) hadapan rumah kedai .

**Makluman**



**3.77 CULVERT TERSUMBAT'**

Semakan pihak jabatan mendapati longkang sering tersumbat di Jalan A (Jalan Besar Kg. Pandan) bersebelahan jalan keluar dari Jalan H (Taman hadapan masjid) adalah disebabkan gerai PLB yang telah menutupi longkang. Longkang sering tersumbat akibat kemungkinan di bawah longkang pecah.

**Tindakan :  
JKR Hulu Langat**

**3.78 PERMOHONAN LAMPU ISYARAT**

Pihak jabatan sedang membuat kajian rekabentuk dan kesesuaian berkaitan permohonan dari penduduk Taman TAR supaya disediakan lampu isyarat di persimpangan Jalan Kerja Air Lama dan Jalan 4K Ampang Jaya. Kerja-kerja dijangka selesai pada Ogos 2013 dan akan dibentangkan di mesyuarat.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**3.79 TURAP JALAN**

Jabatan dalam perancangan untuk menaiktaraf jalan menggunakan 'interlocking pavemant' di persimpangan Jalan Pandan Makmur dan Jalan Pandan Ilmu.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**3.80 MENAIKTARAF JALAN**

Kerja-kerja menaiktaraf jalan di Jalan Pandan Makmur melibatkan pelebaran jalan dan pembinaan laluan pejalan kaki. Anggaran kos adalah sebanyak RM2 juta.

**Makluman**

**3.81 CANTAS POKOK**

Kerja-kerja mencantas pokok-pokok termasuk pokok-pokok bunga yang terdapat di hadapan rumah penduduk yang telah merimbun hingga ke tengah jalan terutama di Lorong Bunga Matahari 1A Taman Maju Jaya Fasa 3 serta rimbunan pokok-pokok di tepi padang Jalan Bunga Matahari 2, Taman Maju Jaya Fasa 3 dalam tindakan jabatan.

**Tindakan :  
Jabatan Belia dan Masyarakat**

**3.82 PAPAN TANDA JALAN**

Kerja-kerja pemasangan papan tanda jalan sehala di Jalan 7, Kg Ampang Indah telah dilaksanakan pada 4 Julai 2013.

**Makluman**

**3.83 MOHON PEMASANGAN 'RAILING'**

Kerja-kerja pemasangan pagar keselamatan (railing) di tepi longkang besar sepanjang jalan depan Flat Sri Intan, Lembah Jaya dalam pelaksanaan kontraktor.

**Makluman**

**3.84 PEMBINAAN LONGKANG**

Kerja-kerja pembinaan longkang di jalan masuk Flat Lembah Permai (Blok B3 & B4) bagi mengelakkan air mengalir masuk ke rumah kediaman dalam pelaksanaan kontraktor.

**Makluman**

**3.85 KEPERLUAN LONGKANG**

Kerja-kerja pembinaan longkang dari pintu masuk Taman Rimba Bukit Belacan hingga ke Jalan 1, Kg Pinggiran 3, Lembah Jaya Utara dalam pelaksanaan kontraktor.

**Makluman**

**3.86 PAPAN TANDA TAMAN**

Kerja-kerja pemasangan papan tanda nama taman di Taman Mulia Jaya dan Taman Ampang Saujana telah dilaksanakan pada 4 Julai 2013.

**Makluman**

**3.87 MOHON PEMBINAAN DEWAN DAN GELANGGANG FUTSAL**

Pihak jabatan akan menyemak semula permohonan penduduk supaya dibina sebuah dewan dan gelanggang futsal di tapak tanah kosong di Taman Ampang Saujana.

**Tindakan :  
Jabatan Belia dan Masyarakat**

**3.88 MOHON PEMBINAAN LALUAN SIAR KAKI**

Pembinaan laluan siar kaki di sepanjang Jalan Teratai 1 /2, Taman Bukit Teratai Ampang bagi kemudahan pejalan kaki dari kawasan perumahan di sekitar kawasan tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**3.89 KEMALANGAN DARI JALAN HULU LANGAT KE TASIK TAMBAHAN**

Pihak JKR memaklumkan akan menyediakan bonggol atau 'speedbreaker' untuk penyelesaian masalah kemalangan yang sering berlaku di persimpangan Jalan Hulu Langat (menuruni bukit) ke Tasik Tambahan.

**Tindakan :  
JKR Hulu Langat**

**3.90 KEMUDAHAN PEJABAT POS DI PANDAN PERDANA**

Hasil semakan jabatan mendapati tiada rezab Pejabat Pos di Pandan Perdana. Pihak jabatan akan memohon keperluan Pejabat Pos di Pandan Perdana kepada Pos Malaysia.

**Tindakan :  
Jabatan Perancang Bandar**

**3.91 KEPERLUAN BONGGOL**

Jabatan dalam proses pelantikan kontraktor bagi kerja-kerja penyediaan bonggol di Jalan Dagang 6 Taman Dagang Jaya dan dijangka siap pada 31 Julai 2013.

**Makluman**

**SULIT**

**3.92 LAMPU JALAN TIDAK BERFUNGSI**

Lawatan bersama JKR diadakan pada 8 Julai 2013. Pihak Majlis perlu melaksanakan kerja pembaikan lampu jalan tidak berfungsi di hadapan Flat Dato Ahmad Razali hingga hadapan Dewan Dato Ahmad Razali sebelum diserahkan kepada pihak JKR. Mesyuarat memohon supaya pihak JKR dapat mengambilalih dengan segera memandangkan kos pembaikan yang tinggi ditanggung oleh Majlis.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**3.93 TURAP JALAN**

Kerja-kerja penurapan semula jalan setelah kerja-kerja pengorekan jalan di Jalan Besar Ampang bermula dari Tiara Kondo hingga ke lampu isyarat Kg. Melayu Ampang telah dilaksanakan oleh pihak JKR.

**Makluman**

**3.94 BESI PENGHADANG TANPA KEBENARAN**

Pemantauan jabatan pada 9 dan 10 Julai 2013 mendapati besi penghadang yang didirikan tanpa kebenaran di Taman Sri Ukay berhampiran Sekolah Agama Islam ADNI tidak ditutup. Terdapat 2 orang pengawal keselamatan ditempatkan di Jalan Utama (Jalan 1). Pihak sekolah telah menghantar surat ke Pejabat Menteri Besar berkenaan isu tersebut. Majlis menunggu maklumbalas pejabat Menteri Besar untuk tindakan selanjutnya.

**Tindakan :  
Jabatan Penguatkuasa**

**3.95 ISU DI DEWAN ORANGRAMAI AU3/1 KERAMAT**

Jabatan telah mengambil tindakan terhadap aduan bahawa terdapat pihak yang menggunakan dewan Orang Ramai AU3/1 Keramat semasa pilihanraya telah menurunkan bingkai gambar YB dan tidak dinaikkan semula.

**Makluman**

**3.96 PENIAGA DI MEDAN SELERA SRI TANJUNG**

Jabatan sedang mengadakan penyelarasan berkenaan peniaga-peniaga di medan selera Sri Tanjung yang memohon supaya disediakan tong sampah yang lebih besar memandangkan tong sampah sedia ada tidak mencukupi.

**Tindakan :  
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

**3.97 PEMBINAAN CULVERT DI LORONG ENGGANG TIMUR 1**

Beliau mencadangkan untuk pembinaan culvert di Lorong Enggang Timur 1 menggunakan peruntukkan MARRIS. Jabatan memaklumkan peruntukan MARRIS yang digunakan hanyalah untuk kerja-kerja pembaikan. Walau bagaimanapun sekiranya keperluan pembinaan culvert tersebut mendesak jabatan akan menggunakan peruntukan di jabatan.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**3.98 PEMBINAAN BUMBUNG DI GELANGGANG BOLA KERANJANG**

Jabatan Bangunan dan Senibina akan merujuk kepada Unit Penyelenggaraan Perlaksanaan, JPM, berkenaan status pembinaan bumbung gelanggang bola keranjang di Kuala

Ampang. Jabatan diminta mengemukakan surat kepada ICU dan sekiranya tiada jawapan dalam masa 14 hari, pihak majlis akan mengambil alih tapak tersebut.

**Tindakan :**  
**Jabatan Bangunan dan Senibina/  
Jabatan Belia dan Masyarakat**

### **3.99 BENDERA PARTI**

Jabatan telah menurunkan bendera-bendera parti yang tidak diturunkan di sekitar Dun Hulu Kelang iaitu Melawati hingga ke Kuala Ampang pada 5 dan 12 Julai 2013. Semakan semula akan dibuat di kawasan Angsana Hilir.

**Tindakan :**  
**Jabatan Penguatkuasa**

### **3.100 POSTER KEMPEN PILIHANRAYA**

Tindakan penurunan poster kempen pilihanraya serta bendera parti yang tidak diturunkan di sekitar Kg. Cheras Baru telah dilaksanakan pada 11 Julai 2013.

**Makluman**

### **3.101 METER AIR DI PEJABAT JKP ZON 21**

Kerja-kerja penyediaan meter air di Pejabat JKP Zon 21 telah dilaksanakan.

**Makluman**

**4. HAL-HAL LAIN****TUAN ABDUL JALIL BIN HASAN****4.1 PEMANTAUAN KONTRAKTOR PEMBERSIHAN**

Mohon jabatan terlibat untuk memberi fokus terhadap kontraktor pembersihan supaya mereka menjalankan kerja-kerja pembersihan mengikut jadual serta pembuktian pemantauan yang dibuat di peringkat jabatan terutamanya berkenaan perkara berikut:

- i. Sapuan jalan di taman perumahan
- ii. Pembersihan longkang
- iii. Pemetongan rumput
- iv. Pembersihan kawasan lorong belakang.

**Tindakan :  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**PUAN WAN HASRINA BINTI WAN HASSAN****4.2 PERMOHONAN BONGGOL**

Beliau memohon supaya disediakan bonggol di lokasi berikut:

- a) di jalan turun ke jalan utama dari Taman Sering Ukay
- b) jalan berhadapan Apartment Sri Raya

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**



**4.3 PERMOHONAN TOL**

Mohon pihak majlis untuk membuat permohonan TOL bagi tanah kosong untuk di jadikan pondok pengawal di Taman Sering Ukay.

**Tindakan :  
Jabatan Perancang Bandar**

**4.4 SAMPAH HARAM**

Terdapat longgokan sampah haram di hujung Jalan UP 3/1 Ukay Perdana.

**Tindakan :  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**TUAN HAJI ALI BIN ISMAIL****4.5 PERMOHONAN LAMPU JALAN**

Mohon tambahan 2 unit lampu jalan pada tiang sediaada di no. 2, dan no 21 Jalan 1/ 2 Tasek Tambahan.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**4.6 MOHON LINTASAN BELANG DAN 'SPEED BREAKER'**

Beliau memohon supaya disediakan lintasan belang 'zebra crossing' dan 'speedbreaker' di persimpangan Jalan 1 (lampu isyarat) dan lampu isyarat persimpangan Jalan Tasek Tambahan 1 dengan Jalan Tasek Tambahan untuk keperluan kanak-kanak sekolah melintas jalan.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**4.7 MENAIKTARAF LONGKANG**

Longkang 'monsoon drain' di tepi Flat Pandan Mesra dengan kawasan lapang MPAJ dari Taman Fairuza ke Kg. Ampang Campuran perlu dinaiktaraf ke longkang 'U Shape' untuk melancarkan aliran air.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**TUAN HAJI A. YAZID BIN ALIAS****4.8 LONGKANG PECAH**

Longkang pecah di seberang K Club (sebelah taska) mohon dibaiki.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**4.9 MOHON PENUNJUK ARAH**

Mohon disediakan penunjuk arah di Bulatan Hillside Taman Melawati kerana sering berlaku kemalangan.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**TUAN HAJI MAT JUSOH BIN DOLLAH****4.10 LAMPU LINTASAN KESELAMATAN**

Lampu lintasan keselamatan diperlukan di hadapan Sekolah Agama Lembah Jaya.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**4.11 RUMPUT TIDAK DIPOTONG**

Persekitaran padang futsal Desa Lembah Permai dan Kg. Sg. Seputeh didapati rumput tidak dipotong dan diselenggara dengan baik.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**4.12 LONGKANG ROSAK**

Longkang rosak di Kg. Ampang Indah dan mohon dibaiki:

- i. Hadapan lot 1318 & 1825, Jalan Indah 8/2.
- ii. Hadapan lot 1311A, Jalan Indah 8/3.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.13 PEMOTONGAN RUMPUT DAN SAPUAN JALAN TIDAK DILAKSANAKAN DENGAN BAIK**

Kerja-kerja pemotongan rumput dan sapuan jalan tidak dilaksanakan dengan baik di sekitar Flat Ampang Saujana.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**4.14 KERETA BURUK**

Penduduk meminta supaya kereta buruk di sekitar Blok A2, Flat Ampang Saujana dialihkan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Penguatkuasa**

**4.15 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA**

Lampu jalan tidak menyala (lebih kurang 20 tiang) di sepanjang Jalan Indah Permai dan Jalan Indah Permai 1, Kg. Ampang Indah Permai.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**4.16 PERMOHONAN CERMIN KESELAMATAN**

Mohon disediakan cermin keselamatan di selekoh Jalan Indah Permai, Kg. Ampang Indah Permai.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**4.17 KEPERLUAN BONGGOL**

Mohon disediakan bonggol di hadapan surau Jalan Indah Permai Kg. Ampang Indah Permai.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**4.18 TURAP JALAN**

Jalan perlu diturap di Jalan Indah 6 dan Jalan Permai 2, Kg. Ampang Indah.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**4.19 KEPERLUAN LAMPU JALAN**

Lampu jalan diperlukan di hadapan Lot 1401 Jalan Indah 9, Kg. Ampang Indah.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.20 LONGKANG ROSAK**

Longkang rosak dan perlu dibaiki di hadapan Lot 1502, Jalan Indah 1, Kg Ampang Indah.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.21 PAGAR JAMBATAN ROBOH**

Pagar jambatan telah patah dan roboh di Jalan Indah 1, Kg. Ampang Indah dan mohon dibaiki segera.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.22 SEMAK SAMUN**

Terdapat sebuah rumah tinggal dan bersemak samun di Lot 1485 Jalan Indah 9, Kg. Ampang Indah dan mohon dibersihkan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**4.23 TURAP JALAN**

Penduduk Kg. Ampang Indah (masyarakat India) meminta supaya kerja-kerja turapan jalan dilaksanakan di kampung mereka kerana jalan tersebut tidak diturap hampir 20 tahun dan kebanyakan jalan telah rosak.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.24 PAPAN TANDA LARANGAN MEMBUANG SAMPAH**

Mohon disediakan papan tanda 'Dilarang Membuang Sampah' di persimpangan Jalan Watan 29 dan Jalan Watan 24 kerana terdapat banyak longgokan sampah.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**4.25 MOHON TEBANG POKOK**

Beliau memaklumkan terdapat pokok yang perlu ditebang di hadapan Lot 1693, jalan surau Kg. Indah Permai.

**Tindakan :**  
**Jabatan Belia dan Masyarakat**

**4.26 KERJA-KERJA PEMBERSIHAN BELUKAR**

Penduduk Ampang Saujana Elite meminta supaya hutan dan belukar di sebelah tembok sempadan dibersihkan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**4.27 MOHON BONGGOL**

Penduduk Ampang Saujana Elite memohon supaya disediakan bonggol di persimpangan Jalan 4, persimpangan Jalan 3A serta di hadapan pondok pengawal Taman Ampang Saujana Elite.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**PUAN SIAN KENG ENG****4.28 PENGGANTIAN TIANG LAMPU**

Mohon penggantian tiang lampu yang hilang setelah kerja-kerja pelebaran jalan di laksanakan di hadapan zon hijau, Bukit Segar Jaya 2.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**4.29 KERJA-KERJA SAPUAN JALAN TIDAK SEMPURNA**

Pekerja pembersihan sering menyapu daun dan pasir di atas jalan dan membuangnya ke dalam lubang besar di tepi jalan menyebabkan longkang tersumbat di Jalan Bukit Segar Jaya.

**Tindakan :  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**4.30 PAPAN TANDA JALAN SEHALA**

Beliau memaklumkan papan tanda jalan sehalu perlu didirikan di hadapan nurseri (menuju Bukit Segar Jaya 2) untuk mengelakkan kemalangan di kawasan tersebut.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**4.31 PEMBERSIHAN LONGKANG**

Longkang di sepanjang Jalan Bukit Segar Jaya perlu dibersihkan.

**Tindakan :  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**4.32 PENUTUP BESI LONGKANG**

Penutup besi longkang yang melintangi Jalan Cheras Hartamas di hadapan kedai baru Bukit Segar dan The Marks berbunyi kuat apabila ada kenderaan melaluinya. Mohon ditukar penutup longkang tersebut kepada konkrit atau sebagainya untuk mengurangkan bunyi.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**4.33 TANDA JALAN TUMBANG**

Tanda jalan tumbang di tepi Jalan Cheras Hartamas berhampiran Bayu Mas mohon dibaiki.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**



**4.34 ROLLER SHUTTER' TERTUTUP**

Terdapat sampah sarap di buang di hadapan rumah sampah di hadapan kedai Bukit Segar disebabkan 'roller shutter' rumah sampah tersebut tertutup.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**4.35 PERMOHONAN PEMBUKAAN JALAN KE TAMAN SEGAR**

Beliau mencadangkan 3 lokasi bagi pembukaan jalan ke Taman Segar seperti berikut:

- i. Di tepi tangki air, Bukit Segar Jaya 1 (jalan sehalu)
- ii. Melalui tapak permainan di tepi Apartment Kempas dan Cengal
- iii. Persimpangan dari jalan depan Danau Mas dan Vistamas.

Pembukaan jalan ini bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas setiap pagi yang semakin serius. Tambahan lagi jalan telah dibuka untuk laluan ke markas di hadapan Pangsapuri Kempas.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.36 PERMOHONAN PADANG**

Permohonan padang ceria untuk penduduk di Zon 24. Lokasi yang dicadangkan berhampiran tasik di hadapan danau Mas atau di tepi surau, Pangsapuri Bukit Segar A1, Jalan Cheras Hartamas.

**Tindakan :**  
**Jabatan Belia dan Masyarakat**

**4.37 PERMOHONAN BONGGOL**

Permohonan disediakan bonggol di Bukit Segar Jaya 2 antara rumah 12A dan 16 Jalan BSJ 5 serta rumah 22A dan 26, Jalan BSJ 3A.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.38 SEMAKAN KAWASAN LAPANG**

Mohon disemak kawasan lapang di Bukit Segar Jaya 2 kerana di dapati tanah di kawasan tersebut sentiasa basah dan lembap. Pokok-pokok yang ditanam juga tumbang dan disyaki ada aliran air di bawah tanah.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.39 PEMBAIKAN LONGKANG**

Mohon kerja-kerja pembaikan serta pembersihan longkang di Bukit Segar Jaya 2 terutamanya longkang di tepi tapak permainan kanak-kanak yang telah pecah.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

**4.40 KEPERLUAN KEMUDAHAN DEWAN**

Mohon disediakan sebuah dewan orang ramai di Zon 24 untuk kegunaan penduduk kerana tidak terdapat kemudahan dewan di kawasan tersebut.

**Tindakan :**  
**Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

**TUAN WONG KHAI PUN****4.41 PEMBINAAN TANDAS HARAM**

Terdapat aduan dari penduduk berkenaan pembinaan tandas haram di pasar pagi Taman Maju Jaya. Peniaga di situ juga tidak disediakan kemudahan yang sempurna.

**Tindakan :  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

**TUAN AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS****4.42 PENDAWAIAN ELEKTRIK HARAM**

Mohon Bahagian COB mengambil tindakan berkenaan penyambungan elektrik tanpa kebenaran untuk kegunaan gerai-gerai haram di sekitar kawasan lapang Flat Taman Dagang Fasa 2A. Terdapat satu kes kematian di Blok A pada 6 Julai 2013 yang berpunca dari kebocoran pendawaian elektrik tersebut. Selain itu saluran air di atas bumbung bangunan blok tersebut juga hampir roboh.

**Tindakan :  
Bahagian COB**

**4.43 REBAN AYAM**

Terdapat juga aduan dari penduduk berkenaan reban ayam yang dibina di kawasan lapang di Flat Taman Dagang Fasa 2A menyebabkan penduduk sekitar kurang selesa.

**Tindakan :  
Jabatan Penguatkuasa**

**4.44 KENDERAAN BURUK**

Ada sebuah kenderaan buruk terbiar di Lorong L Kg. Pandan Dalam yang telah lama diletakkan di tepi jalan dan mohon dialihkan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Penguatkuasa**

**4.45 MOHON SEMAKAN LESEN PERNIAGAAN**

Mohon disemak lesen perniagaan di Mydin Mart di Pandan Utama 2 kerana terdapat aduan perniagaan tersebut beroperasi tanpa lesen.

**Tindakan :**  
**Jabatan Pelesenan**

**4.46 MENAIKTARAF PADANG**

Mohon dinaiktaraf padang bola di Taman Dagang Fasa 1 kerana padang tersebut tidak rata dan banyak air bertakung ketika hujan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Belia dan Masyarakat**

**TUAN LIM FONG LEN****4.47 TURAP JALAN**

Mohon jabatan untuk melaksanakan kerja-kerja turapan jalan di jalan-jalan berikut:

- i. Jalan Bunga Tanjung 8 (berhampiran pasar)
- ii. Jalan Teratai 1/ 2 (berhampiran lampu isyarat)
- iii. Lampu Isyarat di Jalan Bunga Raya dan Jalan Bunga Tanjung 7, manhole tenggelam dan jalan rosak.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

#### **4.48 CANTAS POKOK**

Mohon jabatan untuk melaksanakan kerja-kerja cantasan pokok di lokasi berikut:

- i. 3 pokok besar di Jalan Mawar 15.
- ii. Jalan Bunga Cempaka 6A
- iii. Jalan Bunga Mawar 5A

**Tindakan :**  
**Jabatan Belia dan Masyarakat**

#### **4.49 LONGKANG TERSUMBAT DAN ROSAK**

Terdapat longkang rosak dan tersumbat di sebelah padang Jalan Bunga Cempaka 5 (hadapan kedai hardware) yang perlu dibaiki.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

#### **4.50 PELEBARAN JALAN**

Mohon dibuat pelebaran jalan di Jalan Bunga Melati 8 kerana kerja ini telah ditangguhkan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

#### **4.51 PERSEMPADANAN ZONING AHLI MAJLIS**

Beliau memohon supaya dikaji persempadanan zoning Ahli Majlis supaya setiap taman di bawah jagaan seorang Ahli Majlis. Keadaan sekarang terdapat 2 orang Ahli Majlis di satu-satu taman perumahan.

Tindakan :  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

**TUAN HAMSAH BIN DJABIR**

**4.52 MENAIKTARAF LONGKANG**

Mohon dinaiktaraf longkang di Jalan 12 Ampang Jaya.

Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan

**4.53 TEBING RUNTUH**

Beliau memaklumkan terdapat tebing runtuh di Sungai Kg Melayu di Jalan Pinang, Kg. Melayu Ampang. Mohon kerja-kerja pembaikan dilaksanakan segera.

Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan

**4.54 TURAP JALAN**

Kerja-kerja turapan jalan di sekitar kawasan Public Bank Kg. Melayu.

Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan

**4.55 PERANCANGAN PENURAPAN JALAN JKR**

Beliau memohon menjelaskan dari pihak JKR samada ada terdapat perancangan bagi menurap jalan-jalan JKR terutama di sekitar jalan utama dan sekitar Ampang Point. Pihak JKR memaklumkan telah menghantar permohonan

bagi mendapatkan peruntukkan MARRIS. Kerja-kerja penurapan akan dilaksanakan setelah peruntukan tersebut diperolehi.

**Makluman**

**TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL**

**4.56 BUS STOP ROSAK**

Mohon kerja-kerja pembaikan bus stop yang telah rosak di Kg. Cheras Baru.

**Tindakan :  
Jabatan Kejuruteraan**

**4.57 SAMPAH TIDAK ANGKAT**

Beliau memaklumkan terdapat banyak sampah yang tidak diangkat terutama di Jalan 48 dan Jalan 52 Kg. Cheras Baru. Mohon jabatan mengambil tindakan segera dan memastikan kontraktor melaksanakan kutipan mengikut jadual.

**Tindakan :  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

**TUAN RAZALI BIN RAMLY**

**4.58 STATUS TANAH UKRC**

Mesyuarat memaklumkan pihak PTD Gombak telah mengeluarkan surat kepada pihak UKRC pada 3 Julai 2013 untuk membuka penghalang besi 'boomgate' dan pondok pengawal tersebut dalam tempoh 14 hari. Sekiranya pihak

UKRC gagal mematuhi arahan yang dikeluarkan, tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan oleh pihak PTD Gombak bersama pihak majlis selepas tamat tempoh notis iaitu selepas 17 Julai 2013. Pengerusi juga memaklumkan pihak UKRC boleh memohon untuk mendapatkan permit bangunan tersebut dengan membayar premium. Padang dikawasan tersebut telah diwartakan sebagai padang awam.

**Tindakan :  
Jabatan Perancang bandar**

5. **PENUTUP**

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbang dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

Disediakan Oleh:  
Bahagian Urusetia  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
19 Julai 2013



7.4.  
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA  
KEWANGAN DAN TAKSIRAN  
BIL.7/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN****BIL.07/2013****MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

---

TARIKH : 24 JULAI 2013 (RABU)  
MASA : 9.30 PAGI – 11.30 PAGI  
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,  
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

**KEHADIRAN AHLI MAJLIS**

- |     |  |   |             |
|-----|--|---|-------------|
| 1.  | Y.Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob        | - | Pengerusi   |
| 2.  | Tn. Abdul Latif Bin Shaari             | - | Ahli Majlis |
| 3.  | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis         | - | "           |
| 4.  | Tn. Fong Teck Keong                    | - | "           |
| 5.  | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar          | - | "           |
| 6.  | Pn. Sian Keng Eng                      | - | "           |
| 7.  | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | "           |
| 8.  | Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah          | - | "           |
| 9.  | Tn. Abd. Aziz Bin Ahmad                | - | "           |
| 10. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain             | - | TYDP, MPAJ  |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                                  |   |             |
|----|----------------------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Razali Bin Ramly             | - | Ahli Majlis |
| 2. | Tn. Wong Khai Pun                | - | "           |
| 3. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | "           |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 07/2013**

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA  
KEWANGAN DAN TAKSIRAN**

**1. TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

**2. LATARBELAKANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.07/2013 telah diadakan pada 24 Julai 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. LAPORAN ANALISA KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN  
DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 30 JUN 2013**

2.1.1. Mesyuarat dimaklumkan prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai taksiran. Bil cukai taksiran yang sepatutnya dikutip bagi tempoh Januari – Jun 2013 ialah sebanyak RM46.30juta dan tunggakan cukai sebanyak RM12.53juta dengan jumlah bil yang dikeluarkan 166,946 bil bagi tempoh penggal pertama dalam tahun 2013.

2.1.2. Secara keseluruhannya kutipan hasil cukai taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 30 Jun 2013 ialah sebanyak RM48.91juta. Pencapaian kutipan semasa cukai

taksiran adalah RM41.47juta; 89.56% dan kutipan tunggakan cukai taksiran adalah RM7.44juta; 59.38%.

2.1.3. Berikut adalah perbandingan kutipan cukai taksiran bagi tempoh 30 Jun 2013 dan 30 Jun 2012.

Perbandingan kutipan cukai taksiran			
Perkara	01/01/13 – 30/06/13	01/01/12 – 30/06/12	Ulasan
Kutipan cukai semasa	RM41.47juta	RM35.98juta	Peningkatan kutipan cukai semasa RM5.49juta; 13.24%
Kutipan tunggakan cukai	RM7.44juta	RM7.00juta	Peningkatan kutipan tunggakan cukai RM0.44juta; 5.91%
Jumlah	RM48.91juta	RM42.98juta	Peningkatan kutipan keseluruhan RM5.93juta; 12.12%

2.1.4. Laporan Tunggakan Cukai taksiran 1 Januari 2013 sehingga 30 Jun 2013 dan senarai 50 pemaju serta 100 individu Tunggakan Cukai Taksiran adalah seperti di **Lampiran 1**.

2.1.5. Analisa pencapaian kutipan cukai taksiran dilaporkan sehingga 30 Jun 2013 dengan sasaran kutipan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Analisa pencapaian kutipan sasaran yang diarahkan oleh SUK			
Jenis cukai taksiran	Sasaran kutipan arahan SUK	Pencapaian Majlis	Kekurangan sasaran
Cukai semasa	RM41.67juta	RM41.47juta	RM0.20juta
Tunggakan cukai	RM8.77juta	RM7.44juta	RM1.33juta

2.1.6. Pelan Tindakan Jabatan bagi meningkatkan prestasi kutipan adalah berterusan dan komited seperti berikut:

- a) Perlaksanaan kaunter bergerak mengikut Zon Ampang dan Zon Hulu Kelang dengan kaedah kutipan dari rumah ke rumah pemegang harta.
- b) Pembukaan kaunter Menara MPAJ dan Pejabat Cawangan Melawati pada setiap Sabtu setiap minggu bermula 18 November 2006 yang lalu.
- c) Pembukaan kaunter di pasaraya sekitar Ampang Jaya pada bulan Januari, Februari, Julai dan Ogos untuk kemudahan orang ramai di luar waktu pejabat.
- d) Penyediaan mesin pembayaran dan semakan cukai taksiran 24 jam (kiosk) di Menara MPAJ dan pembayaran secara eBanking melalui bank yang telah dilantik oleh Majlis.

- e) Pemberitahuan promosi dan lokasi kaunter bergerak melalui banner di jalan utama, papantanda elektronik di Ampang Point dan memaklumkan aktiviti dan kewajipan membayar cukai melalui media.
- f) Menjalankan kajian secara berterusan ke atas pelaksanaan operasi kutipan oleh PBT dan agensi kerajaan yang lain bagi mengemaskini dan mendapatkan kaedah terbaik meningkatkan prestasi kutipan.
- g) Menubuhkan Unit Taskforce Tunggakan Cukai Taksiran bermula 18 Januari 2010. Unit ini memantau serta membuat tuntutan tunggakan Cukai Taksiran ke atas pemilik individu dan syarikat tegar.
- h) Menyenaraihitamkan pemilik tegar yang gagal menjelaskan tunggakan Cukai Taksiran ke **Convergent Technologies Operating System (CTOS)**.

2.1.7. Mesyuarat bersetuju dan mengambil maklum Laporan Analisa Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 30 Jun 2013.

## 2.2. LAPORAN ANALISA PRESTASI PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2013 DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 30 JUN 2013

2.2.1. Mesyuarat dimaklumkan perbelanjaan Majlis bagi bajet 2013 sehingga 30 Jun 2013.

2.2.2. Peruntukan bajet mengurus tahun 2013 adalah sebanyak RM118juta dengan perbelanjaan RM41.64juta atau 35.29% daripada peruntukan yang telah diluluskan. Manakala bajet pembangunan dengan peruntukan berjumlah RM1juta bagi tahun 2013.

2.2.3. Laporan Prestasi Perbelanjaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya dari 1 Januari hingga 30 Jun 2013 seperti di **Lampiran 2**.

2.2.4. Peruntukan khas yang diterima oleh Majlis sehingga 30 Jun 2013 berjumlah RM14.31juta dengan perbelanjaan RM13.46juta atau 94.077%. Laporan perincian Perbelanjaan daripada Peruntukan Khas Tahun 2011 - 2013 bagi bulan 1 Januari 2011 hingga 30 Jun 2013 seperti di **Lampiran 3**.

2.2.5. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum Laporan Analisa Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2013 dari 1 Januari 2013 sehingga 30 Jun 2013.**

**2.3 MAKLUMAN SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

2.3.1. Mesyuarat dimaklumkan berkenaan Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

2.3.2. Pada pendapat Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Selangor, Penyata Kewangan Majlis telah memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2012, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakuan yang diluluskan.  
**(Salinan sijil seperti di Lampiran 4)**

2.3.3. Majlis menerima Sijil Bersih iaitu Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran kali pertama pada tahun 2001 dan kali ke-2 hingga ke-10 pada tahun 2004 hingga tahun 2012.

2.3.4. Mesyuarat **mengambil maklum Sijil Bersih iaitu Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Berteguran mengenai Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012.**



**2.4. KERTAS MAKLUMAN PEMBATALAN PELANTIKAN SEBAGAI AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BAGI PENGGAL 2012/2013**

2.4.1. Mesyuarat dikemukakan berkenaan pembatalan Puan Cheong Chye Wah sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi penggal 2012/2013.

2.4.2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 16/2013 yang diadakan pada 12 Jun 2013 telah disahkan oleh MMKN ke 17/2013 yang diadakan pada 19 Jun 2013 telah bersetuju memutuskan bahawa perkhidmatan Puan Cheong Chye Wah sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dibatalkan berkuatkuasa serta-merta. Pembatalan pelantikan beliau berkuatkuasa pada 19 Jun 2013. **(Salinan surat seperti di Lampiran 5)**

2.4.3. Susulan daripada penamatan ini, Majlis mencadangkan tindakan berikut :

2.4.3.1. Pembayaran elaun tetap Ahli Majlis Puan Cheong Chye Wah adalah sehingga 19 Jun 2013. Bagi bulan Jun 2013 akan dibayar secara prorata iaitu  $19/30 \times \text{RM}1,500 = \text{RM}950.00$ . Bayaran berhubung JKP Zon 20 adalah sehingga 17 Julai 2013.

2.4.3.2. Jawatan Ketua Whip DAP yang dipegang oleh beliau akan diambilalih oleh Puan Sian Keng Eng selaras dengan keputusan Parti Tindakan Demokratik Selangor (DAP) melalui

surat Parti DAP bertarikh 9 Jun 2013 seperti **di Lampiran 6.**

2.4.3.3. Puan Sian dilantik sebagai pemerhati dalam Jawatankuasa Sebutharga dan Tender menggantikan Puan Cheong Chye Wah.

2.4.4. Mesyuarat **mengambil maklum penamatan pelantikan Puan Cheong Chye Wah sebagai Ahli Majlis MPAJ bagi penggal 2012/13 dan bersetuju menerima cadangan seperti di Para 2.4.3 di atas dan mesyuarat turut bersetuju Tuan Wong Khai Pun sebagai Ahli Majlis yang menanggung kerja di JKP Zon 20.**

## **2.5. LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL MENDENGAR BANTAHAN CUKAI TAKSIRAN BIL.2/2013**

2.5.1. Mesyuarat dimaklumkan Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Mendengar Bantahan Cukai Taksiran Bil. 2/2013 yang telah diadakan pada 18 Julai 2013.

2.5.2. Selaras dengan Seksyen 144 Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang memerlukan Majlis mendengar, meneliti dan menimbangkan setiap bantahan yang dikemukakan dari pihak yang terkilan (pemilik) ke atas cukai yang ditetapkan.

2.5.3. Sebanyak 695 unit pegangan dengan jumlah cukai sebanyak RM694,189.13 setahun merangkumi keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis terlibat dengan Pindaan Senarai Nilai berkuatkuasa 1 Julai 2013.

2.5.4. Sebanyak 8 kawasan melibatkan 45 orang pembantah.

Bil	Kawasan	Taman	Pembantah
1.	Parlimen Ampang	3	25
2.	Parlimen Gombak	5	20
<b>Jumlah</b>		<b>8</b>	<b>45</b>

2.5.4. Setelah mendengar dan meneliti alasan serta hujah yang dikemukakan, Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Mendengar Bantahan Cukai Taksiran Bil. 2/2013 bersetuju dan menimbangkan keputusan seperti **di Lampiran 7.**

2.5.5. Mesyuarat **bersetuju menerima Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Mendengar Bantahan Cukai Taksiran Bil. 2/2013.**

**2.6. LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA TASKFORCE KHAS BILLBOARD DAN MENARA TELEKOMUNIKASI BIL.4/2013 MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

2.6.1. Mesyuarat dikemukakan Laporan Jawatankuasa Taskforce Khas Billboard dan Menara Telekomunikasi Bil.4/2013 untuk memaklumkan perkembangan perkara yang telah dibincangkan dan cadangan serta syor yang telah dikemukakan seperti di **Lampiran 8.**

2.6.2. Mesyuarat **mengambil maklum dan meluluskan syor yang dibentangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce Khas Billboard dan Menara Telekomunikasi Bil.4/2013 seperti di Lampiran 8.**

**3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT:-**

**3.1 TUNGGAKAN BAYARAN SYARIKAT SUASA EFEKTIF SDN. BHD.**

Mesyuarat dimaklumkan, tunggakan hutang Suasa Efektif (M) Sdn Bhd sehingga bulan Jun 2013 ialah sebanyak RM 371,459.78. Pada 19 Julai 2013 pihak Suasa Efektif Sdn. Bhd. Telah membuat bayaran sebanyak RM85,025.41.

Mesyuarat juga mengambil maklum mengenai pandangan dan pendapat undang-undang dari peguam Davis & Low. Pengerusi memutuskan agar Jabatan Undang-Undang mengemukakan pelan tindakan bagi tindakan yang boleh diambil ke atas Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn Bhd agar MPAJ

mengikut prosedur –prosedur yang telah digariskan dalam perjanjian tersebut.

Tindakan :

**Jabatan Perbendaharaan/  
Jabatan Undang-Undang**

### **3.2. ISU TANAH YAP AH LOY DI PEKAN AMPANG**

Mesyuarat dimaklumkan, isu ini masih dalam tindakan PTGS dan pihak jabatan masih menunggu maklumbalas PTGS.

Tindakan :

**Jabatan Undang-Undang**

### **3.3. STATUS DEWAN JALAN H, KG PANDAN**

Mesyuarat dimaklumkan, dewan tersebut telah siap sepenuhnya dan dalam proses penyerahan oleh pihak kontraktor dalam masa terdekat.

Tindakan :

**Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

### **3.4. STATUS PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI TAMAN UKAY PERDANA**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan dalam tindakan lantikan jururunding bagi penyediaan pelan-pelan rekabentuk dewan tersebut. Jangkaan iklan sebutharga adalah pada bulan September akan datang.

Tindakan :

**Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

### 3.5. SENARAI DAN JUMLAH GERAI B.O.T MAJLIS

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah menjalankan semakan lesen penjaja di 3 buah B.O.T iaitu :

3.5.1. Di B.O.T Pandan Jaya telah dibuat pada 15. Julai 2013, semua peniaga sesi siang mempunyai lesen iaitu 5 orang dan 2 permohonan baru sedang diproses.

3.5.2. Bagi peniaga sesi malam, pemeriksaan telah dilakukan pada 17 Julai 2013 di B.O.T Ampang Mewah di mana 6 peniaga aktif. 4 berlesen dan 2 peniaga baru yang dalam proses permohonan.

3.5.3. Pada 18.7.2013, pemeriksaan di B.O.T Pandan Cahaya terdapat 5 peniaga aktif, 3 berlesen, 2 tiada lesen dan telah dikompaun.

Pihak Majlis akan meneruskan semakan dilokasi yang lain. Sementara itu status B.O.T masih belum mendapat Lesen Menduduki Sementara (LMS) dan selaras dengan keputusan terbaru, Majlis akan memohon semula LMS daripada Pejabat Tanah Daerah.

**Tindakan :**

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

### 3.6. STATUS PEMUTIHAN GERAI-GERAI HARAM

Mesyuarat dimaklumkan, Pejabat Tanah Daerah Gombak telah membenarkan permohonan TOL bagi tapak gerai-gerai dan bangunan perniagaan tanpa kebenaran dikemukakan ke PTD Gombak. Perkara ini akan dibincangkan semula di dalam Mesyuarat Taskforce Pemutihan Bangunan Tanpa Perniagaan Tanpa Kebenaran akan datang.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perancang Bandar**

### **3.7. TAPAK BARU BAGI LOKASI MEDAN SELERA**

Pihak Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dikehendaki membentangkan hasil lawatan tapak sebagai makluman kepada ahli mesyuarat di mesyuarat akan datang.

**Tindakan :**  
**Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta**

### **3.8. KUTIPAN PASAR MALAM YANG MASIH BELUM DITERIMA OLEH PIHAK JKP ZON 3**

Mesyuarat dimaklumkan, bayaran kutipan pasar malam sehingga 10 Julai 2013 telah selesai dibayar.

**Makluman**

### **3.9. TUNTUTAN PAMPASAN BERHUBUNG PENURUNAN BILLBOARD BAGI PROJEK BESRAYA**

Mesyuarat dimaklumkan, jumlah tuntutan Majlis adalah sebanyak RM114,181.00 setahun yang melibatkan 15 unit billboard. Tuntutan ini masih dalam proses perbincangan dengan pihak Besraya.

**Tindakan :**  
**Jabatan Pelesenan**

**4. HAL-HAL LAIN****TUAN HAJI MAT JUSOH BIN DOLLAH****4.1. ELAUN MESYUARAT DAN JAMUAN MESYUARAT**

Beliau mohon elaun mesyuarat dan jamuan mesyuarat untuk Mesyuarat Pre Council.

Dato' Pengerusi akan merujuk kepada STANCO samada dibolehkan pemberian elaun mesyuarat tersebut sepertimana yang telah dilaksanakan oleh MPK dan MBSA.

**Tindakan :**  
**Jabatan Khidmat Pengurusan**

**4.2. PENYATA KEWANGAN BAKI TUNAI DAN 'FIXED DEPOSIT'**

Beliau mohon setiap bulan dibentangkan penyata kewangan baki tunai dan 'fixed deposit' Majlis di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan mulai bulan Ogos 2013.

**Tindakan :**  
**Jabatan Perbendaharaan**



5. PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta menimbang dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

Disediakan Oleh  
Bahagian Urusetia  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
29JULAI2013

SULIT

LAMPIRAN 8

1. LAPORAN MAKLUMBALAS MESYUARAT JAWATANKUASA TASKFORCE  
KHAS BILLBOARD DAN MENARA TELEKOMUNIKASI BIL. 03/2013 PADA  
13 JUN 2013:

Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil	Jabatan / Bahagian
5.1	Telco di atas struktur billboard milik Spectrum Outdoors Sdn Bhd di dalam kawasan Dewan Ahmad Jantan Kampung Pandan.	Pihak Jabatan masih belum menerima salinan perjanjian antara pihak Spectrum Outdoor dengan syarikat telekomunikasi.  Berdasarkan salinan perjanjian yang diterima daripada Maxis, mesyuarat mencadangkan tambahan kadar sewa tapak billboard sebanyak RM12,000.00 menjadikan kadar sewa tapak tersebut berjumlah RM27,000.00 setahun.	<b>Jab.L</b>
6.1	Permohonan Bagi Mendirikan Papan Tanda Iklan Boxpole	Surat tolak telah dikeluarkan pada 10 Julai 2013.	<b>Jab.L</b>

	MRR2 Berhampiran Dengan Sekolah Rendah Agama Jalan F, Kampung Pandan, Ampang Selangor Darul Ehsan Bersaiz 60' X 40' Oleh Tetuan Skyvest Network Sdn. Bhd.		
6.2	Permohonan Bagi Mendirikan Papan Iklan Unipole Di Atas Tanah Milik Persendirian (Lot 13272) Di KM 27.8 MRR2 (Taman Angsana Hilir), Ampang Selangor Darul Ehsan Bersaiz 60' X 40' Oleh Tetuan Prowangsa Holdings Sdn. Bhd.	Surat tolak telah dikeluarkan pada 10 Julai 2013.	<b>Jab.L</b>
6.3	Permohonan Bagi Mendirikan Papan Tanda Di Jalan Masuk Ke Kompleks Sukan Destar Arena (Berhadapan Aeon Big), Ampang Selangor Darul Ehsan	Surat lulus telah dikeluarkan pada 10 Julai 2013.	<b>Jab.L</b>

	Bersaiz 20.3' X 8.6' Oleh Tetuan Destar Nurani.		
6.4	Kertas Makluman Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bil.02/2013, Lesen Pendudukan Sementara (LPS) Bagi Tujuan Papan Iklan (Billboard).	Telah maklum.	<b>Jab.L</b>
6.5	Makluman Laporan Pembaharuan Lesen Bagi Tahun 2013 6.5.2 Terdapat 19 unit papan iklan luaran billboard yang gagal membaharui lesen bagi tahun 2012 dan 34 unit papan iklan luaran billboard yang gagal membaharui lesen bagi tahun 2013. 6.5.3 Disyorkan notis peringatan akhir dalam tempoh 3 hari dari tarikh penerimaan notis dikeluarkan untuk	Laporan dikemukakan sebagai makluman Mesyuarat J/K Taskforce Khas Billboard & Menara Telekomunikasi Bil.4 /2013.	<b>Jab.L</b>

	mengemukakan bayaran lesen dan sewa tapak. <b>Tindakan penguatkuasaan penurunan struktur akan diambil sekiranya tiada sebarang maklumbalas.</b>		
7.1	Pengerusi memohon pada mesyuarat akan datang dibentangkan status 43 tapak yang ditawarkan.	Pihak Jabatan akan mengadakan mesyuarat penyelarasan antara Jabatan Teknikal sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Taskforce akan datang.	<b>Jab.L</b>

## 1. PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN

- 1.1 Permohonan Bagi Menaik Taraf Papan Iklan Jenis Unipole Berukuran 20' X 60' Kepada 40' X 60' Di Jalan Lingkaran Tengah II (MRR2), Sungai Kerayong (Taman Maju Jaya) Oleh Tetuan Sutera Outdoor Sdn Bhd.

### 1.1.1 Ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal:

Bil.	Jabatan	Ulasan
1.	P (Kej)	Tiada halangan dengan cadangan permohonan yang dikemukakan. Walaubagaimanapun, pihak pemohon perlu merujuk kepada Jabatan Kerja Raya (JKR).
2.	P (BS)	Tiada halangan dengan permohonan yang dikemukakan dengan syarat mengemukakan pindaan pelan struktur.
3.	P (PB)	Tiada halangan menyokong permohonan dengan mematuhi syarat maksimum ketinggian 100 kaki.
4.	P (PPH)	Tiada

### 1.1.2 Syor Mesyuarat Taskforce:

Permohonan diluluskan dengan mematuhi ulasan Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Bangunan dan Senibina.

- 1.2 Permohonan Penukaran Tapak Bagi Mendirikan Papan Iklan Jenis Minipole Berukuran 20' X 25' Di Jalan Lingkaran Tengah II (MRR2) Berdekatan IKS Pandan Ke Jalan Lingkaran Tengah II (MRR2) Berhampiran Simpang Masuk Ke Jalan F, Kampung Pandan Dan Kawasan Lapang Berhampiran Madrasah Nur Islam MRR2 Oleh Tetuan Bahnuddin Enterprise.

1.2.1 Ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal:

Bil.	Jabatan	Ulasan
1.	P (Kej)	Tiada halangan dengan permohonan yang dikemukakan. Walaubagaimanapun, pemohon perlu memastikan pembinaan struktur papan iklan adalah selamat dan tidak menghalang lalulintas
2.	P (BS)	Tiada halangan dengan syarat mematuhi Garispanduan Majlis berkaitan pemasangan papan iklan
3.	P (PB)	Tidak menyokong bagi kedua-dua tapak tersebut kerana status tapak adalah kawasan lapang
4.	P (PPH)	Tiada

1.2.2 Syor Mesyuarat Taskforce:

Permohonan ditolak selaras dengan ulasan Jabatan Perancang Bandar bagi kedua-dua lokasi yang dicadangkan.

- 1.3 Permohonan Penukaran Tapak Bagi Mendirikan Papan Iklan Jenis Minipole Berukuran 20' X 25' Di Persimpangan Jalan Hulu Langat-Jalan Taman Putra Dengan Anjakan Sebanyak 15 Meter (Kehadapan) Oleh Tetuan Bahnuddin Enterprise.

1.3.1 Ulasan Jabatan-Jabatan Teknikal:

Bil.	Jabatan	Ulasan
1.	P (Kej)	Tiada halangan dengan permohonan yang dikemukakan. Walaubagaimanapun, pemohon perlu merujuk kepada Jabatan Kerja Raya (JKR)
2.	P(BS)	Tiada halangan dengan syarat mengemukakan permohonan permit struktur.
3.	P(PB)	Tidak menyokong sehingga mematuhi syarat-syarat berikut : i) Mendapat surat kebenaran JKR ii) Mendapat TOL dari Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat iii) Papan iklan berada pada jarak 3m daripada penghujung struktur papan iklan ke bahu jalan/rel penghadang iv) Jarak papan iklan dari kawasan persimpangan adalah 20' v) Jarak papan iklan dengan yang lain adalah 300 meter
4.	P(PPH)	Tiada



### 1.3.2 Syor Mesyuarat Taskforce:

Permohonan diluluskan dengan syarat mendapatkan kelulusan TOL daripada Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat, permohonan TOL akan dikemukakan oleh PBT. Panel hendaklah dibina tidak melepasi longkang.

## 1.4 Makluman Hasil Kutipan Lesen Billboard

### Lampiran 9

SULIT

7.5.  
MESYUARAT JAWATANKUASA PELESENAN  
DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN  
BIL.7/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA PELESENAN DAN  
PEMBANGUNAN USAHAWAN  
BIL.07/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH** : 25 JULAI 2013

**MASA** : 9.30 PAGI – 11.54 PAGI

**TEMPAT** : BILIK MESYUARAT 1,  
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

**KEHADIRAN**

- |     |  |   |             |
|-----|--|---|-------------|
| 1.  | Y.Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob<br>(YDP, MPAJ) | - | Pengerusi   |
| 2.  | Tn. Jafrien Bin Muhammad                       | - | Ahli Majlis |
| 3.  | Tn. Hamsah Bin Djabir                          | - | "           |
| 4.  | Pn. Sian Keng Eng                              | - | "           |
| 5.  | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan                 | - | "           |
| 6.  | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said         | - | "           |
| 7.  | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan               | - | "           |
| 8.  | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal                  | - | "           |
| 9.  | Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long                   | - | "           |
| 10. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain                     | - | TYDP, MPAJ  |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                            |   |             |
|----|----------------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Razali Bin Ramly       | - | Ahli Majlis |
| 2. | Tn. Wong Khai Pun          | - | "           |
| 3. | Tn. Haji A Yazid Bin Alias | - | "           |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 7/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN  
DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN**

**1. TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

**2. LATARBELAKANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.07/2013 telah diadakan pada 25 Julai 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 RAYUAN PEMBAHARUAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN PUSAT  
KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN- URUT  
TRADISIONAL**

2.1.1 Mesyuarat dikemukakan dengan Rayuan pembaharuan lesen premis perniagaan Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan – Urut tradisional bagi tahun 2013.

2.1.2 Pusat kecantikan - mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan rawatan kecantikan atau dandanan rambut tetapi tidak termasuk hospital

atau klinik di mana pesakit dirawat di bawah pengawasan pegawai perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971, rumah sakit, rumah orang tua atau rumah untuk pemulihan atau mana-mana establisymen lain yang sama dengannya.

2.1.3 Pusat penjagaan kesihatan – mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan urutan, rawatan atau latihan kecergasan fizikal dengan atau tanpa peralatan.

Jenis rawatan :-

- Rumah urut
- Urutan tradisional
- Urutan orang kurang upaya
- Refleksologi
- Aromaterapi
- Urutan moden menggunakan alat
- Fisioterapi
- Akupunktur
- Bekam
- Sauna/spa dan jakuzi
- Aerobik / fitness centres / gymnasium
- Pusat Meditasi
- Lain-lain rawatan kesihatan

2.1.4 Masa operasi bagi pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan dihadkan dari pukul 10.00 pagi sehingga 1.00 pagi sahaja.

2.1.5 Mesyuarat bersetuju dan memutuskan permohonan rayuan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat

kecantikan dan penjagaan kesihatanurut tradisional seperti di bawah dan **Lampiran 1**.

- i. Relaxa Salon (Ampang) Sdn.Bhd. – Lulus dengan syarat mengemukakan salinan sijil kelayakan dan laporan pemeriksaan pekerja
- ii. Otop Garden Sand Sdn.Bhd. – Lulus dengan syarat mengemukakan salinan sijil kelayakan dan laporan pemeriksaan pekerja.

## **2.2 RAYUAN PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN - PUSAT HIBURAN ISTIREHAT - PUB & KAFE**

2.2.1 Mesyuarat dikemukakan dengan Rayuan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – Pusat Hiburan Istirehat –Pub & Kafe bagi tahun 2013.

2.2.2 **Pusat hiburan istirehat** : ruang untuk berehat serta disediakan makan dan minum sambil diiringi oleh persembahan muzik.

2.2.3 **Kafe** bermaksud restoran atau `coffee house' yang sederhana yang terdapat juga minuman beralkohol.

2.2.4 Masa operasi bagi pusat hiburan istirehat dihadkan dari pukul 4.00 petang hingga 1.00 pagi sahaja. Wang cagaran sebanyak RM10,000.00.

2.2.5 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan rayuan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – pusat hiburan istirehat – Pub & Kafe oleh May LV Cafe & Pub seperti di **Lampiran 2**.

## 2.3 RAYUAN PEMBAHARUAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN PUSAT SIBER/ KAFE SIBER

2.3.1 Mesyuarat dikemukakan dengan rayuan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat siber/kafe siber bagi tahun 2013.

2.3.2 **Pusat Siber** adalah premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet.

2.3.3 **Kafe Siber** adalah premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet serta menjual makanan dan minuman kepada pelanggan.

2.3.4 Masa operasi bagi pusat siber dan kafe siber dihadkan dari pukul 7.00 pagi hingga 12.00 tengah malam sahaja.

2.3.5 Pengunjung bawah umur 12 tahun dibenarkan mengunjungi pusat siber dan kafe siber sehingga jam 10.00 malam sahaja.

2.3.6 Mesyuarat bersetuju untuk menolak permohonan rayuan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat siber dan kafe siber oleh T2 Internet Cafe seperti di **Lampiran 3.**

## 2.4 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN PUSAT SIBER/ KAFE SIBER

2.4.1 Mesyuarat dikemukakan dengan Permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat siber/kafe siber bagi tahun 2013.

2.4.2 **Pusat Siber** adalah premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet.

2.4.3 **Kafe Siber** adalah premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet serta menjual makanan dan minuman kepada pelanggan.

2.4.4 Masa operasi bagi pusat siber dan kafe siber dihadkan dari pukul 7.00 pagi hingga 12.00 tengah malam sahaja.

2.4.5 Pengunjung bawah umur 12 tahun dibenarkan mengunjungi pusat siber dan kafe siber sehingga jam 10.00 malam sahaja.

2.4.6 Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun dan dikenakan kompaun lewat perbaharui lesen 2013 bagi permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat siber dan kafe siber oleh Triple Three Network seperti di **Lampiran 4**.



## 2.5 PERMOHONAN BARU LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN PUSAT HIBURAN AWAM – KARAOKE

2.5.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan baru lesen hiburan dan tempat hiburan pusat hiburan awam - Karaoke

2.5.2 **Pusat hiburan awam** : pusat hiburan di bawah kategori ini mesti mempunyai komponen ruang yang selesa dan luas. Pengunjung-pengunjungnya melakukan aktiviti-aktiviti seperti tarian, mendengar muzik, makan dan minum serta aktiviti riadah.

2.5.3 **Pub** bermaksud tempat yang menyediakan minuman ringan dan keras serta makanan serta terdapat juga persembahan muzik.

2.5.4 **Karaoke** bermaksud satu bentuk hiburan di mana seseorang menyanyi lagu-lagu popular secara solo yang dibantu dengan lagu yang telah dirakamkan.

2.5.5 Masa operasi bagi pusat hiburan awam dihadkan dari pukul 4.00 petang hingga 1.00 pagi sahaja. Wang cagaran sebanyak RM50,000.00.

2.5.6 Mesyuarat bersetuju untuk menolak permohonan baru lesen hiburan dan tempat hiburan–pusat hiburan awam – Karaoke oleh Punkea Enterprise kerana tidak mematuhi syarat dan garis panduan yang ditetapkan seperti di **Lampiran 5**.

## 2.6 PERMOHONAN BARU LESEN PREMIS PERNIAGAAN PUSAT SIBER/ KAFE SIBER

2.6.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan baru lesen premis perniagaan pusat siber/kafe siber bagi tahun 2013.

2.6.2 **Pusat Siber** adalah premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet.

2.6.3 **Kafe Siber** adalah premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet serta menjual makanan dan minuman kepada pelanggan.

2.6.4 Masa operasi bagi pusat siber dan kafe siber dihadkan dari pukul 7.00 pagi hingga 12.00 tengah malam sahaja.

2.6.5 Pengunjung bawah umur 12 tahun dibenarkan mengunjungi pusat siber dan kafe siber sehingga jam 10.00 malam sahaja.

2.6.6 Mesyuarat bersetuju untuk memutuskan permohonan baru lesen premis perniagaan pusat siber dan kafe siber seperti berikut dan seperti di **Lampiran 6**.

- i. Gift Internet Zone – Lulus dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun
- ii. Aibar Enterprise – Lulus

## 2.7 RAYUAN PEMBAHARUAN LESEN 2013 PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN – REFREKSOLOGI

2.7.1 Mesyuarat dikemukakan dengan rayuan pembaharuan lesen 2013 pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan – Refleksologi

2.7.2 **Pusat kecantikan** - mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan rawatan kecantikan atau dandanan rambut tetapi tidak termasuk hospital atau klinik di mana pesakit dirawat di bawah pengawasan pegawai perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971, rumah sakit, rumah orang tua atau rumah untuk pemulihan atau mana-mana establisymen lain yang sama dengannya.

2.7.3 **Pusat penjagaan kesihatan** – mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan urutan, rawatan atau latihan kecergasan fizikal dengan atau tanpa peralatan.

Jenis rawatan :-

- Rumah urut
- Urutan tradisional
- Urutan orang kurang upaya
- Refleksologi
- Aromaterapi
- Urutan moden menggunakan alat
- Fisioterapi
- Akupunktur
- Bekam

- Sauna/spa dan jakuzi
- Aerobik / fitness centres / gymnasium
- Pusat Meditasi
- Lain-lain rawatan kesihatan

2.7.4 Perenggan 5.1 (b), Dasar Dan Garis Panduan Pemberian Lesen Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan di Kawasan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor (Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT:KT bil 4/2007 menetapkan lokasi premis hendaklah berjauhan daripada kawasan sensitif (kediaman, rumah ibadat dan sekolah). Jarak minima yang dibenarkan adalah sekurang-kurangnya 500 meter)

2.7.5 Latar Belakang pemohon serta kronologi permohonan adalah seperti berikut:

1. **FOOTMARKSENSE REFLEXOLOGY SDN. BHD. (6-20520)**

- 1.1 Nama pemohon : Chua Kian Leong  
1.2 Jawatan : Pengarah  
1.3 Alamat premis : No. 2 - L1, L2,  
Jalan Ampang  
Putra, Tmn. Ampang  
Hilir, 68000 Ampang.

1.4 **Kronologi permohonan lesen :**

- 1.4.1 6.7.2010 - Permohonan lesen aktiviti refleksologi daripada pemohon.

- 1.4.2 14.7.2010 - Pemeriksaan premis mendapati terdapat **aktiviti urutan badan**.
- 1.4.3 11.8.2010 - Ulasan PDRM - **Tidak menyokong** kerana **premis ini berhadapan dengan masjid yang akan didirikan seperti dalam perancangan**. Jika MPAJ berhasrat untuk mengeluarkan lesen, disyorkan supaya premis syarikat tersebut berpindah dan ianya tidak terletak berhampiran dengan masjid.
- 1.4.4 12.11.2010 - **Surat tolak kerana tidak mendapat sokongan PDRM dan arahan untuk memberhentikan perniagaan**.
- 1.4.5 3.1.2011 - Surat rayuan daripada pemohon
- 1.4.6 2.2.2011 - Surat sokongan PDRM.  
- Pemohon telah membuat rayuan juga di PDRM agar diluluskan dengan alasan belum ada sebarang kerja-kerja pembinaan masjid sedang dijalankan.  
- **IPD Ampang Jaya menyokong permohonan pembaharuan lesen premis ini dengan syarat pemohon akan menutup premis perniagaannya sebaik masjid tersebut memulakan operasinya.**

1.4.7 17.2.2011 - **Surat tolak rayuan kepada pemohon kerana tiada jaminan penutupan premis apabila masjid mula beroperasi. Arahan memberhentikan aktiviti.**

1.4.8 22.2.2011 - **SURAT RAYUAN DARIPADA PEMOHON DAN BERJANJI AKAN MENUTUP PREMIS SEBAIK MASJID MEMULAKAN OPERASI DAN SIAP DIBINA DAN MENJAMIN SEGALA PERUNTUKAN ATAS KERUGIAN YANG BAKAL DITEMPUHI UNTUK MENUTUP PREMIS PERNIAGAAN. MOHON KERJASAMA MAJLIS KERANA TELAH BANYAK MENGELUARKAN PERBELANJAAN UNTUK PENGUBAHSUAIAN. DIHARAP DAPAT MENGURANGKAN KERUGIAN.**

1.4.9 20.5.2011 - **Surat kelulusan lesen 2011 kepada pemohon bagi aktiviti refleksologi dengan syarat :**

- i. **Kelulusan lesen refleksologi dan papan iklan diluluskan secara tahun ke tahun (yearly basis) dengan mematuhi syarat-syarat semasa Majlis.**
- ii. **Pihak Majlis berhak membatalkan lesen dan pemohon dikehendaki menghentikan semua aktiviti**

perniagaan sebaik sahaja masjid tersebut siap dibina.

iii. Pemohon dikehendaki menandatangani akujanji.

1.4.10 23.5.2013 - Pemohon menandatangani akujanji.

1.4.11 7.12.2011 - Permohonan pembaharuan lesen 2012 daripada pemohon.

1.4.12 23.12.2011- Pemeriksaan semula premis oleh PBK mendapati terdapat aktiviti urut kaki, urut badan dan bekam (tingkat 1 - urut kaki, tingkat 2 - urutan badan dan bekam).

1.4.13 9.2.2012- Surat sokongan PDRM.

1.4.14 24.4.2012 - Surat kelulusan lesen 2012 – dengan syarat menjalankan aktiviti refleksologi sahaja.

1.4.15 11.7.2013 - **Notis Arahan untuk menghentikan aktiviti aktiviti urutan badan.**

1.4.16 13.7.2012 - Pemeriksaan semula premis oleh Jabatan mendapati pemegang lesen masih gagal mematuhi arahan Majlis. Penyerahan notis tunjuk sebab pembatalan lesen. Lesen digantung dan lesen premis perniagaan asal 2012 diambil oleh pihak Majlis.

- 1.4.17 16.7.2012 - Terima surat rayuan mendapatkan semula lesen premis perniagaan 2012 daripada pemohon. Pemohon telah mengosongkan tingkat atas. Katil-katil telah dikeluarkan.
- 1.4.18 18.7.2012 - Terima permohonan tambah aktiviti bekam, 'ear-candling', 'scrapping' dan rawatan kecantikan.
- 1.4.19 31.7.2012 - Pemeriksaan semula premis oleh Jabatan mendapati pemohon telah mengeluarkan tilam-tilam dan aktiviti urutan badan telah dihentikan.
- 1.4.20 10 .8.2012 -Mesyuarat J/K Pelesenan dan Pembangunan Usahawan bil. 8/2012 – kertas makluman pembatalan lesen pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan - aktiviti refleksologi ke atas pemohon.  
-Keputusan - mesyuarat bersetuju pemulangan lesen dengan amaran dan pemantauan berterusan.
- 1.4.21 31.1.2013 -Terima permohonan pembaharuan lesen 2013 daripada pemohon.
- 1.4.22 14.2.2013 - Pemeriksaan premis oleh PBK. Premis menjalankan aktiviti urutan kaki, bekam danurut bahu. Tingkat bawah - urutan kaki (10 kerusi) , tingkat atas - bekam dan urutan bahu.



- 1.4.23 5.3.2013 - Surat sokongan PDRM.
- 1.4.24 8.3.2013 - **MASJID MULA BEROPERASI – SOLAT JUMAAT.**
- 1.4.25 20.3.2013 - Pembaharuan lesen 2013 **DITOLAK** kerana selaras dengan surat akujanji dan jaminan akan menghentikan perniagaan sebaik sahaja masjid tersebut beroperasi.
- 1.4.26 16.4.2013 -**Surat rayuan pembaharuan lesen 2013 daripada pemohon.**
- Memaklumkan **terpaksa menandatangani surat** tersebut pada masa itu.
  - **Tidak wajar syarat begini dikenakan sedangkan perniagaan ini tiada sebarang hubungkait dengan keagamaan islam.**
  - Perniagaan ini telah menelan **pelaburan beratus ribu ringgit** dan jika dihentikan semata-mata masjid telah beroperasi akan amat merugikan pemohon.
- 1.4.27 29.4.2013 - Permohonan rayuan lesen 2013 ditolak selaras dengan Dasar dan Garispanduan Pemberian Lesen Pusat Kecantikan dan Kesihatan PBT Negeri Selangor dan akujanji pemohon sendiri yang telah dibuat atas kerelaan pemohon semasa mengemukakan rayuan pada 22.2.2011.
- 1.4.28 24.6.2013 - **Terima surat daripada Ahli Majlis, MPAJ - Tuan Wong Khai Pun – mohon rayuan pembaharuan lesen 2013 pemohon dibawa**

ke mesyuarat J/K Pelesenan dan  
Pembangunan Usahawan.

2.7.6 Mesyuarat bersetuju menangguhkan rayuan pembaharuan lesen 2013 pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan – Refleksologi oleh Footmarksense Sdn.Bhd. untuk diberi penerangan kepada Tuan Wong Khai Pun. Jabatan dikehendaki memberikan salinan dasar dan garis panduan kepada Ahli Majlis melalui email.

**2.8 KERTAS PERTIMBANGAN BAGI BAYARAN BONUS HARI RAYA  
AIDILFITRI 2013**

2.8.1 Mesyuarat dikemukakan dengan kertas pertimbangan bayaran bonus Hari Raya Aidilfitri 2013 kepada penjawat awam yang berkhidmat di Jabatan / Agensi Negeri Selangor.

2.8.2 Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 21/2013 yang bersidang pada 24 Julai 2013 telah membuat keputusan untuk memberi bonus Hari Raya Aidilfitri 2013 sebanyak **satu (1) bulan gaji kepada setiap kakitangan awam Negeri Selangor** .

2.8.3 Bayaran bonus Hari Raya Aidilfitri 2013 ini dibayar kepada semua anggota Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di Jabatan/Agensi Negeri Selangor bagi membuat persiapan menyambut Hari Raya pada

tahun 2013. Pembayaran bonus ini akan dilaksanakan **sebelum 1 Ogos 2013.**

**2.8.4** Pembayaran bonus ini layak dibayar kepada semua anggota yang berkhidmat pada **24 Julai 2013.** Anggota yang layak menerima bayaran bonus adalah seperti berikut:

- i. pegawai tetap, sementara, dan Pekerja Sambilan Harian;
- ii. Pegawai yang dilantik dibawah **contract of service dan Contract For Service**
- iii. Pegawai yang bercuti separuh gaji;
- iv. Guru KAFA; dan
- v. Guru Taska

**2.8.5** Manakala pegawai yang **tidak layak** menerima bayaran bonus ini adalah seperti berikut:

- i. pegawai yang mengambil **cuti tanpa gaji** sepanjang tempoh 1 Januari 2013 hingga 23 Julai 2013;
- ii. pegawai yang berkhidmat di agensi yang dasingkan pengurusan saraannya sepanjang tempoh 1 Januari 2013 hingga 23 Julai 2013;
- iii. pegawai yang dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari 2013 hingga 23 Julai 2013;
- iv. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran dalam tempoh 1 Januari 2013 hingga 23 Julai 2013 ;

- v. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau demi kepentingan perkhidmatan awam dalam tempoh 1 Januari 2013 hingga 23 Julai 2013.

2.8.6 Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan pembayaran Bonus Hari Raya Aidilfitri 2013. Pegawai hanya layak dibayar sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman amaran.

2.8.7 Implikasi kewangan secara keseluruhan, Bayaran Bonus Hari Raya Aidilfitri 2013 ini layak dibayar kepada:-

Bil	Kategori	Jumlah (orang)
1.	VU7	1
2.	Pengurusan & Profesional	43
3.	Pelaksana	674
<b>Jumlah</b>		<b>718</b>

2.8.8 Implikasi kewangan bagi Bayaran Bonus Hari Raya Aidilfitri 2013 ini adalah dianggarkan berjumlah **RM1,491,998.55**.

2.8.9 Majlis tiada halangan pemberian **Bayaran Bonus Hari Raya Aidilfitri 2013 dengan bayaran satu (1) bulan gaji kepada kakitangan Majlis** dilaksanakan kerana asas kiraan bajet 2013 telah mengambil perkiraan untuk 13

bulan gaji waran perjawatan Majlis dan aliran tunai juga mampu menampung kos yang terlibat.

2.8.10 Mesyuarat dimohon memberi pertimbangan dan mengambil maklum syor seperti berikut:-

- i. Pembayaran Bonus Hari Raya Aidilfitri 2013 kepada kakitangan Majlis yang layak dengan peruntukan sebanyak **RM1,491,998.55**.
- ii. Pembayaran Bonus Hari Raya Aidilfitri 2013 ini dibayar **sebelum 1 Ogos 2013**.

2.8.11 Mesyuarat bersetuju dan meluluskan kertas pertimbangan bagi bayaran bonus Hari Raya Aidilfitri 2013 dengan mengambilkira syor jabatan.

3. **MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SEPERTI BERIKUT :**

**3.1 GERAJ PLB DI JALAN 3/10 PANDAN INDAH**

Mesyuarat dimaklumkan notis pengosongan telah dikeluarkan pada 17 Julai 2013 kepada penyewa yang tidak memperbaharui lesen dan sewa. Pengisian baru akan dilakukan setelah proses pengosongan selesai.

**Makluman**

**3.2. KEDAI TANPA LESEN DI PERSIMPANGAN JALAN MULIA DAN JALAN MULIA 1/1**

Mesyuarat dimaklumkan tindakan terhadap sebuah gerai statik di persimpangan Jalan Mulia dan Jalan Mulia 1/1 tertangguh disebabkan peniaga telah mengemukakan 11

AK – hakmilik milik sementara(pajakan selama 99 tahun) yang didaftarkan pada tahun 1998.

Pihak jabatan akan terus memantau gerai-gerai sementara yang beroperasi yang menimbulkan kacau ganggu kepada orang awam.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/  
Jabatan Penguatkuasa**

### **3.3 TEMPAT STRATEGIK UNTUK PENIAGA GERAI**

Semakan jabatan berkenaan tapak cadangan di Ampang campuran disimpang empat menuju Ampang Avenue merupakan tapak kosong dan tidak direzabkan lagi. Jabatan telah membuat permohonan ke Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat untuk mewartakan rezab tersebut sebagai tapak perniagaan namun sehingga kini masih dalam proses Pejabat tanah dan Daerah Hulu Langat.

**Tindakan:**  
**Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

### **3.4 ISU PENYEWAAN GERAI UPEN DI LRT PANDAN JAYA**

Maklumat terkini yang diperolehi oleh jabatan 2 orang peniaga Gerai UPEN di LRT Pandan Jaya telah memulakan perniagaan dan seorang lagi akan memulakan selepas Hari Raya Aidilfitri.

**Makluman**

### 3.5 LESEN BERNIAGA SEMENTARA DI HADAPAN MASJID AL AZIM

Hasil daripada perbincangan bersama YB. Iskandar Abd Samad, telah bersetuju untuk mengeluarkan permit sementara di lokasi. Permohonan tapak dalam kawasan masjid (TLK) diluluskan oleh pihak pengurusan masjid.

Syarat-syarat yang dipersetujui adalah:-

- a) Hanya peniaga asal dibenarkan iaitu seramai 6 orang
- b) Penggunaan khemah 10' x 10' yang seragam
- c) Tidak boleh membuka meja utk mengunjung hanya `take away`
- d) Melengkapkan syarat-syarat permit sementara.
- e) Tiada aktiviti membasuh pinggan mangkuk (penggunaan peralatan pakai buang)
- f) Kebersihan lokasi adalah tanggungjawab peniaga dan kontraktor kawasan.

Pengeluaran permit penjaja sementara boleh dikeluarkan dengan syarat-syarat yang dinyatakan dan sekiranya penjaja melanggar syarat 3 kali dalam setahun, permit boleh ditarik balik dan penjaja dilarang menjaja di lokasi.

Jabatan juga dimaklumkan pada bulan ramadhan ini penjaja tidak berniaga di lokasi kerana berniaga di tapak pasar juadah.

**Makluman**

### 3.6 PROSEDUR PENAMATAN LESEN

Jabatan memaklumkan prosedur pengosongan gerai samada ditamatkan akibat melanggar syarat perjanjian atau penyerahan secara sukarela dari penyewa. Manakala prosedur kemasukan adalah melalui proses temuduga. Pemantauan dari masa ke semasa akan dibuat berhubung isu peniaga di tapak pasar basar Pandan Jaya yang melibatkan peniaga berlesen asal dan peniaga baru yang tidak mempunyai lesen.

**Makluman**

### 3.7 PERMOHONAN MEROBOHKAN STRUKTUR BANGUNAN

Tindakan membuka struktur bangunan ke atas sebuah premis yang terletak di kawasan lapang di Jalan Pandan 5 (Berhadapan SMK Pandan Jaya) tersebut telah dilaksanakan oleh pihak jabatan pada 4 Julai 2013. Surat memohon pemotongan bekalan elektrik telah dikemukakan kepada TNB dan operasi perobohan dijangka akan dilaksanakan pada 17 Julai 2013.

**Makluman**

### 3.8 GERAJ-GERAJ HARAM DI SEKITAR AU KERAMAT

Tindakan telah diambil ke atas beberapa lokasi gerai haram yang masih beroperasi dan tidak beroperasi yang telah mendatangkan kacauganggu seperti berikut:



- i) Gerai haram di Jalan masuk AU3/1 yang telah didirikan di tempat laluan awam kawasan tempat letak kereta sehingga mendatangkan kacauganggggu kepada lalulintas telah disita pada 13 Jun 2013.
- ii) Gerai haram di AU1/2 yang telah ditinggalkan dan dijadikan tempat kediaman telah dikeluarkan notis pada 2 Julai 2013 dalam tempoh 3 hari.
- iii) Gerai haram di AU4 Keramat yang dibuka oleh seorang wanita dan disewakan kepada orang Acheh yang membuka kedai runcit serta dijadikan tempat kediaman di situ telah dikosongkan dan telah diletakkan kawasan larangan. Jabatan dalam proses untuk merobohkan struktur tersebut.

**Makluman**

### **3.9 CADANGAN MEWUJUDKAN KAWASAN PERNIAGAAN**

Maklumat berkaitan tanah di hadapan tanah milik SimeDarby Bandar Baru Melawati di mana status tanah adalah tanah kerajaan (rezab parking dan jalan). Permohonan tanah tersebut untuk dijadikan rezab perniagaan adalah digalakkan dan Majlis perlu memohon pemberimilikan tanah untuk tujuan perniagaan (tapak gerai).

**Makluman**

### **3.10 RUMAH SAMPAH UNTUK DIJADIKAN KIOSK PERNIAGAAN**

Temuduga kepada peniaga-peniaga sedia ada yang berselerak di kawasan tersebut telah diadakan pada 17 Jun

2013 untuk berniaga di rumah sampah yang telah diubahsuai kepada kiosk di Flat Ukay Perdana. Pengisian telah dibuat bermula dari 1 Julai 2013 untuk 5 kiosk tersebut. Bagi 2 lagi kiosk akan diisi dalam masa terdekat.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

### **3.11 KAJI SEMULA GERAI KOSONG DI FLAT 610, PANDAN INDAH**

Pihak jabatan telah mengeluarkan notis untuk penjaja mengosongkan gerai no 16, 18 dan 20 di Flat 610, Pandan Indah. Pengisian semula akan dilakukan sekiranya ada permohonan.

**Tindakan:**  
**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**  
**Jabatan Penguatkuasa**

### **3.12 GERAI HARAM DI SEKITAR BUKIT PERMAI**

Tindakan penguatkuasaan (sitaan) telah dilakukan disekitar Taman Bukit Permai ke Mutiara Court pada 5 Julai 2013 yang melibatkan 4 gerai, sebuah lori, beberapa khemah serta kerusi meja. Pemantauan berterusan akan dilakukan.

**Makluman**

### **3.13 TONG SAMPAH DI TEPI JALAN**

Pemantauan telah dibuat di lokasi yang dinyatakan iaitu di tepi jalan hadapan kedai Taman Bukit Segar Jaya (bertentangan The Marks) pada 15 Julai 2013 dan didapati

sebuah rumah sampah berdekatan kawasan rumah kedai . Terdapat juga warga asing yang menarik keluar tong sampah keluar dari rumah sampah untuk mencari barang. Walau bagaimanapun, kontraktor kawasan telah memasukkan semula tong tersebut ke dalam rumah sampah.

**Makluman**

### **3.14 PENIAGA HARAM DI PERMAI COURT**

Pada bulan Ramadhan, terdapat penjaja yang memohon untuk membuka tapak secara persendirian di sekitar Permai Court , namun telah ditolak oleh pihak Majlis. Penjaja diarah berpindah ke tapak Kg. Melayu Ampang dan Jalan 1, Ampang Jaya. Jabatan telah membuat 4 sitaan barang perniagaan di lokasi ini.

**Makluman**

### **3.15 SESI PENDENGARAN AWAM ISU PASAR MALAM**

Pihak jabatan telah mengeluarkan notis pemberitahuan penutupan semua pasar malam di AU1 Keramat dengan penggantungan banner pad 15 Julai 2013. Mesyuarat memohon jabatan membentangkan kertas kerja khas berkenaan isu ini pada mesyuarat akan datang.

**Tindakan:  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

### 3.16 MEMPERKASAKAN ANGGOTA PENGUATKUASAAN

Perbincangan telah diadakan bersama Jabatan Khidmat Pengurusan MPAJ bagi menyemak semula sistem rondaan dan penguatkuasaan bagi penambahbaikan.

Makluman

## 4. HAL-HAL LAIN

### TUAN HAJI MEOR RITHUAN BIN SAID

#### 4.1 PERNIAGAAN KERETA TERPAKAI DI PANDAN PRIMA

Beliau memohon pengesahan samada perniagaan kereta terpakai di Pandan Prima (bersebelahan stesen petronos) beroperasi dengan lesen atau tidak. Jabatan memaklumkan perniagaan tersebut beroperasi dengan lesen.

Makluman

### PUAN SIAN KENG ENG

#### 4.2 PERNIAGAAN RESTORAN DI PANGSAPURI CEMARA

Mohon jabatan untuk menyemak status Restoran Al akbar di C2-B-O, Blok B, Pangsapuri Cemara 2 Cheras Hartamas samada berlesen atau tidak. Beliau juga memaklumkan terdapat aktiviti perjudian di restoran tersebut.

Tindakan:  
Jabatan Pelesenan

#### 4.3 GERAI HARAM DI PANGSAPURI MERANTI

Terdapat beberapa gerai haram yang didirikan di hadapan Pangsapuri Meranti Cheras Hartamas sehingga menutup struktur longkang. Mohon jabatan untuk menyemak dan mengambil tindakan segera.

Tindakan:  
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

#### TUAN HAMSAH BIN DJABIR

#### 4.4 AKTIVITI PENJUALAN CD HARAM

Beliau memaklumkan terdapat aktiviti penjualan CD haram secara terbuka di lokasi seperti tersebut di bawah dan mohon tindakan diambil.

- i. Bandar Baru Ampang (hadapan Seven Eleven)
- ii. Bandar baru Ampang (hadapan Maybank)
- iii. Taman Kosas (Hadapan Seven Eleven)

Tindakan:  
Jabatan Penguatkuasa

## 5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

Disediakan Oleh:  
Bahagian Urusetia  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
29Julai 2013

LAMPIRAN 1

## 1) RELAXA SALON (AMPANG) SDN BHD (363392V)

- Nama pemohon : En. Chan Chee Keong
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : 2<sup>nd</sup> Floor Flamingo Hotel, Tasek  
Ampang, Jalan Hulu Kelang, 68000  
Ampang, Selangor
- Kawasan : Hulu kelang
- Lokasi : Hotel
- Aktiviti : Urut Tradisional
- Ulasan Polis : Disokong pada 31/01/2013.
- Ulasan Bomba : Disokong pada 04/10/2012.
- Ulasan PBK : Tiada Halangan
- Ulasan PK : Tiada
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012  
: Pemilik asal lesen En Lim Kian Eng  
: Notis pembatalan lesen telah  
dikeluarkan pada 1 Mac 2013  
kerana premis menjalankan aktiviti  
pelacuran selaras dengan Hulu  
Kelang **Rpt : 236/12, KS 147/12**  
: Syarikat telah diambil alih oleh  
pemilik baru dan mengemukakan  
rayuan kali ke 3 pada 2 Jun 2013
- Kompaun : Tiada
- Jumlah pekerja : 1 orang ( perempuan )
- Sijil Kelayakan : Tidak dikemukakan



- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan garispanduan yang ditetapkan dan perlu mengemukakan salinan sijil kelayakan dan laporan pemeriksaan pekerja
- Keputusan : Lulus dengan syarat mengemukakan sijil Kelayakan dan laporan pemeriksaan pekerja

SULIT

## 2) OTOP GARDEN SAND SDN BHD (6-16421 JLD 2)

- Nama pemohon : Pn. Pitsamai Khurutnam Marnon
- Jawatan : Pengarah
- Alamat premis : 12-A Avenue 3, Avenue Ampang,  
68000 Ampang
- Kawasan : Avenue Ampang, Lembah Jaya
- Lokasi : Kedai Pejabat
- Aktiviti : Urut Tradisional
- Ulasan Polis : Disokong pada 17 Julai 2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 3 Mei 2013
- Ulasan PBK : Tiada
- Ulasan PK : Tiada
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012 di Lot F21,  
Tingkat 1, Kompleks Ampang Point,  
Ampang Jaya 68000 Ampang  
Selangor  
(mohon tukar alamat kerana  
tempoh kontrak sewa bangunan  
tidak disambung oleh pemilik  
bangunan)  
: Telah memperolehi surat sokongan  
baru dari PDRM
- Kompaun : Tiada
- Jumlah pekerja : belum ada
- Sijil Kelayakan : Tiada

- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan garis panduan yang ditetapkan dan perlu mengemukakan salinan sijil kelayakan dan laporan pemeriksaan pekerja
- Keputusan : Lulus dengan syarat mengemukakan sijil Kelayakan dan laporan pemeriksaan pekerja

SULIT

LAMPIRAN 2

## 1) MAY LV CAFE &amp; PUB. (6-9709(H) Jld. 2)

- Nama pemohon : Lee Ah Moi
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No.20G, Jalan Pandan Indah 4/6A,  
Pandan Indah 68000 Ampang
- Kawasan : Pandan Indah
- Lokasi : Kedai Pejabat
- Aktiviti : Kafe
- Ulasan Polis : Disokong semula pada 18 Jun 2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 30/11/2012
- Ulasan P(K) : Tiada
- Catatan : Permohonan pembaharuan lesen  
tahun 2013 telah ditolak melalui  
Mesyuarat J/K Pelesenan dan  
Pembangunan Usahawan Bil 3/2013  
dan Mesyuarat Penuh Majlis  
Bil3/2013 kerana tidak mendapat  
sokongan Polis  
: Pemohon telah mengemukakan  
rayuan pada 28 Mei 2013
- Kompaun : Tiada
- Syor : Lulus - mematuhi syarat PDRM dan  
garispanduan yang ditetapkan
- Keputusan : Lulus

LAMPIRAN 3

## 1) T2 INTERNET CAFE ( 6-12668 KS )

- Nama pemohon : Chan Siew Yin
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No 77 & 79, Jalan Bunga Tanjung 8B,  
Taman Muda, 56100 Kuala Lumpur.
- Kawasan : Taman Muda, Teratai
- Lokasi : Kedai Pejabat
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 5 April 2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 4 Jan 2013
- Ulasan PK :
- Catatan : Pembaharuan lesen telah dikemukakan  
pada 8 Mac 2013  
: Permohonan membaharui lesen tahun  
2013 telah ditolak dalam Mesyuarat  
Penuh Majlis bil 4/2013 kerana premis  
mempunyai rekod 4 kompaun yang  
tertunggak  
: Pihak syarikat juga telah dikenakan  
kompaun beroperasi tanpa lesen pada  
13 Jun 2013  
: Pihak syarikat telah menjelaskan semua  
kompaun yang tertunggak pada 24 Jun  
2013 dan mengemukakan rayuan untuk  
membaharui lesen tahun 2013 pada 24  
Jun 2013

- Kompaun : Tiada
- Syor : Dikemukakan untuk perbincangan dan pertimbangan mesyuarat
- Keputusan : Tolak

SULIT



LAMPIRAN 4

## LAMPIRAN 4

## 1) TRIPLE THREE NETWORK (6-13835 KS)

- Nama pemohon : Ng Shu Yong
- Jawatan : Pengarah Eksekutif
- Alamat premis : B-G-08 Jalan Teratai 1/2E, Taman Bukit Teratai  
68000 Ampang Selangor.
- Kawasan : Taman Bukit Teratai, Teratai
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 17 Jun 2013
- Ulasan Bomba : 22 Mei 2013
- Ulasan PK :
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012.  
: Pembaharuan lesen telah dikemukakan pada 21 Mei 2013
- Kompaun : Terdapat 1 kompaun :  
28.2.2013 - UUK 3, UUK Pusat Siber dan Kafe Siber MPAJ 2007  
- Menjalankan aktiviti pusat siber tanpa lesen.
- Syor : Lulus – dengan syarat membuat pembayaran kompaun dan dikenakan kompaun lewat renew semasa pembaharuan lesen tahun 2013
- Keputusan : Lulus dengan syarat membayar kompaun dan dikenakan kompaun lewat renew pembaharuan lesen tahun 2013

LAMPIRAN 5

1) **PUNKEA ENTERPRISE (6-23684 (H))**

- Nama pemohon : Kim Myoung Hwan @ Muhammad Kim Myoung
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No. 13-3, Jalan Mamanda 7/1, Taman Ampang Point
- Kawasan : Ampang Point, Bukit Antarabangsa
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Karaoke
- Ulasan Polis : Disokong pada 3 Julai 2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 27 Februari 2013
- Ulasan P(K) :
- Catatan :
- Kompaun : Tiada
- Syor : Tolak
  - i) Tidak mematuhi Dasar dan Garis Panduan Pemberian Lesen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Di Kawasan Pentadbiran Pihak-pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor di mana Pusat Hiburan Awam – PHA hanya boleh dilesenkan di hotel kelas 1, rumah kelab, kompleks membeli belah.
- Keputusan : Tolak kerana premis berada di tingkat atas  
Dan tidak mematuhi garis panduan

LAMPIRAN 6

## 1) GIFT INTERNET ZONE (6-232866 (KS))

- Nama pemohon : Wong Ying Fui
- Jawatan : Pemilik syarikat
- Alamat premis : No. 6G, Blok J, Jalan Maju 3/5, Tmn  
Lembah Maju
- Kawasan : Taman Lembah Maju, Cempaka
- Lokasi : Rumah Kedai
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 16 Jan 2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 23 Oktober 2012
- Ulasan PK :
- Catatan : Telah menghadiri taklimat  
Garis panduan  
Pusat Siber/Kafe Siber pada 15 Mei  
2013
- Kompaun : 1 kompaun
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan  
garispanduan yang ditetapkan.
- Keputusan : Lulus dengan menjelaskan bayaran  
kompaun

## 2) AIBAR ENTERPRISE (6-23909(KS))

- Nama pemohon : Muhammad Izzudin Bin Ahmad  
Rostam
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No. F-G-10, Pangsapuri Sri Nilam,  
Jalan Wawasan Ampang 3/8,  
Bandar Baru Ampang 68000  
Ampang Selangor
- Kawasan : Bandar Baru Ampang, Lembah Jaya
- Lokasi : Kedai bawah Apartment
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 21 Jun 2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 18 April 2013
- Ulasan PK :
- Catatan : Telah menghadiri taklimat  
Garis panduan Pusat Siber/Kafe Siber  
pada 15 Mei 2013
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan  
garis panduan yang ditetapkan.
- Keputusan : Lulus

7.6.  
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA  
PUSAT SETEMPAT (OSC)  
BIL.13/2013



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)  
BIL. 13/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 10 HB JULAI 2013 (RABU)**

**MASA : 9.30 PAGI**

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,  
ARAS 16, MPAJ**

**KEHADIRAN AHLI-AHLI MESYUARAT**

<b>BIL</b>	<b>HADIR</b>	<b>JABATAN / AGENSI</b>
1.	Y. Bhg. Dato' Mohammad B. Yacob	Yang DiPertua MPAJ (Pengerusi)
2.	Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain	Timbalan Yang DiPertua MPAJ
3.	Tn. Abdul Aziz B. Ahmad	Ahli Majlis MPAJ
4.	Tn. Abdul Jalil B. Hassan	Ahli Majlis MPAJ
5.	Pn. Sian Keng Eng	Ahli Majlis MPAJ
6.	En. Mohd Zuwahir B. Wandu	Pej. Tanah & Daerah Gombak
7.	En. Raja Azhar B. Raja Alias	Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
8.	Pn. Faridah Hanim Bt. Salaton	JPBD Selangor
9.	En. Tan Chai Oo	Jab. Mineral & Geosains Selangor
10.	DSP Hj. Abd. Rahman B. Hj. Hasnan	PDRM (Daerah Ampang)
11.	Nur Hanis Akmal Bt. Ahmad Fauzi	Jab. Pengairan & Saliran Gombak
12.	En. Azhar B. Ramli	Jab. Pengairan & Saliran Hulu Langat
13.	Pn. Nor Liza Bt. Yen	Jab. Alam Sekitar Selangor
14.	Pn. Noor Izzati Bt Abas	Indah Water Konsortium (IWK)
15.	En. Mohd Fazizi B. Mohd Zaid	SYABAS
16.	Pn. Seetha a/p Mariappan	TNB Distribution Sdn. Bhd.
17.	En. Mohd Fauzi B. Embong	POS Malaysia Berhad
18.	Pn. Rosfarina Bt. Zainon	SKMM Wilayah Tengah
19.	Pn. Zuraina Bt. Said	Jab. Perancang Bandar MPAJ
20.	En. Hasrolnizam B. Shaari	Jab. Kejuruteraan MPAJ
21.	En. Yazid B. Sarkom	Jab. Bangunan & Senibina MPAJ
22.	En. Johari B. Atli	Jab. Undang-Undang MPAJ
23.	En. Khairulazmi B. Abd Rahman	Jab. Penilaian & Pengurusan Harta
24.	En. Khairil Azhar B. Ismail	Jab. Belia & Masyarakat
25.	Pn. Rohana Bt. Mohd Nor	Ketua Bahagian OSC
26.	En. Mohd Hafiz B. Abd. Halim	Urusetia OSC Pembangunan
27.	Pn. Rozita Bt. Razali	Urusetia OSC Pembangunan

- |                                    |                              |
|------------------------------------|------------------------------|
| 28. Pn. Rahah Bt. Jalaludin        | Urusetia OSC Pembangunan     |
| 29. Pn. Hajjah Norhayati Bt. Ahmad | Peg. Perhubungan Awam        |
| 30. Pn. Siti Raudah Bt. Ibrahim    | Jab. Perbandaran & Kesihatan |
| 31. Pn. Marlina Bt. Mokhtar        | Jab. Belia Masyarakat        |
| 32. En. Arbaie B. Kadinan          | Jab. Penguatkuasa            |

**TURUT HADIR**

- |                                  |                        |
|----------------------------------|------------------------|
| 1. En. Mohd Azli B. Othman       | Jab. Perancang Bandar  |
| 2. Pn. Ruziana Bt. Leemon        | Jab. Perancang Bandar  |
| 3. Pn. Juhaida Bt. Kassim        | Jab. Perancang Bandar  |
| 4. En. Bahari B. Sulieman        | Jab. Perancang Bandar  |
| 5. Pn. Maslinda Bt. Mohd Yusuf   | Jab. Bangunan Senibina |
| 6. En. Mohd Fadzil B. Mohd Ishak | Jab. Kejuruteraan      |
| 7. Pn. Siti Aishah Bt. Salim     | Jab. Undang - Undang   |

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

- |   |                    |
|---|--------------------|
| 1. Tn. Razali B. Ramly (Ahli Majlis MPAJ) | <b>TIDAK HADIR</b> |
| 2. Kumpulan IKRAM Sdn Bhd                 | <b>TIDAK HADIR</b> |
| 3. Jab. Kerja Raya Gombak                 | <b>TIDAK HADIR</b> |
| 4. Jab. Kerja Raya Hulu Langat            | <b>TIDAK HADIR</b> |
| 5. Jab. Bomba & Penyelamat Selangor       | <b>TIDAK HADIR</b> |
| 6. Jab. Pengairan & Saliran Selangor      | <b>TIDAK HADIR</b> |
| 7. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)       | <b>TIDAK HADIR</b> |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.07/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)**

**1. TUJUAN**

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

**2. LATARBELAKANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 13/2013 telah diadakan pada 10 Julai 2013 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

2.1.1 Satu (1) Permohonan Serentak, Pelan Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah ditolak.

2.1.2 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah diluluskan dengan syarat.

2.1.3 Dua (2) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah dtutup.

**(LAMPIRAN 1)**

## **2.2 PERMOHONAN SERENTAK**

2.2.1 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

**(LAMPIRAN 2)**

## **2.3 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG**

Lima (5) cadangan Kebenaran Merancang telah dikemukakan, dua (2) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan tiga (3) permohonan telah ditangguhkan.

**(LAMPIRAN 3)**

## **2.4 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (RUMAH SESEBUAH)**

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang (Rumah Sesebuah) telah dikemukakan, satu (1) telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) telah ditolak.

**(LAMPIRAN 4)**

## **2.5 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)**

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar Guna) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat .

**(LAMPIRAN 5)**

**2.6 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (LANJUT TEMPOH)**

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Lanjut Tempoh) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat .

**(LAMPIRAN 6)**

**2.7 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (CAD. ALAMAT)**

Enam (6) permohonan Kebenaran Merancang (Cad Alamat) telah dikemukakan dan telah diluluskan.

**(LAMPIRAN 7)**

**2.8 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (PELBAGAI)**

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Pelbagai) telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

**(LAMPIRAN 8)**

**2.9 PERMOHONAN CADANGAN PELAN INFRASTRUKTUR**

Tiga (3) cadangan Pelan Infrastruktur telah dikemukakan dan telah diluluskan.

**(LAMPIRAN 9)**

**2.10 PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN (RUMAH SESEBUAH)**

Dua (2) cadangan Pelan bangunan (Rumah sesebuah) telah dikemukakan, satu (1) diluluskan dan satu (1) telah diluluskan dengan syarat.

**(LAMPIRAN 10)**

**2.11 PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN (STRUKTUR TELEKOMUNIKASI)**

Satu (1) cadangan Pelan bangunan (Struktur Telekomunikasi) telah dikemukakan dan diluluskan.

**(LAMPIRAN 11)**

**2.12 HAL-HAL LAIN**

2.12.1 Sebanyak 28 Permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 16 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalaman telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 13/2013.

2.12.2 Sebanyak 2 Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah Dan Infrastruktur telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan didalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 13/2013.

**(LAMPIRAN 12)**

LAMPIRAN 1**2.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

2.1.1 Satu (1) Permohonan Serentak Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.

**2.1.1 (i) ENCIK ZULKIFLY BIN MOHD NAPIAH (KEBENARAN MERANCANG)**

- Pemohon : **En. Zulkafly Bin Mohd Napiah**  
Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Banglo 2 Tingkat Di Atas PT 1200, Jalan H1, Taman Melawati, Bandar Ulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
- Perunding : R. Shankar Planning Services  
No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/3-21 (2013)  
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.30.13  
ADUN : Y.B. Tn. Haji Saari bin Sungip (DUN Hulu Kelang)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ  
i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini pernah ditangguhkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 10/2013 pada 28/5/2013 kerana perlu mematuhi syarat-syarat teknikal yang telah dikeluarkan oleh jabatan-jabatan teknikal berkaitan.  
ii) Walau bagaimanapun, pihak jabatan mengesyorkan permohonan ini ditutup kerana pemohon masih belum memberi maklum balas sehingga kini berhubung pematuhan ulasan teknikal yang telah dikeluarkan oleh jabatan teknikal berkaitan
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditutup** berdasarkan perkara-perkara berikut:  
i) Tidak mematuhi ulasan kebenaran merancang iaitu:  
a) Mengesahkan keluasan sebenar tapak cadangan kerana mengikut pelan susunatur keluasan tapak adalah 465.55 mp manakala mengikut surat hakmilik tanah dan carian

- rasmi keluasan tapak adalah 464.55 mp.
- b) Meminda tajuk permohonan dalam pelan susunatur dengan memasukkan nombor hakmilik sementara tanah iaitu HSD 45064 PT 1200, Mukim Hulu Kelang.
  - c) Menunjukkan lokasi **on site detention** dalam pelan susunatur.
  - d) Mengemukakan pelan bangunan yang lengkap yang mengandungi pelan pandangan sisi dan pandangan belakang untuk semakan ketinggian bangunan. Ketinggian bangunan yang dibenarkan adalah tidak melebihi 40 kaki.
  - e) Mengemukakan surat kebenaran daripada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (No perserahan 252058/2004) kerana terdapat gadaian menjamin wang pokok.
  - f) Mengemukakan surat akujanji di mana kegunaan bangunan adalah untuk kediaman semata-mata.
- ii) Tidak mematuhi ulasan Jabatan Belia dan Masyarakat iaitu:
    - a) Membekalkan sebanyak tiga (3) pokok kepada majlis iaitu pokok Mimusops Elengi (Bunga Tanjung) dengan ketinggian batang pokok 1200 mm dan diameter batang pokok 50 mm.
  - iii) Tidak mematuhi ulasan Jabatan Bangunan dan Senibina iaitu:
    - a) Meminda lakaran bangunan yang berada di dalam pelan kebenaran merancang kerana tidak selaras dengan pelan lantai bangunan.
    - b) Meminda unjuran bumbung kerana anjakan yang dibenarkan adalah tidak melebihi 2 meter daripada sempada.
  - iv) Perlu mendapatkan sokongan Jabatan Pengairan dan Saliran Gombak dan mengemukakan perkara-perkara yang diperlukan untuk tindakan jabatan tersebut selanjutnya.
  - v) Perlu mematuhi ulasan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan.

Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ



**2.1. 1 (ii) ENCIK ZULKIFLY BIN MOHD NAPIAH (PELAN KERJA TANAH)**

Pemohon : **En Zulkafly Bin Mohd Napiah**  
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-02-283B  
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.30.13  
Tajuk : Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Banglo 2 Tingkat Di Atas Pt 1200, Jalan H1, Taman Melawati, Bandar Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor .

Perunding : ZAZ Consultant  
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (Dun Hulu Kelang)  
Ulasan & : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**  
Pertanyaan

Beliau memaklumkan permohonan disyorkan untuk ditolak selaras dengan penolakan permohonan Kebenaran Merancang.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditolak** selaras dengan penolakan Kebenaran Merancang .

Tindakan : Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ

**2.1.1 (iii) ENCIK ZULKIFLY BIN MOHD NAPIAH (PELAN INFRASTRUKTUR)**

Pemohon : **En Zulkafly Bin Mohd Napiah**  
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-03-187B  
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.30.13  
Tajuk : Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Banglo 2 Tingkat Di Atas Pt 1200, Jalan H1, Taman Melawati, Bandar Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor .

Perunding : ZAZ Consultant  
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (Dun Hulu Kelang)  
Ulasan & : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**  
Pertanyaan

Beliau memaklumkan permohonan disyorkan untuk ditolak selaras dengan penolakan permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Kerja Tanah.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditolak** selaras dengan penolakan Kebenaran Merancang dan Pelan Kerja Tanah.

Tindakan : Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.

### 2.1.1(iv) ENCIK ZULKIFLY BIN MOHD NAPIAH (PELAN BANGUNAN)

Pemohon : **Encik Zulkafly Bin Mohd Napiah**  
 No. Fail PBT : MPAJ.BS.SBBT.740-1/1-19/2013  
 No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.30.13  
 Tajuk : Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Banglo 2 Tingkat Di Atas Pt 1200, Jalan H1, Taman Melawati, Bandar Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.  
 Perunding : K F Sha Arkitek  
 ADUN : Y. B. Saari Bin Sungib(DUN Hulu Kelang)  
 Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.13/2013 bertarikh 10 Julai 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **ditolak** selaras dengan penolakan Kebenaran Merancang, Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ  
& OSC Pembangunan**

2.1.2 Satu (1) Permohonan Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.

### 2.1.2(i) ENCIK LOH CHEE KEONG (PELAN KERJA TANAH)

Pemohon : **Loh Chee Keong**  
 No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-02/167A  
 No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/11/13  
 Tajuk : Cadangan Membina Sebuah Bangunan Kedai Pejabat 3 Tingkat Di Atas Lot 18588, Jalan Mawar 15, Taman Mawar, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan  
 Perunding : Jurutera Perunding Damai  
 ADUN : Y.B. Cik Tiew Way Keng (Dun Teratai)  
 Ulasan & Pertanyaan : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

Beliau memaklumkan daripada semakan jabatan pemohon telah mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan . Permohonan juga telah mendapat sokongan jabatan teknikal yang berkaitan seperti Jabatan Perancang Bandar , MPAJ dan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan**

Tindakan : Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ

### 2.1.2(ii) ENCIK LOH CHEE KEONG (PELAN INFRASTRUKTUR)

Pemohon : **Loh Chee Keong**  
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-02/167A  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/11/13  
Tajuk : Cadangan Membina Sebuah Bangunan Kedai Pejabat 3 Tingkat Di Atas Lot 18588, Jalan Mawar 15, Taman Mawar, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan

Perunding : Jurutera Perunding Damai  
ADUN : Y.B. Cik Tiew Way Keng (Dun Teratai)  
Ulasan & : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**  
Pertanyaan

Beliau memaklumkan daripada semakan jabatan pemohon telah mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan dan telah mendapat sokongan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan**

Tindakan : Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ

### 2.1.2(iii) ENCIK LOH CHEE KEONG (PELAN BANGUNAN)

Pemohon : **Encik Loh Chee Keong**  
No. Fail PBT : MPAJ BS.KB.740-1/4-05/2013  
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.11.13  
Tajuk : Cadangan Membina Sebuah Bangunan Kedai Pejabat 3 Tingkat Di Atas Lot 18588, Jalan Mawar 15, Taman Mawar, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : K F Sha Arkitek  
ADUN : Y. B. Tiew Way Keng  
(DUN Teratai)

Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.13/2013 bertarikh 10 Julai 2013 telah memutuskan permohonan Pelan

Bangunan ini **diluluskan**.

Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ  
& OSC Pembangunan

2.1.3 Dua (2) Permohonan Kebenaran yang pernah ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.

2.1.3 (i) **PUAN SALMAH BINTI ISMAIL**

Pemohon : **Pn. Salmah Binti Ismail**  
Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tukar Syarat Dan Pecah Sempadan Secara Serentak Di Bawah Seksyen 124 (A), Kanun Tanah Negara (Ktn) Bagi Cadangan Lot Sesebuah Di Atas Lot 1054 (Gm 412), Batu 7 1/2, Kampung Pasir, Bandar Ulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan  
Perunding : Neo Urban Consult  
No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/3-17(2013)  
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.24.13  
ADUN : Y.B. Tn. Haji Saari bin Sungip (DUN Hulu Kelang)  
Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ  
i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini pernah ditangguhkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 9/2013 pada 10/5/2013 kerana perlu mengemukakan Laporan Penilaian daripada Penilai Berdaftar bagi tujuan pengiraan dan pengenaan Caj Pemajuan kepada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta kerana ia merupakan permohonan tukar syarat nyata tanah dari pertanian kepada kediaman.  
ii) Walau bagaimanapun, pihak jabatan mengesyorkan permohonan ini ditutup kerana pemohon masih belum memberi maklum balas sehingga kini berhubung pengemukakan Laporan Penilaian daripada Penilai Berdaftar bagi tujuan pengiraan dan pengenaan Caj Pemajuan kepada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.  
Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan,

Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditutup** berdasarkan perkara-perkara berikut:

- i) Perlu mengemukakan Laporan Penilaian daripada Penilai Berdaftar bagi tujuan pengiraan dan pengenaan caj pemajuan kepada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPAJ kerana ia merupakan permohonan tukar syarat nyata tanah dari pertanian kepada kediaman terlebih dahulu.
- ii) Perlu mematuhi ulasan JPS iaitu menyediakan kawasan dan membina dua (2) buah 'on site detention (OSD) berukuran 30m x 1m x 1.2m.
- iii) Perlu mematuhi ulasan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

### 2.1.3 (ii) ENCIK LIM LEE FEI DAN LIM SOOK FEI

- Pemohon : **Lim Lee Fei Dan Lim Sook Fei**  
Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Membina Dan Menyiapkan Sebuah Rumah Banglo 2 Tingkat Di Atas HS (D) 50580 Lot PT 1862, Lorong Awan 6, Kampung Kuala Ampang, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
- Perunding : Neo Urban Consult  
No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/3-20(2013)  
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.29.13  
ADUN : Y.B. Tn. Haji Saari bin Sungip (DUN Hulu Kelang)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ  
i) Pn. Zuraina mengesyorkan permohonan ini ditutup kerana masih tidak mematuhi ulasan kebenaran merancang yang dikeluarkan serta tidak mematuhi keperluan teknikal berkaitan.
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditutup** berdasarkan perkara-perkara berikut:  
i) Tidak mematuhi ulasan kebenaran merancang yang telah dikeluarkan iaitu:  
a) Mengesahkan keluasan sebenar tapak cadangan kerana mengikut pelan susunatur

dan pelan akui keluasan tapak adalah 472 mp manakala mengikut suratan hakmilik tanah dan carian rasmi keluasan tapak adalah 445.934 mp. Perbezaan ini adalah melebihi 5% iaitu 5.8%.

- b) Mengemukakan pelan bangunan yang lengkap yang mengandungi pelan pandangan hadapan, pandangan sisi dan pandangan belakang untuk semakan ketinggian bangunan. Ketinggian bangunan yang dibenarkan adalah tidak melebihi 40 kaki.
- c) Mengemukakan surat kebenaran daripada CIMB Bank Berhad (No perserahan 50568/2012) kerana terdapat gadaian menjamin wang pokok.
- d) Mengemukakan surat akujanji di mana kegunaan bangunan adalah untuk kediaman semata-mata.
- ii) Mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan iaitu perlu menurap semua jalan di hadapan tapak pembangunan.
- iii) Mematuhi ulasan Jabatan Bangunan dan Senibina iaitu:
  - a) Meminda perimeter drain di dalam pelan kebenaran merancang menghala ke longkang sediaada pada bahagian hadapan.
  - b) Menyemak semula kedudukan tapak rumah kerana tapak yang dicadangkan di dalam pelan kebenaran merancang menyebabkan sirkulasi kenderaan terhad.
- iv) Mendapatkan ulasan dan sokongan Jabatan Belia dan Masyarakat MPAJ.
- v) Mendapatkan ulasan dan sokongan Jabatan Pengairan dan Saliran Gombak.
- vi) Mematuhi ulsan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar, MPAJ**

## 2.2 PERMOHONAN SERENTAK

Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

## 2.2.1 (i) TETUAN INTAN IMPIANA SDN. BHD. (PELAN KERJA TANAH)

Pemohon : **Tetuan Intan Impiana Sdn. Bhd.**  
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-02-288B  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/68/12  
Tajuk : Cadangan Untuk Membina Pembangunan  
A) Fasa 1 Yang Mengandungi : -  
I) 15 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Lot 18191 – Lot 18205)  
II) 12 Unit Rumah Teres Berkembar 3 Tingkat (Lot 18207 – Lot 18218)  
III) 1 Unit Rumah Banglo 3 Tingkat (Lot 18219)  
B) Fasa 2 Yang Mengandungi : -  
I) Rumah Bandar Campuran Yang Mengandungi 21 Unit Kos Sederhana 3 Tingkat Dan 14 Unit Kos Bebas 3 Tingkat (Lot 18190)  
II) 1 Unit Rumah Banglo (Lot 18219)  
Bersama Sebuah Pencawang Elektrik Di Atas Lot Asal 449, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor .  
Perunding : Perunding KCT Sdn. Bhd.  
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (Dun Hulu Kelang)  
Ulasan & : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**  
Pertanyaan

Beliau memaklumkan hasil semakan pihak jabatan mendapati pihak pemohon belum mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan. Ulasan-ulasan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut : -

- a) Mengemukakan sesalinan pelan pra hitung yang diluluskan oleh Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
- b) Mengemukakan cadangan pemasangan 'hoarding' di sepanjang sempadan kawasan pembangunan dan 'sign board' projek bagi kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.

- c) Tidak dibenarkan melaksanakan kerja – kerja penambakan/pemotongan tanah yang melibatkan tanah persendirian/tanah kerajaan.
- d) Mengemukakan dan menunjukkan dengan jelas ketinggian dan jenis tembok penahan di dalam keseluruhan pelan 'cross section'.
- e) Cadangan tembok penahan yang dikemukakan perlulah dilengkapi dengan sistem saliran sehingga ke longkang sediaada.
- f) Menunjukkan dengan jelas di dalam pelan layout dan pelan 'cross section' bagi cadangan penanaman rumput di kawasan bercerun.
- g) Mengemukakan 2 salinan Laporan Penyiasatan Tanah (S. I).
- h) Pihak pemohon juga perlu mendapatkan kelulusan serta sokongan daripada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Beliau memaklumkan pihak jabatan mengesyorkan permohonan ditangguhkan sehingga pemohon mematuhi ulasan jabatan dan teknikal yang berkaitan.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini ditangguhkan sehingga pemohon mematuhi ulasan jabatan kejuruteraan dan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) ,  
Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

### 2.2.1 (ii) TETUAN INTAN IMPIANA SDN. BHD. (PELAN INFRASTRUKTUR)

Pemohon : **Tetuan Intan Impiana Sdn. Bhd.**  
 No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-03-191B  
 No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/68/12  
 Tajuk : Cadangan Untuk Membina Pembangunan  
 C) Fasa 1 Yang Mengandungi : -  
 I) 15 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Lot 18191 – Lot 18205)  
 II) 12 Unit Rumah Teres Berkembar 3 Tingkat (Lot 18207 – Lot 18218)



- III) 1 Unit Rumah Banglo 3 Tingkat (Lot 18219)
- D) Fasa 2 Yang Mengandungi : -
- I) Rumah Bandar Campuran Yang Mengandungi 21 Unit Kos Sederhana 3 Tingkat Dan 14 Unit Kos Bebas 3 Tingkat (Lot 18190)
  - II) 1 Unit Rumah Banglo (Lot 18219)
- Bersama Sebuah Pencawang Elektrik Di Atas Lot Asal 449, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Perunding KCT Sdn. Bhd.  
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (Dun Hulu Kelang)  
Ulasan & : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**  
Pertanyaan

Beliau memaklumkan hasil semakan pihak jabatan mendapati pihak pemohon belum mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan. Ulasan-ulasan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut : -

- a) Hendaklah mengemukakan salinan surat kelulusan dan pelan Tatatur / Kebenaran Merancang (D.O) yang diluluskan oleh Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
- b) Menyediakan 'temporary heavy duty interlocking concrete paver' di jalan keluar masuk ke kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.
- c) Menyediakan 'temporary I beam wash trough' yang dilengkapi dengan 'water jet' di jalan keluar masuk ke kawasan pembangunan. Pelan butiran bagi cadangan tersebut hendaklah dikemukakan.
- d) Mengemukakan pelan keratan rentas menegak dan melintang serta menunjukkan 'platform level' bagi keseluruhan kawasan pembangunan termasuk kawasan lot bersebelahan.
- e) Pihak pemohon juga perlu mendapatkan kelulusan serta sokongan daripada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Beliau memaklumkan pihak jabatan mengesyorkan permohonan ditangguhkan sehingga pemohon mematuhi ulasan jabatan dan teknikal yang berkaitan.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini ditangguhkan sehingga pemohon mematuhi ulasan jabatan kejuruteraan dan teknikal yang berkaitan.

Tindakan : Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) ,  
Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ

### 2.2.1 (iii) TETUAN INTAN IMPIANA SDN. BHD. (PELAN BANGUNAN)

Pemohon : **Tetuan Intan Impiana Sdn. Bhd.**  
No. Fail PBT : MPAJ BS.KB 740-1/2-06/13  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/68/12  
Tajuk : Cadangan Untuk Membina Pembangunan :-  
A) Fasa 1 Yang Mengandungi:-  
i) 15 Unit Rumah Teres 2 Tingkat ( Lot 18191 – Lot 18205)  
ii) 12 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat (Lot 18207 – Lot 18218)  
iii) 1 Unit Rumah Banglo 3 Tingkat (Lot 18219)  
Bersama Sebuah Pencawang Elektrik Di Atas Lot Asal 449, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.  
Perunding : Nvt Architect Sdn. Bhd.  
ADUN : Y. B. Saari Bin Sungib  
( DUN Hulu Kelang )  
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.13/2013 bertarikh 10 Julai 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **ditangguhkan** selaras dengan penangguhan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur serta pemohon dikehendaki mematuhi ulasan Jabatan Bangunan seperti surat ulasan bil (2) MPAJ.BS.KB 740-1/2-06/13 bertarikh 24/6/2013.

Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ  
& OSC Pembangunan

## 2.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

Lima (5) permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

### 2.3.1 TETUAN BEST BOULEVARD SDN. BHD.

- Pemohon : **Tetuan Best Boulevard Sdn. Bhd.**  
 Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Meroboh Rumah Kelab Dan Membina Bangunan Perniagaan Yang Mengandungi :
- a) 2 Blok Pangsapuri Perkhidmatan (744 Unit) 51 Tingkat
  - b) 2 Blok Soho (1390 Unit) 47 & 48 Tingkat Di Atas 11 Tingkat Dan 1 Mezzanine Podium Yang Mengandungi Tempat Letak Kenderaan Bertingkat / Kemudahan Rekreasi / Ruang Perniagaan Beserta 2 Tingkat Bawah Tanah Tempat Letak Kereta Dan
  - c) Pelantar Yang Mengandungi Restoran Dan Kafe 'On-Silt' Di Atas Tasik Sedia Ada Di Atas Lot 44816, Seluas 11.07 Ekar, Jalan Perdana 3/10, Pandan Perdana, Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
- No. Fail PBT : **MPAJ.PB.KP/2-13(2013)**  
 No. Fail OSC : **MPAJ.OSC.DEV.39.13**  
 Perunding : PIR Planners  
 ADUN : Y.B. Tiew Way Keng (DUN Teratai)  
 Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
- i) Pn. Zuraina memaklumkan pihak jabatan telah menerima 1 surat bantahan yang ditandatangani oleh 94 penama terdiri daripada penduduk-penduduk Taman Pandan Perdana hasil. Antara bantahan yang dikemukakan ialah:
    - a) Pencemaran udara dan bunyi akan berlaku sekiranya kerja-kerja pembinaan bermula. Ini akan menjejaskan kehidupan penduduk di sekitar Pandan Perdana
    - b) Kemudahan-kemudahan rekreasi yang sedia ada tidak dapat dikekalkan
    - c) Keadaan alam sekitar yang selesa dan tasik yang indah tidak dapat dikekalkan
    - d) Keadaan trafik akan bertambah teruk sekiranya bangunan tersebut siap dibina.

- ii) Pn. Zuraina memaklumkan sesi taklimat projek dijadualkan akan diadakan pada 08/07/2013. Walau bagaimana pun tarikh tersebut akan dipinda kepada hari minggu yang akan ditentukan tarikhnya. Ia bertujuan memberi peluang kepada penduduk sekitar yang bekerja dapat hadir pada hari cuti tersebut.
- iii) Pn. Zuraina juga mengesyorkan supaya permohonan ini ditangguhkan kerana masih banyak ulasan teknikal berkaitan yang belum diterima.

Ulasan Dato' Pengerusi

- i) Dato' Pengerusi mengesyorkan permohonan ini ditangguhkan terlebih dahulu sehingga menerima ulasan daripada jabatan-jabatan teknikal berkaitan supaya dapat meneliti dengan lebih terperinci perkara-perkara teknikal seperti isu tanah, penyediaan kemudahan infrastruktur serta kesan pembangunan terhadap kawasan sekitar terutamanya kesan terhadap penduduk sekitar.

Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** berdasarkan perkara-perkara berikut:

- i) Mengadakan Sesi Taklimat Projek Pembangunan kerana terdapat bantahan daripada penduduk sekitar.
- ii) Mematuhi ulasan Kebenaran Merancang bertarikh 11Jun 2013 sepertimana berikut:
  - a) Lokasi tapak cadangan tidak menepati kriteria dari segi peletakan SOHO & Pangsapuri Perkhidmatan iaitu :
    - 1) Dalam kawasan pusat bandar
    - 2) Berhampiran terminal pengangkutan seperti Intergrated Transport Terminal, LRT dan komuter
    - 3) Berhampiran dengan kawasan Institusi seperti Universiti & Kolej
    - 4) Kawasan Pembangunan semula bandar
  - b) Mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JKTPKSAS) kerana merujuk kepada RT MPAJ 2020 bagi BPK 1.3 (Pandan Perdana), bagi gunatanah utama badan air adalah

tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JKTPKSAS)

- c) Meminda tajuk permohonan kepada PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH RUMAH KELAB DAN MEMBINA BANGUNAN PERNIAGAAN YANG MENGANDUNGI :

A)39 TINGKAT PANGSAPURI PERKHIDMATAN 744 UNIT (2 BLOK)

B)35 & 36 TINGKAT SOHO 1270 UNIT (2 BLOK)

C)11 TINGKAT & 1 MEZZANINE PODIUM YANG MENGANDUNGI SOHO 120 UNIT/TLK BERTINGKAT/KEMUDAHAN REKREASI IAITU...(SILA NYATAKAN)/KEMUDAHAN KOMUNITI IAITU ...(SILA NYATAKAN) & RUANG PERNIAGAAN BESERTA 2 TINGKAT TLK ARAS BAWAH TANAH

D)PELANTAR YANG MENGANDUNGI RESTORAN & KAFE 'ON STILT' DI ATAS TASIK SEDIA ADA DI ATAS LOT 44816 SELUAS 11.07 EKAR, JALAN PERDANA 3/10, PANDAN PERDANA, BANDAR AMPANG, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN.

- d) Meminda pelan bagi mematuhi keperluan di dalam Garis Panduan & Piawaian Perancangan Negeri Selangor, Edisi Kedua (Nov 2010) iaitu sepertimana berikut :

- 1) Menyediakan 244 TLK &135 TLM bagi premis perniagaan, 16 TLK & 9 TLM bagi Pelantar ruang makan/duduk/kafe serta 74 TLK OKU
- 2) Menyediakan minima 30.02 ekar kawasan lapang & kawasan landskap
- 3) Meminda pengiraan luas kawasan lapang/kemudahan rekreasi di bahagian Nota Perancangan bil (6) agar selaras dengan luas di bahagian petunjuk pelan kerana didapati luas yang pengiraan kawasan lapang dinyatakan adalah berbeza antara keduanya.
- 4) Memberi penjelasan apakah yang dimaksudkan dengan 'kemudahan dan ameniti'
- 5) 'kemudahan dan ameniti' tidak boleh dikira

- sebagai sebahagian daripada pengiraan kawasan lapang
- 6) Menyediakan keratan rentas yang jelas dengan menyatakan kegunaan bangunan mengikut aras.
  - e) Mengemukakan 'dilapidation report' kepada Jabatan Bangunan, MPAJ
  - f) Mendapatkan maklumat pemilikan tanah bagi lot bersebelahan iaitu Lot 27096
  - g) Mengemukakan bukti bahawa tiada perjanjian berkaitan rumah kelab diantara pembeli asal unit kediaman di Taman Pandan Perdana dengan pemaju
  - h) Menyediakan rezab bagi kemudahan sekolah rendah kerana jumlah penduduk adalah melebihi tadahan yang ditetapkan iaitu 3000-7500 bagi penyediaan sekolah rendah
  - i) Mendapatkan kebenaran bertulis daripada LUAS kerana merujuk kepada RT MPAJ 2020 bagi BPK 1.3 (Pandan Perdana), pembangunan yang berada dalam ruang anjakan 50 meter daripada sempadan rezab sungai dan badan air perlu mendapat kebenaran bertulis LUAS
  - j) Memberi penjelasan berkenaan surat PTD Hulu Langat bertarikh 24 Februari 2013 berkenaan kelulusan pemberimilikan tapak pencawang elektrik.
- iii) Mematuhi ulasan JPBD bertarikh 30 Mei 2013 iaitu **tidak dapat mempertimbangkan** permohonan sehingga pemohon membuat semakan semula dan mengemukakan pelan yang dipinda berdasarkan keperluan garispanduan-garispanduan berikut :
- a) Garis Panduan Khusus Pemeliharaan Alam Sekitar, Rancangan Tempatan MPAJ 2020 bagi Pembangunan Kawasan Tasik (Taman Tasik Perdana, Tasik Ampang Jaya/ Falamingo) dan Kawasan Tasik Bekas Lombong
  - b) Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Bab AS2 Pemeliharaan Topografi Semulajadi : Piawaian Pemeliharaan Kawasan Tasik Bekas.
- iv) Mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan, MPAJ iaitu sepertimana berikut:

- a) Pihak jabatan tidak bersetuju dengan cadangan laluan keluar masuk melalui Jalan Perdana 3/8 memandangkan ianya merupakan laluan penduduk sedia ada
- b) Menyediakan 'cul de sac' bagi penghujung jalan
- c) Mengemukakan cadangan menaiktaraf keseluruhan taman rekreasi sebagai sumbangan sosial untuk penggunaan masyarakat sekitar
- d) Menunjukkan dengan jelas 'discharge outlet' dari tapak cadangan hingga ke longkang utama
- e) Mengemukakan cadangan menaiktaraf longkang sedia ada
- f) Mengemukakan kajian terperinci Laporan Kesan Lalulintas (TIA) meliputi laluan-laluan masuk utama dari Cheras Indah dan Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR11).
- v) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada jabatan-jabatan berikut:
  - a) SYABAS
  - b) IWK
  - c) JPS Hulu Langat
  - d) TNB
  - e) JMG

Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

### 2.3.2 TETUAN L.S APPAREL SDN. BHD.

Pemohon : **Tetuan L.S Apparel Sdn. Bhd.**  
 Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Satu Blok Bangunan 4 Tingkat Yang Mengandungi Pejabat Dan Stor Simpanan Barang, Mengikut Seksyen 21 Akta 172 Bagi Tujuan Tukar Syarat Tanah Di Bawah Seksyen 124 1 (C), Kanun Tanah Negara (K.T.N), Seluas 1.21 Ekar, Di Atas PT 12761 Jalan Ikan Jelawat 2, Seksyen 15, Daerah Hulu Langat, Bandar Ampang, Selangor Darul Ehsan

No. Fail PBT : **MPAJ.PB.KP/2-16(2013)**  
 No. Fail OSC : **MPAJ.OSC.DEV.44.13**  
 Perunding : SAM Planners  
 ADUN : Y.B. Tn. Hj. Khasim Bin Abd. Aziz (DUN Lembah Jaya)

- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
- i) Pn. Zuraina mengesyorkan permohonan ini ditangguhkan kerana pemohon dikehendaki mengemukakan Laporan Penilaian daripada Penilai Berdaftar bagi tujuan pengiraan dan pengenaan caj pemajuan kepada Jabatan Penilaian dan masih belum mematuhi ulasan kebenaran merancang serta ulasan jabatan teknikal berkaitan.

Ulasan Dato' Pengerusi

- i) Dato' Pengerusi mencadangkan satu Jawatankuasa Penilaian ditubuhkan bagi membincangkan serta membuat ketetapan caj pemajuan yang dikenakan terhadap permohonan-permohonan kebenaran merancang yang bercanggah dengan syarat nyata tanah.

- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** berdasarkan perkara-perkara berikut:
- i) Mematuhi ulasan Jabatan Perancang Bandar seperti berikut:-
- a) Menyediakan anjakan sisi bersebelahan Lorong Ikan Jelawat 3 sebanyak 40'.
- b) Pengiraan Tempat Letak Motor untuk pejabat tidak mencukupi. Kiraan adalah seperti berikut:-
- **2916.75/84mp = 35 TLM**
- c) Pengiraan Tempat Letak Motor dan tempat Letak Lori untuk stor tidak mencukupi. Kiraan adalah seperti berikut:-
- **2818.73/185.8mp = 12 TLM**
  - **2818.73mp/929.9mp= 3 TLL**
- d) Tidak menyediakan '**perimeter planting**' yang mencukupi minimum 10' di bahagian selatan dan barat tapak pembangunan.
- e) Menyatakan jenis barang yang akan disimpan didalam cadangan stor tersebut.
- f) Menukar tajuk permohonan dan No. Fail di atas papan notis pemberitahuan pembangunan di tapakMengemukakan senarai Ahli Lembaga Pengarah untuk semakan jabatan.
- ii) Mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan iaitu:
- a) Menunjukkan dengan jelas 'discharge outlet' daripada tapak cadangan hingga ke longkang



- utama.
- iii) Menjelaskan bayaran caj pemajuan mengikut Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan 2010 N. Selangor.
  - iv) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) serta Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS).
  - v) Perlu mematuhi ulasan dan syarat serta memenuhi keperluan daripada lain-lain jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

### 2.3.3 TETUAN YU LIM DISTRIBUTOR SDN. BHD.

- Pemohon : **Tetuan Yu Lim Distributor Sdn. Bhd.**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Membina Sebuah Kilang Sesebuah 1 ½ Tingkat Di Atas Lot Pt 12699, No. 23, Jalan Kenchana, Taman Kenchana, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
- No. Fail PBT : **MPAJ.PB.KP/2-17(2013)**
- No. Fail OSC : **MPAJ.OSC.DEV.43.13**
- Perunding : Neo Urban Consult
- ADUN : Y.B. Tiew Way Keng (DUN Teratai)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Meminda pengiraan peratusan ruang pejabat sepertimana kiraan berikut :
    - 135.38mp x 100 = 14%
    - 973.56mp
  - ii) Meminda pengiraan tempat letak motosikal sepertimana kiraan berikut :
    - 973.56mp x 100 = 5 petak
    - 185.8mp
  - iii) Mematuhi ualasan Jabatan Kejuruteraan, MPAJ iaitu membina sebahagian infrastruktur daripada infrastruktur sedia ada sehingga ke tapak cadangan.
  - iv) Mematuhi ulasan dan syarat PTD Hulu Langat iaitu :
    - a) Menyelesaikan cukai tanah 2013
    - b) Mendirikan bangunan di atas lot yang

- diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri
- v) Mendapatkan 'consent letter' daripada pihak Malayan Banking Berhad selaku pemegang gadaian menjamin wang pokok.
  - vi) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada jabatan-jabatan berikut :
    - a) SYABAS
    - b) TNB

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

### 2.3.4 TETUAN VENUS CAPITAL CORPORATION SDN. BHD.

- Pemohon : **Tetuan Venus Capital Corporation Sdn. Bhd.**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pindaan Pelan Susunatur Untuk Pengubahan 28 Unit Rumah Sesebuah (RS 7 50'x100' Dan RS 8, 55'x101'-128) Daripada 3 Tingkat Kepada 2 Tingkat Diatas Lot PT 17903-PT 17910, PT 17912 - PT 17915, PT 17919-PT 17934, Bukit Palma Kemensah, Mukim Ulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
- No. Fail PBT : **MPAJ PB.KP/2-19(2013)**
- No. Fail OSC : **MPAJ/OSC/DEV/41/11**
- Perunding : AHA Planning Consultant
- ADUN : Y.B. Saari Bin Sungib (DUN Hulu Kelang)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Mengemukakan surat kebenaran daripada CIMB Bank Berhad kerana terdapat gadaian menjamin wang pokok (No. Perserahan 5412J/2007 dan 3720/2011).
  - ii) Mematuhi ulasan dan syarat-syarat oleh jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan dalam kelulusan Kebenaran Merancang pada 27/7/2007 dalam Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 8/2007.
  - iii) Mematuhi ulasan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

## 2.3.5 TETUAN DIGISTAR PROPERTIES SDN. BHD.

- Pemohon : **Tetuan Digistar Properties Sdn. Bhd.**  
Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Menyerah Balik Dan Memberi Milik Semula Bagi Cadangan Merobohkan Sebuah Rumah Banglo Sediada Dan Membina Bangunan Pejabat 3 Tingkat Dengan Sub Basmen Tempat Letak Kereta Di Atas Lot 4 & Pt 500, Jalan Satu, Taman Ampang Utama, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
- No. Fail PBT : MPAJ PB.KP/2-18(2013)  
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.46.13  
Perunding : Konsep Karisma Sdn. Bhd.  
ADUN : Y.B. Tn. Haji Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)  
Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ  
i) Pn. Zuraina permohonan ini ditangguhkan kerana masih banyak ulasan teknikal berkaitan yang belum diterima.
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** berdasarkan perkara-perkara berikut:  
i) Mematuhi ulasan kebenaran merancang yang telah dikeluarkan pada **21/06/2013** iaitu:  
a) Memberi penjelasan berkaitan dengan perbezaan keluasan di dalam Pelan Akui adalah 1314 mp dan dokumen hakmilik sementara/ carian rasmi adalah 1326.1475 mp manakala keluasan di dalam pelan susunatur adalah 1294.70 mp.  
b) Meminda tajuk permohonan dengan memasukkan seksyen 204B(KTN) iaitu 'Permohonan Kebenaran Merancang untuk menyerah balik dan memberi milik semula tanah di bawah seksyen 204B (KTN) bagi cadangan merobohkan sebuah rumah banglo sedia ada dan membina bangunan pejabat 3 tingkat dengan sub besmen tempat letak kereta di atas lot 4 & PT 500, Jalan 1, Taman Ampang Utama, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan'.

- c) Mengemukakan **Consent Letter** dari **United Overseas Bank Malaysia Bhd** untuk kedua-dua lot PT4 dan PT500 kerana tanah ini telah digadaikan kepada pihak **United Overseas Bank Malaysia Bhd**.
- d) Meminda anjakan bangunan sisi kiri dan kanan serta anjakan belakang daripada 10 kaki kepada 13 kaki bagi mematuhi garispanduan.
- e) Didapati jarak laluan keluar masuk dari tapak pembangunan adalah terlalu hampir dengan lampu isyarat sedia ada di persimpangan Utama Jalan 1/ Jalan Ampang. Laluan ini sangat sibuk kerana ia merupakan laluan utama ke Taman Ampang Utama dan kawasan sekitar yang lain. Disyorkan pemohon menyediakan Laporan Kajian Kesan Lalulintas (TIA) untuk penelitian dan pertimbangan selanjutnya.
- f) Menyediakan 13 petak TLM bagi mematuhi Garispanduan Perancangan Khusus Perniagaan di Lot Kediaman sesebuah.
- g) Mengemukakan laporan penilaian bagi tujuan pengiraan caj pemajuan kerana syarat nyata bagi PT 4 adalah bangunan kediaman.
- ii) Mematuhi ulasan PTD Hulu Langat iaitu :
  - a) Mendapatkan kebenaran daripada pemegang gadaian.
  - b) Mematuhi syarat-syarat lain yang dikenakan oleh Jabatan Teknikal.
  - c) Menggunakan keluasan Lot 26512 dan lot 17962 untuk pelan Kebenaran Merancang dan pelan-pelan berkaitan.
  - d) Jika kebenaran merancang diluluskan, pemilik dikehendaki mengemukakan permohonan 'Serah balik dan Pemberimilikan semula' Seksyen 204 KTN ke Pejabat Tanah.
  - e) Semua pelan-pelan berkaitan pembangunan tanah dan kerja-kerja di tapak terbabit hendaklah ditangguhkan sehingga urusan dan bayaran berkaitan permohonan 'Serah Balik dan Pemberimilikan Semula' diselesaikan sepenuhnya.
  - f) Pemilik/ pemaju hendaklah mendirikan

bangunan di dalam tapak/ tanah lot yang diluluskan oleh Kerajaan.

- iii) Mematuhi ulasan dan syarat serta memenuhi keperluan daripada lain-lain jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

SULIT

## 2.4 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (RUMAH SESEBUAH)

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang (Rumah Sesebuah) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

### 2.4.1 TETUAN KK WOO ELECTRICAL ENGINEERING SDN. BHD.

Pemohon	:	<b>Tetuan KK Woo Electrical Engineering Sdn. Bhd.</b>
Tajuk	:	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Membina Rumah Sesebuah 3 Tingkat Di Atas Lot PT 33527, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
Perunding	:	HRC Planning Consultant
No. Fail PBT	:	MPAJ.PB.KP/3-26 (2013)
No. Fail OSC	:	MPAJ.OSC.DEV.45.13
ADUN	:	Y.B. Tn. Hj. Khasim Bin Abd. Aziz (DUN Lembah Jaya)
Keputusan	:	Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini <b>ditolak</b> berdasarkan perkara-perkara berikut: i) Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Langat <b>tidak menyokong</b> permohonan ini kerana: a) Keluasan di dalam hakmilik tidak sama dengan Pelan Akui PA 90479 dan Kebenaran Merancang. b) Pemohon perlulah memohon hak milik muktamad berdasarkan Pelan Akui tersebut dengan mendapatkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dahulu.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

### 2.4.2 TETUAN LEEVIEW CORPORATION SDN. BHD.

Pemohon	:	<b>Tetuan Leeview Corporation Sdn. Bhd.</b>
Tajuk	:	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Rumah Banglo 3 Tingkat Di Atas Lot 17079, P.M 10644, Jalan 1, Taman Ampang Utama, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor .
Perunding	:	Planners & Designers Sdn. Bhd.
No. Fail PBT	:	MPAJ.PB.KP/3-27 (2013)

No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.48.13  
ADUN : Y.B. Tn. Haji Mohamed Azmin Bin Ali  
(DUN Bukit Antarabangsa)

Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:

- i) Mematuhi surat akujanji bertarikh 22 Jun 2013 yang telah dikemukakan kepada Jabatan Perancang Bandar bahawa bangunan cadangan adalah sebagai kediaman.
- ii) Mendapatkan ulasan dan sokongan daripada PTD Hulu Langat.
- iii) Mematuhi ulasan dan syarat serta memenuhi keperluan daripada lain-lain jabatan teknikal yang berkaitan.

Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

## 2.5 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar Guna) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

### 2.5.1 TADIKA ERIKIDS SDN. BHD.

- Pemohon : **Tadika Erikids Sdn. Bhd.**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Menukar Kegunaan Bangunan Daripada Kediaman Kepada Tadika Di Alamat 393, Jalan 3, Taman Ampang Utama, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
- No. Fail PBT : MPAJ .KP/4-8/2013
- No. Fail OSC : MPAJ.OSC. DEV.49.13
- ADUN : Y.B. Tn. Haji Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Kelulusan tukar guna bangunan ini diberikan secara sementara dan lesen akan dikeluarkan secara tahunan iaitu dari tahun ke tahun. Sekiranya terdapat bantahan awam atau penyalahgunaan kelulusan atau perancangan pihak Majlis pada masa hadapan, kelulusan akan ditarikbalik atau dikaji semula.
  - ii) Menyediakan kemudahan dan infrastruktur di tapak cadangan mengikut keperluan semasa.
  - iii) Tidak menghalang lalu lintas sekitar dan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk setempat.
  - iv) Mengemukakan permohonan lesen perniagaan kepada Jabatan Pelesenan, MPAJ.
  - v) Mematuhi ulasan dan syarat serta memenuhi keperluan daripada lain-lain jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**



LAMPIRAN 6**2.6 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (LANJUT TEMPOH)**

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Lanjut Tempoh) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

**2.6.1 TETUAN LOW CHEE & SON SDN. BHD.**

Pemohon	:	<b>Tetuan Low Chee &amp; Son Sdn. Bhd.</b>
Tajuk	:	Permohonan Untuk Perlanjutan Tempoh Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Menukar Syarat Kegunaan Tanah Daripada Pertanian Kepada Bangunan/ Rumah Kediaman Dan Pecah Sempadan Secara Serentak Di Bawah Seksyen 124A Kanun Tanah Negara (KTN) Bagi Cadangan Pembangunan Skim 'Gated Community' Di Bawah Seksyen 6 (1A) Akta 318 (Akta Hakmilik Strata 1985), Bagi Cadangan Pembangunan 10 Unit 'Town House' 3 Tingkat Dan 1 Unit Rumah Sesebuah Di Atas Lot 591, Taman Dagang Jaya, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor
Perunding	:	Jururancang Harta Sdn. Bhd.
No. Fail PBT	:	MPAJ 11/2/2/16-2012
No. Fail OSC	:	MPAJ/OSC/DEV/43/12
ADUN	:	Y.B. Khasim Bin Abd. Aziz (DUN Lembah Jaya)
Keputusan	:	Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan lanjut tempoh ini <b>diluluskan</b> dengan syarat: i) Lanjut tempoh Kebenaran Merancang diberi dari 27/07/2013 sehingga 27/07/2014 ii) Mengekalkan syarat-syarat kelulusan Kebenaran Merancang yang lalu.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

#### 4.7 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (CAD. NAMA TAMAN & ALAMAT)

Enam (6) permohonan Kebenaran Merancang (Cad. Nama Taman & Alamat) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

##### 4.7.1 TETUAN BHL GEMILANG SDN. BHD.

- Pemohon : **Tetuan BHL Gemilang Sdn. Bhd.**  
Tajuk : Permohonan Menamakan Projek Pembangunan Dan Alamat Bagi Cadangan Membina :
- i. 2 Blok Pangsapuri Perkhidmatan Dan Kemudahan-Kemudahan :
    - a) Blok A Sebanyak 189 Unit Pangsapuri Perkhidmatan dan Kemudahan-Kemudahan (21 Tingkat)
    - b) Blok B Sebanyak 278 Unit Pangsapuri Perkhidmatan dan Kemudahan-Kemudahan (23 Tingkat)
  - ii. 1 Blok Podium (8 Tingkat) Yang Mengandungi :
    - a) 18 Unit Ruang Retail (Disebahagian Aras 1-2)
    - b) 36 Unit Ruang Pejabat (Disebahagian Aras 3-4)
    - c) 1 Unit Perpustakaan MPAJ (Disebahagian Aras 2)
    - d) Tempat Letak Kereta dan Tempat Letak Motorsikal (Disebahagian Aras 1-4 dan Aras 5-8)
    - e) Tempat Letak Kereta Separa Bawah Tanah (Aras Separa Bawah Tanah 1 & 2)
    - f) Tempat Letak Kereta Bawah Tanah (Aras Bawah Tanah 1-3)
- Di Atas Lot PT 12382 Dan PT 6521, Taman Bukit Segar, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
- No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/6-1 (2013)  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/117/10  
ADUN : Y.B. Tiew Way Keng (DUN Teratai)
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan agar cadangan nama

bangunan 'The Mark' dipinda kepada '**Puncak Mas**' agar selaras dengan nama pembangunan bersebelahan iaitu Vista Mas dan Bayu Mas.

Nama Bangunan dan alamat yang dipersetujui **diluluskan** adalah seperti berikut:

Bagi Pejabat : P-3-1, **The Puncak Mas**,  
Office Suite,  
Jalan Bukit Segar Jaya,  
Taman Bukit Segar,  
43200 Cheras  
Selangor Darul Ehsan

Bagi Kedai : 1-G-R, **The Puncak Mas**,  
Jalan Bukit Segar Jaya,  
Taman Bukit Segar,  
43200 Cheras  
Selangor Darul Ehsan

Bagi Pangsapuri  
Perkhidmatan (Blok A): A-9-1, **The Puncak Mas**,  
Tower A,  
Jalan Bukit Segar Jaya,  
Taman Bukit Segar,  
43200 Cheras  
Selangor Darul Ehsan

Bagi Pangsapuri  
Perkhidmatan (Blok B): B-9-1 **The Puncak Mas**,  
Tower B,  
Jalan Bukit Segar Jaya,  
Taman Bukit Segar,  
43200 Cheras

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

**4.7.2 TETUAN UKAY CAPITAL DAN PROPERTIES SDN. BHD.**

Pemohon : **Tetuan Ukay Capital Dan Properties Sdn. Bhd.**  
Tajuk : Permohonan Menamakan Nombor Rumah Dan Alamat Bagi Cadangan Membina 30 Unit Rumah Sesebuah Di Jalan Ukay Seraya 1, Jalan Ukay Seraya 2 Dan Jalan Ukay Seraya 3, Taman Ukay Seraya, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak

No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/6-6/2013  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/62/08  
ADUN : Y.B. Saari Bin Sungib  
(DUN Hulu Kelang)

Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan pindaan cadangan alamat ini **diluluskan** sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Pihak Pos Malaysia iaitu:

No. 3, Jalan Ukay Seraya 1,  
Taman Ukay Seraya,  
68000 Ampang,  
Selangor Darul Ehsan

No. 5, Jalan Ukay Seraya  
Taman Ukay Seraya,  
68000 Ampang,  
Selangor Darul Ehsan

No. 7, Jalan Ukay Seraya 3,  
Taman Ukay Seraya,  
68000 Ampang,  
Selangor Darul Ehsan

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

**4.7.3 TENG KOK CHIANG**

Pemohon : **Teng Kok Chiang**  
Tajuk : Permohonan Menukar Nombor Rumah Bagi Alamat 24, Jalan 32,Taman Putra Kepada 23A, Jalan 32, Taman Putra, 56100 Cheras, Selangor Darul Ehsan

No. Fail PBT : MPAJ.PB.KP/6-5/2013  
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.33.13  
ADUN : Y.B. Tiew Way Keng(DUN Teratai)

Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan pindaan cadangan alamat ini **diluluskan** sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Pihak Pos Malaysia iaitu:

No. 22A, Jalan 32,  
Taman Putra,  
68000 Ampang,  
Selangor Darul Ehsan.

**Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

#### 4.7.4 TETUAN MITRALAND MELAWATI SDN. BHD.

Pemohon : **Tetuan Mitraland Melawati Sdn. Bhd.**  
Tajuk : Permohonan Cadangan Alamat Bagi Pembangunan Skim Komuniti Berpagar Dan Berpengawal Yang Mengandungi Perumahan Rumah Town Villa Jenis A, B, C, D Dan E Sebanyak 81 Unit, 36 Unit Apartment Kos Sederhana, 1 Unit Pondok Pengawal, 2 Unit Stesen Pencawang Elektrik, 1 Unit Rumah Kelab Dan 1 Unit Kebuk Sampah Di Atas Lot 1219, 1220 Dan 1221, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan

No. Fail PBT : MPAJ 11/2/6/15-2013  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/70/11  
ADUN : Y.B. Saari Bin Sungib(DUN Hulu Kelang)

Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan pindaan cadangan alamat ini **diluluskan** sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Pihak Pos Malaysia iaitu:

No. 34, Kuarza 16,  
Jalan Melawati 7B,  
Taman Melawati,  
53100 Hulu Kelang,  
Selangor Darul Ehsan

03-06, Kuarza 16 Apartment,  
Jalan Melawati 7B,  
Taman Melawati,  
53100 Hulu Kelang,  
Selangor Darul Ehsan

Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

#### 4.7.5 TETUAN TWIN RIDGE SDN. BHD.

Pemohon : **Tetuan Twin Ridge Sdn. Bhd.**  
Tajuk : Permohonan Cadangan Pindaan Alamat Bagi Pelan Kelulusan MPAJ Bil.(18)DIm MPAJ 11/2/6/112 Bertarikh 3hb Jun 2010 Untuk Cadangan Pembangunan Perumahan (Guarded Community) Di Atas Lot 424, Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan

No. Fail PBT : MPAJ 11/2/6/112  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/44/07  
ADUN : Y.B. Saari Bin Sungib(DUN Hulu Kelang)

Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan pindaan cadangan alamat ini **diluluskan** sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Pihak Pos Malaysia iaitu:

No. 2, Persiaran Nadayu 1,  
Taman Nadayu,  
53100 Hulu Kelang,  
Selangor Darul Ehsan

Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

#### 4.7.6 TETUAN KETAPANG REALTY SDN. BHD.

Pemohon : **Tetuan Ketapang Realty Sdn. Bhd.**  
Tajuk : Permohonan Cadangan Nama Jalan Dan Nombor Alamat Bagi Pembangunan 118 Unit Perumahan Di Bawah Seksyen 6(1A) Akta 318 (Gated Community) Yang Mengandungi :-

1. Jenis A Rumah Sesebuah, Zero Lot 2 ½ Tingkat (75 Unit)
2. Jenis B Rumah Sesebuah, Zero Lot 2 ½ Tingkat (35 Unit)
3. Jenis C Rumah Sesebuah, 3 Tingkat (8 Unit)

Beserta 1 Unit Rumah Kelab 1 Tingkat Dan 1 Unit

Pondok Pengawal 1 Tingkat Di Atas Lot 15283 (PN 7338) Seksyen 2, Bandar Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan

No. Fail PBT : MPAJ 11/2/6/11-2012  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/25/12  
ADUN : Y.B. Saari Bin Sungib(DUN Hulu Kelang)

Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan pindaan cadangan alamat ini **diluluskan** sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Pihak Pos Malaysia iaitu:

18, Jalan Tijani 1/B,  
Taman Tijani Ukay,  
68000 Ampang,  
Selangor

Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

## 2.8 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (PELBAGAI)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Pelbagai) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

### 2.8.1 PERSATUAN PENDUDUK TAMAN SRI UKAY

Pemohon	:	<b>Persatuan Penduduk Taman Sri Ukay</b>
Tajuk	:	Permohonan Pembangunan Skim Komuniti Berpengawal Untuk Mewujudkan Sistem Kawalan Keselamatan, Besi Penghadang Jalan / Boom Gate Pondok Pengawal Dalam Kawasan Perumahan Taman Sri Ukay, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
Nama Persatuan	:	Persatuan Penduduk Taman Sri Ukay
No. Fail PBT	:	MPAJ.PB.KP/8-3 (2013)
ADUN	:	Y.B. Tn. Haji Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)
Ulasan	:	<u>Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ</u> i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini adalah untuk mewujudkan sistem keselamatan besi penghadang / boom gate dan pondok pengawal di taman Sri Ukay. ii) Walau bagaimanapun, permohonan ini perlu dikemukakan PTD Hulu Langat bagi memperolehi kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (Temporary Occupation Licence-TOL)
		<u>Ulasan Dato' Pengerusi</u> i) Dato' Pengerusi syor permohonan ini ditangguhkan terlebih dahulu sehingga isu bantahan yang dikemukakan oleh pihak Sekolah Adni terhadap permohonan ini dapat diselesaikan oleh pihak MPAJ
Keputusan	:	Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini <b>ditangguhkan</b> sehingga isu bantahan yang dikemukakan oleh pihak Sekolah Adni terhadap permohonan ini dapat diselesaikan oleh pihak MPAJ.

Tindakan : OSC Pembangunan  
Jab. Perancang Bandar,MPAJ



LAMPIRAN 9**4.9 PERMOHONAN PELAN INFRASTRUKTUR**

Tiga (3) Permohonan Pelan Infrastruktur dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

**4.9.1 TETUAN LIEW YOON FATT (M) SDN. BHD.**

Pemohon : **Tetuan Liew Yoon Fatt (M) Sdn. Bhd.**  
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-03/140A  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/44/09  
Tajuk : Cadangan Membina Sebuah Setor Menyimpan Barang Sementara Di Atas Lot 15 (Pt 12741), Jalan Kencana 20, Taman Kencana Cheras, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan  
Perunding : YOF Consult  
ADUN : Y.B. Cik Tiew Way Keng (Adun Teratai)  
Ulasan & : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**  
Pertanyaan

Beliau memaklumkan permohonan merupakan pindaan pelan infrastruktur yang melibatkan perubahan material bagi pembinaan jalan , iaitu dari struktur premix kepada struktur konkrit.

Beliau juga memaklumkan pertukaran material dari struktur premix kepada struktur konkrit tidak mendatangkan sebarang permasalahan ditapak memandangkan struktur konkrit adalah lebih kukuh dan mengurangkan kerja-kerja penyelenggaraan.

Hasil semakan permohonan telah mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan.

**Dato' Pengerusi**

Dato' Pengerusi meminta wakil kajibumi daripada Jabatan Kejuruteraan ,MPAJ menyemak keadaan tanah sediaada di tapak samada strukturnya selamat atau mudah berlakunya mendapan.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** .

Tindakan : Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ

**4.9.2 TETUAN SUNLIGHT PRODUCTION INDUSTRY (M) SDN. BHD.**

Pemohon : **Tetuan Sunlight Production Industry (M) Sdn. Bhd.**  
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-03/137A  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/44/09  
Tajuk : Cadangan Membina Sebuah Dewan Sukan Swasta Sementara (Perdagangan) Diatas Plot 4 (Pt 13024) Dan Sebuah Setor Menyimpan Barang Sementara Di Atas Lot 14 (Pt 13025), Jalan Kencana 20, Taman Kencana Cheras, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : YOF Consult  
ADUN : Y.B. Cik Tiew Way Keng (Adun Teratai)  
Ulasan & : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**  
Pertanyaan

Beliau memaklumkan permohonan merupakan pindaan pelan infrastruktur yang melibatkan perubahan material bagi pembinaan jalan , iaitu dari struktur premix kepada struktur konkrit.

Hasil semakan permohonan telah mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** .

**Tindakan : Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

**4.9.3 TETUAN MUN XIN SDN. BHD**

Pemohon : **TETUAN MUN XIN SDN. BHD**  
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-03-157A  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/49/10  
Tajuk : Cadangan Mendirikan Sebuah Pusat Pamean Dan Penyimpanan Di Atas Lot 836, Jalan Dagang 10, Taman Dagang Jaya, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : CK Engineers & Associates  
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Khassim B. Abd. Aziz (Dun Lembah Jaya)  
Ulasan & : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**  
Pertanyaan

Beliau memaklumkan permohonan merupakan pindaan

pelan infrastruktur yang melibatkan perubahan material bagi pembinaan jalan , iaitu dari struktur premix kepada struktur konkrit.

Hasil semakan permohonan telah mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** .

Tindakan : Bah. OSC MPAJ,  
Jab. Kejuruteraan, MPAJ

SULIT

## 4.10 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (RUMAH SESEBUAH)

**Dua (2) Permohonan Pelan Bangunan (Rumah Sesebuah) telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.**

## 4.10.1 ENCIK MOHAMED BIN MD NOH

Pemohon : **Encik Mohamed Bin Md Noh**  
No. Fail PBT : MPAJ BS.KB 740-1/1-27/13  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/67/12  
Tajuk : Cadangan Membina 1 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Beserta Kolam Renang Diatas Gm 396 Lot 18127 Dan Gm 395 Lot 18128, Jalan 5/1a, Taman Kemensah Height, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan  
Perunding : Intan Jasmine Architect  
ADUN : Y. B. Saari Bin Sungib  
( DUN Hulu Kelang )  
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.13/2013 bertarikh 10 Julai 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan.**  
**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ & OSC Pembangunan**

## 4.10.2 EN. RIDZUAN ONN BIN ABDULLAH DAN PN. ROHANA BINTI TALIB

Pemohon : **En. Ridzuan Onn Bin Abdullah dan Pn. Rohana Binti Talib**  
No. Fail PBT : MPAJ BS.KB 740-1/1-30/13  
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.56.13  
Tajuk : Cadangan Membina 1 Unit Rumah Jenis Sesebuah 3 Tingkat Di Atas Lot No. Pt 18141, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.  
Perunding : Akitek Ibnu Adam  
ADUN : Y. B. Saari Bin Sungib  
( DUN Hulu Kelang )  
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.13/2013 bertarikh 10 Julai 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan dengan syarat** mematuhi ulasan seperti surat bil.(2) MPAJ.BS.KB 740-1/1-30/13 bertarikh 05.07.2013.  
**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ & OSC Pembangunan**

## 2.11 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (STRUKTUR TELEKOMUNIKASI)

**Satu (1) Permohonan Pelan Bangunan (Struktur Telekomunikasi) telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.**

## 2.11.1 TETUAN DIGI TELECOMUNICATIONS SDN. BHD.

Pemohon : **Tetuan Digi Telecommunications Sdn. Bhd.**  
No. Fail PBT : MPAJ.BS.SBBT.740-1/1-11/2013  
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/TC/11/13  
Tajuk : Cadangan Membina Dan Menyiapkan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Jenis 'Minimast' Setinggi 10 Meter Dan Peralatan Suis Telekomunikasi Di Atas Bumbung Bangunan Pejabat Industri 3 Tingkat Yang Sediada Di Atas Lot Pt 28103, Premis No. 11, Jalan 6/14, Kg. Tasek Tambahan, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.  
Perunding : De Perunding Sdn. Bhd.  
ADUN : Y. B. Khasim bin Abdul Aziz  
( DUN Lembah Jaya )  
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.13/2013 bertarikh 10 Julai 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan (Struktur Telekomunikasi) ini **diluluskan.**

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ  
& OSC Pembangunan**

## 2.12 HAL-HAL LAIN

### 2.12.1 Makluman Kelulusan Tambahan Dan Pindaan (Ubahsuai), Permit Pelbagai dan Ubahsuai Dalamam.

- a. Sebanyak 28 permohonan Tambahan Dan Pindaan (Ubahsuai) telah diproses dan diluluskan.
- b. Sebanyak 16 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalamam telah diproses dan diluluskan.

### 2.12.2 Makluman Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah dan Infrastruktur

Sebanyak 2 permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah dan Infrastruktur telah diproses dan diluluskan.

## 3.0 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua Ahli Jawatankuasa dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11:25 pagi.

*Disediakan Oleh:  
Bahagian Urusetia  
Pusat Khidmat Setempat Pembangunan (OSC)  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya*

7.7.  
LAPORAN MESYUARAT PUSAT SETEMPAT (OSC)  
BIL.14/2013

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)  
BIL. 14/2013  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 19 HB JULAI 2013 (JUMAAT)**

**MASA : 9.30 PAGI**

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,  
ARAS 16, MPAJ**

**KEHADIRAN AHLI-AHLI MESYUARAT**

BIL	HADIR	JABATAN / AGENSI
1.	Y. Bhg. Dato' Mohammad B. Yacob	Yang DiPertua MPAJ (Pengerusi)
2.	Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain	Timbalan Yang DiPertua MPAJ
3.	Tn. Abdul Aziz B. Ahmad	Ahli Majlis MPAJ
4.	Tn. Abdul Jalil B. Hassan	Ahli Majlis MPAJ
5.	Pn. Sian Keng Eng	Ahli Majlis MPAJ
6.	En. Hisham B. Zulkifli	Pej. Tanah & Daerah Gombak
7.	En. Mohd Mushawwir B. Mohd Sam	Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
8.	En. Mohammad Said B. Timon	JPBD Selangor
9.	En. Qalam A'zad Rosle	Jab. Mineral & Geosains Selangor
10.	En. Mohd Azri B. Md Baharudin	Jab. Kerja Raya Hulu Langat
11.	DSP Hj. Abd. Rahman B. Hj. Hasnan	PDRM (Daerah Ampang)
12.	Cik Nur Hanis Akmal Bt. Ahmad Fauzi	Jab. Pengairan & Saliran Gombak
13.	En. Azhar B. Ramli	Jab. Pengairan & Saliran Hulu Langat
14.	Pn. Nor Liza Bt. Yen	Jab. Alam Sekitar Selangor
15.	En. Mohd Fauzi B. Embong	POS Malaysia Berhad
16.	Pn. Noor Izzati Bt. Abas	Indah Water Konsortium (IWK)
17.	Pn. Asiah Bt. Borhan	SKMM Wilayah Tengah
18.	Pn. Zuraina Bt. Said	Jab. Perancang Bandar MPAJ
19.	En. Hasrolnizam B. Shaari	Jab. Kejuruteraan MPAJ
20.	En. Yazid B. Sarkom	Jab. Bangunan & Senibina MPAJ
21.	En. Johari B. Atli	Jab. Undang-Undang MPAJ
22.	En. Khairulazmi B. Abd Rahman	Jab. Penilaian & Pengurusan Harta
23.	Pn. Rohana Bt. Mohd Nor	Ketua Bahagian OSC
24.	En. Mohd Hafiz B. Abd. Halim	Urusetia OSC Pembangunan
25.	Pn. Rozita Bt. Razali	Urusetia OSC Pembangunan
26.	Pn. Rahah Bt. Jalaludin	Urusetia OSC Pembangunan
27.	Pn. Hajjah Norhayati Bt. Ahmad	Peg. Perhubungan Awam
28.	Pn. Siti Raudah Bt. Idris	Jab. Perbandaran & Kesihatan
29.	En. Azam B. Husni	Jab. Penguatkuasa



**TURUT HADIR**

- |                                     |                        |
|-------------------------------------|------------------------|
| 1. Pn. Ruziana Bt. Leemon           | Jab. Perancang Bandar  |
| 2. Pn. Juhaida Bt. Kassim           | Jab. Perancang Bandar  |
| 3. Tg. Norhani Bt. Tg. Hamzah       | Jab. Perancang Bandar  |
| 4. Pn. Maslinda Bt. Mohd Yusuf      | Jab. Bangunan Senibina |
| 5. En. Mohd Hirazat B. Abdul Wahid  | Jab. Bangunan Senibina |
| 6. En. Zahari B. Mohd Nor           | Jab. Kejuruteraan      |
| 7. En. Mohd Fadzil B. Mohd Ishak    | Jab. Kejuruteraan      |
| 8. En. Mohd Khairudin Muhamed       | Jab. Kejuruteraan      |
| 9. En. M. Khairul Nizam B. M. Kamil | Jab. Kejuruteraan      |

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

- |   |                    |
|---|--------------------|
| 1. Tn. Razali B. Ramly (Ahli Majlis MPAJ) | <b>TIDAK HADIR</b> |
| 2. Kumpulan IKRAM Sdn Bhd                 | <b>TIDAK HADIR</b> |
| 3. Jab. Kerja Raya Gombak                 | <b>TIDAK HADIR</b> |
| 4. Jab. Bomba & Penyelamat Selangor       | <b>TIDAK HADIR</b> |
| 5. Jab. Pengairan & Saliran Selangor      | <b>TIDAK HADIR</b> |
| 6. SYABAS                                 | <b>TIDAK HADIR</b> |
| 7. TNB Distribution Sdn. Bhd.             | <b>TIDAK HADIR</b> |
| 8. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)       | <b>TIDAK HADIR</b> |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN  
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.07/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)**

**1. TUJUAN**

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

**2. LATARBELAKANG**

***Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 14/2013 telah diadakan pada 19 Julai 2013 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:***

**2.3 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

Satu (1) Permohonan Pelan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah diluluskan dengan syarat.

**(LAMPIRAN 1)**

**2.4 PERMOHONAN SERENTAK**

Dua (2) Permohonan Serentak Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan telah dikemukakan. Satu (1) telah ditolak dan satu (1) telah diluluskan dengan syarat.

**(LAMPIRAN 2)**

**2.3 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG**

Lima (5) cadangan Kebenaran Merancang telah dikemukakan, satu (1) telah dibatalkan dan empat (4) telah ditangguhkan.

**(LAMPIRAN 3)**

**2.9 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (RUMAH SESEBUAH)**

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang (Rumah Sesebuah) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

**(LAMPIRAN 4)**

**2.10 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)**

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar Guna) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat .

**(LAMPIRAN 5)**

**2.11 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (LANJUT TEMPOH)**

Tiga (3) permohonan Kebenaran Merancang (Lanjut Tempoh) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat .

**(LAMPIRAN 6)**

**2.12 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (CAD. ALAMAT)**

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang (Cad Alamat) telah dikemukakan dan telah diluluskan.

**(LAMPIRAN 7)**

2.13 **PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (PELBAGAI)**

Tiga (3) permohonan Kebenaran Merancang (Pelbagai) telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

**(LAMPIRAN 8)**

2.9 **HAL-HAL LAIN**

2.9.1 Sebanyak 30 Permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 26 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalam telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 14/2013.

**(LAMPIRAN 9)**

**3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

2.1.1 Satu (1) Permohonan Kebenaran Merancang, yang pernah ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.

**2.1.1 (i) TETUAN SRI SELTRA SDN. BHD.**

Pemohon : **TETUAN SRI SELTRA SDN. BHD.**  
Tajuk : Permohonan Pindaan Cadangan Kebenaran Merancang Bagi Pembangunan Pangsapuri Kos Sederhana Tinggi Dari 552 Unit Kepada 532 Unit (Pengurangan Sebanyak 20 Unit) Di Atas Lot PT 30442 Dan Sebahagian Lot 30443, Taman Nirwana, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Metropolis Planning Sdn.Bhd.

No. Fail PBT : MPAJ 11/2/2/45-2

No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/103/07

ADUN : Y.B. Iskandar B. Abd. Samad  
(DUN Cempaka)

Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ

iii) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini pernah ditangguhkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 10/2013 pada 28/5/2013 kerana perlu mematuhi syarat-syarat teknikal yang telah dikeluarkan oleh jabatan-jabatan teknikal berkaitan.

iv) Walau bagaimanapun, permohonan ini disyorkan untuk diluluskan kerana pemohon telah patuhi syarat-syarat dan keperluan jabatan.

Ulasan Dato' Pengerusi

i) Dato' Pengerusi meminta pemohon menambah 1 lagi kebuk sampah di dalam tapak pembangunan.

